

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan(2001)(No.2) 2001

(Halaman 17)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S. (Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandkar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
Datuk Dr. Charlie Chau Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- " Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- " Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- " Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- " Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- " Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- " Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- " Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- " Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- " Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- " Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)

- Yang Berhormat Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)
- “ Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan**Penolong Setiausaha**Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof**JURUBAHASA SERENTAK**Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin**BENTARA MESYUARAT**Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 4 November 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam binti Haron.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 1.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun Puan Hajah Che Jam binti Haron tidak hadir pagi ini dan oleh sebab Yang Berhormat Menteri sendiri akan menjawab soalan itu, saya benarkan soalan ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim.

1. **Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim [Di bawah P.M 23(2)]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) pencapaian sistem mentor yang telah diperkenalkan pada 28 September 1995 dan berapakah syarikat mentee yang mendapat manfaat daripada program tersebut; dan
- (b) bagaimana status syarikat bertaraf mentor yang telah bertukar pengurusan dan bankrap kerana program ini sepatutnya telah mencapai tahap matang dalam tempoh 3 hingga 5 tahun tetapi tiada sebarang kemajuan sehingga ke tahun keenam sekarang.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) program mentor yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan telah dilancarkan pada 28 September 1995. Program mentor ialah program di mana syarikat besar iaitu syarikat mentor memberikan latihan, bimbingan dan pendedahan kepada bakal-bakal usahawan dan usahawan kecil dan sederhana yang dipanggil mentee bagi membantu mewujudkan lebih ramai usahawan dalam pelbagai bidang serta membantu mereka mencapai tahap berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing dalam pasaran terbuka serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia secara amnya.

Sejak enam tahun pelaksanaannya, program mentor telah berjaya dan mencapai matlamat untuk mewujudkan lebih ramai usahawan baru melalui bimbingan dan bantuan daripada syarikat besar dan sehingga 20 November 2001 seramai 1,049 usahawan kecil (mentee) telah dapat dibangunkan melalui bimbingan 34 syarikat mentor dalam pelbagai perniagaan iaitu dalam bidang perkhidmatan - 80%, hartanah dan pembinaan - 8%, pembuatan - 6%, kejuruteraan - 3%, teknologi maklumat - 1%, perladangan - 1% dan perdagangan 1%.

- (b) Sememangnya tidak dinafikan bahawa terdapat sebilangan kecil syarikat mentor mengalami masalah khususnya daripada kesan kegawatan ekonomi pada tahun 1997 hingga 1999. Sehingga kini kementerian tidak menerima sebarang permohonan daripada syarikat-syarikat mentor untuk menarik diri daripada menyertai program ini. Bagi syarikat mentor tiada had tempoh masa yang ditetapkan

bagi menyertai program, malahan ianya bergantung kepada selama mana mereka bersedia memikul tanggungjawab sebagai mentor yang berperanan membimbing, melatih dan menawarkan peluang-peluang perniagaan kepada mentee.

Walaupun bagaimanapun, tempoh mengenai program ini bagi usahawan kecil iaitu mentee adalah ditetapkan dari tiga hingga lima tahun. Kesemua mentee yang dilantik sehingga kini masih kekal di bawah program. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa usahawan kecil masih memerlukan sokongan dan bantuan daripada syarikat besar dalam bidang yang diceburi.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementerian dalam usaha-usaha membangunkan usahawan kecil dan sederhana terutama sekali bumiputera. Soalan tambahan saya ialah oleh kerana banyak di antara syarikat-syarikat besar yang sepatutnya menjadi mentor tidak dapat kerjasama kepada Kementerian dan Kerajaan dalam latihan ini dan kebanyakan mereka adalah tergolong daripada usahawan-usahawan yang diketuai oleh bukan bumiputera. Jadi, apakah kekangan dan persediaan kita ke arah melahirkan lebih ramai mentee bumiputera supaya mendapat bimbingan dan pendidikan daripada usahawan-usahawan yang telah berjaya untuk menjadi mentor khususnya daripada kaum Cina di negara kita. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa pihak kerajaan ataupun Kementerian menghadapi apa-apa masalah dengan pihak syarikat-syarikat besar. Sebenarnya program kita ini adalah terbuka dan kita sentiasa meminta kepada syarikat-syarikat besar untuk menyertai program ini. Walaupun bagaimanapun, kita tidak mengenakan apa-apa paksaan sebab kita faham bahawa dalam perniagaan ini merupakan pasaran yang bebas. Namun, kita sentiasa menggalakkan kepada syarikat-syarikat ini supaya mereka memberi kerjasama dalam menjayakan program mentor-mentee ini. Insya-Allah, kalau lebih banyak syarikat yang melibatkan diri dalam program ini, saya percaya lebih ramai lagi mentee yang boleh kita wujudkan di masa akan datang. Namun, kita faham bahawa syarikat-syarikat besar juga, kejayaannya banyak bergantung kepada keadaan ekonomi negara dan dunia. Sebab itu kalau ada apa-apa perkara yang boleh dilihat sebagai kegagalan, itu bukan merupakan tidak mendapat kerjasama daripada Kementerian ataupun daripada mereka.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah skim ini juga melibatkan syarikat-syarikat MNC atau syarikat-syarikat antarabangsa memandangkan dengan pembukaan dalam organisasi perdagangan antarabangsa iaitu WTO mungkin syarikat-syarikat mentee ini pun sudah bersedia untuk menceburi diri di arena antarabangsa dan kalau MNC itu terlibat dalam sistem mentor itu mungkin ini akan memberi galakan dan juga bimbingan yang mencukupi kepada syarikat-syarikat ini apabila syarikat mentee ini bersedia untuk masuk ke pasaran antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya syarikat MNC ia lebih banyak terlibat dalam skim yang satu lagi iaitu vendor di mana syarikat-syarikat kecil diberikan peluang untuk mengeluarkan barangan-barangan untuk syarikat vendor. Jadi, MNC lebih melibatkan diri dalam skim vendor. Skim mentor-mentee ini ianya lebih syarikat dalam negeri sebab ia merupakan memberi latihan, bimbingan, yang mana saya kira kalau MNC mereka mungkin lebih memusatkan perhatian untuk mengeluarkan produk, sebab itu mereka lebih kepada mewujudkan syarikat-syarikat kecil yang terlibat dalam skim vendor sistem ini, mereka membina barang-barang untuk syarikat besar. Tetapi mentor sistem lebih kepada syarikat dalam negeri kerana ia terlibat dalam memberi bimbingan dan latihan. Memanglah bahawa dalam skim mentor-mentee ini ia merupakan semuanya syarikat yang terlibat sebagai mentor ini terdiri daripada syarikat dalam negeri dan bukan MNC.

2. **Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) sudahkah Kerajaan membuat kajian tentang bahaya dan risiko daripada pemasangan televisyen di dalam kereta; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang membuat undang-undang melarang pemasangan televisyen atau garis panduan tentang pemasangan televisyen di dalam kereta.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kajian khusus mengenai risiko pemasangan televisyen di dalam kenderaan belum dilakukan. Walau bagaimanapun, di bawah kaedah sedia ada iaitu Kaedah 17, Kaedah Lalu lintas Jalan Raya 1999 dan Kaedah 115 iaitu Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Kegunaan) 1959, pemandu dilarang memandu kenderaan tanpa memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada jalan raya dan trafik di sekelilingnya. Berdasarkan kepada kaedah tersebut, pemasangan televisyen boleh menghilangkan tumpuan pemandu dan adalah dilarang sama sekali. Oleh itu, pemandu atau pemilik kenderaan yang memasang televisyen di dalam kenderaan dan menggunakannya ketika memandu melakukan satu kesalahan dan boleh dikenakan kompaun sebanyak RM300 di bawah peruntukan Kaedah 115 iaitu Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Kegunaan).
- (b) Untuk kesalahan yang serius, tindakan juga boleh diambil di bawah seksyen 47, Akta Pengangkutan Jalan 1987 di mana hukumannya adalah di bawah seksyen 119 Akta Pengangkutan Jalan 1987 di mana bagi kesalahan pertama, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau penjara enam bulan. Untuk kesalahan kedua dan seterusnya, pesalah boleh dikenakan denda sebanyak RM4,000 atau dipenjara 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penggunaan alat-alat elektronik dalam kenderaan ini adalah satu punca yang menyumbang kepada kemalangan jalan raya. Setakat ini adakah kerajaan memastikan bahawa berapa peratuskah kadar kemalangan jalan raya yang berpunca daripada penggunaan alat elektronik semasa memandu. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan kajian khusus mengenai risiko pemasangan *electronic cassette* di dalam kenderaan belum dilakukan. Memang Kementerian akan menjalankan satu kajian.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat cerita tentang wujudnya peraturan, dan kalau buat salah kena banyak hukuman. Saya takut juga dengar hukuman ini. Tetapi saya melihat ini dari dua aspek - satu, orang yang menjual, apakah tindakan pihak kerajaan untuk mencegah perkara ini berlarutan, adakah kerajaan telah menentukan yang dikawal *at source*, dengan izin, dari puncanya di kedai-kedai.

Keduanya, Yang Berhormat cerita tentang pemandu, biasanya pemandu kalau van yang besar, cara dia letak TV, monitor pun memang pemandu tak boleh tengok kalau dia hendak tengok. Jadi, kaedah tadi nampak kalau orang lain hendak mengikuti yang passenger tujuh, lapan orang di belakang, saya rasa ini okay, dan lebih baik lagi kalau kita melihat daripada segi positifnya ada juga, mungkin boleh dengar ayat Al-Quran, hadis atau nasyid dan sebagainya. Saya ingin mendapat penjelasan. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi, sahabat dan jiran saya di PJ. Terima kasihlah pandangan Yang Berhormat. Memang Kementerian sedar bahawa perkara ini iaitu memang bukan pemandu yang ingin melihat TV atau kaset. Oleh itu, ada pengecualian, iaitu jika TV dipasang di bahagian tengah kenderaan untuk kegunaan penumpang sahaja dan bukan pemandu, ianya tidak merupakan satu kesalahan. Sekian.

3. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang apakah tindakan Kementerian Pertahanan dalam usaha

mencegah dan memantau anggota-anggota tentera atau bekas tentera supaya tidak terlibat di dalam kegiatan militan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian tidak menganggap penglibatan anggota ATM dalam kegiatan militan sebagai satu perkara yang serius kerana sehingga kini hanya terdapat seorang sahaja anggota yang masih berkhidmat dan dua orang bekas tentera dalam kegiatan militan pertubuhan Al-Ma'unah.

Selain penglibatan tersebut, anggota-anggota ATM mahupun bekas tentera tidak dikesan terlibat dengan mana-mana pertubuhan militan yang lain. Walau bagaimanapun bagi mengelakkan perkara ini berlaku di masa akan datang, kementerian telah mengambil beberapa langkah dalam usaha mencegah anggota-anggota tentera sama ada yang sedang berkhidmat atau telah berhenti dari perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Menjalankan pemantauan dan pengawasan terhadap anggota dan kawasan persekitaran kem-kem tentera bagi memastikan tiada kegiatan yang boleh mempengaruhi anggota tentera dalam sebarang kegiatan berunsurkan militan.
- (ii) Syarahan keselamatan akan juga turut diberikan kepada semua peringkat anggota bagi meningkatkan kesedaran tentang bahayanya kegiatan militan terhadap negara.
- (iii) Menganjurkan program-program motivasi dan kursus-kursus serta seminar bagi pegawai dan pegawai tak tauliah kanan di dalam aspek keselamatan.

Angkatan Tentera Malaysia juga turut membuat pemeriksaan-pemeriksaan biasa, pemeriksaan mengejut ke atas anggota, maklumat serta harta benda di unit-unit bagi mengesan sebarang petanda-petanda kegiatan militan dari masa ke semasa. Kerajaan juga sentiasa memberi perhatian dan telah mengambil beberapa langkah untuk membantu bekas-bekas pesara tentera di negara kita bagi mengelakkan mereka dari terjerumus dalam kegiatan militan dan jenayah.

Keprihatinan kerajaan ini dapat di lihat dengan jelas melalui penubuhan sebuah jabatan baru yang diletak di bawah Kementerian Pertahanan pada awal tahun 2001 di Jabatan Hal Ehwal Veteran. Jabatan ini diberi tanggungjawab khusus untuk menjaga kebajikan bekas anggota tentera selepas tamat perkhidmatan mereka.

Setiap perkara yang menyentuh hal ehwal bekas tentera akan diteliti dan diperkemaskan dari semasa ke semasa untuk memantapkan pengiktirafan kerajaan kepada pengorbanan yang telah diberikan oleh bekas-bekas anggota tentera. Program-program yang dirancang oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ini diharap dapat memberikan keselesaan kepada bekas-bekas tentera serta keluarga mereka untuk menjalani kehidupan sebagai seorang awam seterusnya menghindarkan mereka daripada terjerumus dalam kegiatan-kegiatan yang kurang sihat termasuk kegiatan militan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua apakah tindakan diambil kepada anggota keselamatan atau tentera yang terlibat dalam rampasan senjata oleh kumpulan Al-Ma'unah tempoh hari?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tindakan-tindakan yang diambil terhadap mana-mana pihak yang melibatkan diri dalam kumpulan militan amatlah tegas sekali di mana sentiasa seperti yang kita sebutkan di peringkat awal bahawa kalau didapati mereka terlibat, kebiasaan ialah kita akan tamatkan perkhidmatan mereka ataupun kita teliti terlebih dahulu secara terperinci sama ada dia agak – orang bilang kesilapan atau pun kecuai terdapat di kalangan mereka maka kita akan memberi tindakan yang agak tegas seperti yang saya sebutkan sama ada memberhentikan pihak-pihak ini daripada meneruskan perkhidmatan di dalam ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mewujudkan jabatan baru mengenai veteran dalam tentera. Yang

ingin saya tahu daripada Yang Berhormat ialah adakah maklumat disimpan mengenai klasifikasi berapa bilangan dan jumlah bekas-bekas tentera ini dan termasuk dengan maklumat kumpulan umur dan latar belakang mereka – kemahiran mereka tertentu dan jika ada maklumat ini, adakah ia terbuka dan dimanfaatkan dengan anggota masyarakat yang lain supaya program-program dapat digunakan dengan anggota tentera, bekas tentera yang berkemahiran ini. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sememangnya adalah menjadi usaha jabatan ini untuk mengumpul maklumat-maklumat ter perinci tentang di mana mereka berada, anggota-anggota bekas tentera ini kerana kita tahu selama ini kita tidak mempunyai data bank yang begitu lengkap tentang lokasi di mana mereka berada dan keluarga.

Kadang-kadang kita sedia maklum bahawa mereka ini berpindah di antara satu tempat ke satu negeri dan ada di antara mereka yang telah meninggal dunia dan kita tidak mempunyai data-data yang begitu lengkap sebelum ini. Insya-Allah mungkin kerana jabatan ini baru sahaja kita wujudkan pada tahun 2001, agaknya terlalu awal untuk kita mendapatkan secara lengkap data-data. Keseluruhannya saya anggarkan lebih daripada 150,000 orang anggota bekas tentera.

Walaupun demikian bilangannya agak besar kita tidak tahu sama ada mereka masih hidup ataupun sudah meninggal dunia kerana dalam anggaran yang sedia ada, hampir 4,000 atau pun 5,000 anggota yang bersara pada setiap tahun dan anggaran itu agak besar sekali.

Walaupun demikian, seperti yang saya sebutkan tadi, data-data ini bila kita perolehi kita akan guna dan memanfaatkan untuk kebaikan kita bagaimana kita dapat menyalurkan sumbangan-sumbangan dan bantuan-bantuan kepada mereka dan juga keluarga mereka. Saya rasa setakat ini, data-data ini kita tidak akan edarkan kepada mana-mana pihak kerana ini adalah satu data yang agak penting kepada kita untuk dimanfaatkan dalam sejarah dalaman. Terima kasih.

4. **Tuan K.R.A Naidu** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) sama ada Kementerian menjalankan penyelidikan untuk mencari sebab dan punca kejadian jenayah keganasan seperti kes rogol dan bunuh yang berleluasa di kalangan remaja dan generasi muda; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab terutamanya terhadap penjagaan dan pemulihan ke atas kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah yang melakukan kesalahan jenayah.

Walaupun bagaimanapun sehingga kini, Jabatan Kebajikan Masyarakat belum menjalankan penyelidikan khusus terhadap sebab-sebab, punca-punca kanak-kanak dan remaja melakukan jenayah seperti rogol dan bunuh.

Bagi menangani masalah penjenayahan ini, beberapa langkah telah dilaksanakan terutamanya program-program pencegahan dan pemulihan kanak-kanak. Dalam konteks ini, pasukan perlindungan kanak-kanak yang ditubuhkan di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 bertanggungjawab melaksanakan program-program pencegahan dan pemulihan yang sesuai untuk kanak-kanak dan keluarga mereka.

Semenjak tahun 1992 sebanyak 120 pasukan perlindungan kanak-kanak telah ditubuhkan di seluruh negara iaitu 15 di peringkat negeri dan 105 di peringkat daerah.

Perkhidmatan sokongan bagi kanak-kanak dan keluarga di kawasan berisiko tinggi juga turut disediakan melalui pusat aktiviti kanak-kanak. Sehingga kini terdapat 102 pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh negara.

Selain daripada berfungsi sebagai pusat rujukan, pusat aktiviti kanak-kanak turut memberikan kaunseling, khidmat *'intervensi krisis'*, khidmat sokongan pendidikan dan juga aktiviti-aktiviti pembangunan kanak-kanak.

Selain itu, jawatankuasa kebajikan juvana daerah yang ditubuhkan di seluruh negara sentiasa menganjurkan program-program dan juga aktiviti-aktiviti yang berbentuk pembinaan insan dan pendidikan sosial melalui seminar, ceramah, dialog dan khemah kerja motivasi.

Selain daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, agensi-agensi lain juga terus meningkatkan usaha bagi mengukuhkan institusi keluarga di bawah program kemantapan keluarga. Ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan memastikan perkembangan kanak-kanak yang sihat dan sejahtera dalam sesebuah keluarga agar mereka memiliki akhlak yang mulia.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di antara mangsa keganasan yang tersebut yang telah berlaku berapa ramaikah jika dapat dikesan berlaku ke atas gadis-gadis di sekolah menengah dan sekolah rendah setakat ini? terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Setakat ini Jabatan tidak mempunyai statistik yang terperinci sama ada di sekolah menengah atau di sekolah rendah. Tetapi mengikut statistik sehingga tahun 2000 iaitu daripada tahun 1990 hingga tahun 2000, kes rogol yang telah dilaporkan adalah:

Tahun	Bil. Kes Rogol
1990	638 orang
1991	706 orang
1992	719 orang
1993	869 orang
1994	965 orang
1995	1,029 orang
1996	1,098 orang
1997	1,429 orang
1998	1,539 orang
1999	1,457 orang
2000	1,210 orang

Terima kasih.

Tuan Kee Ah Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk kes rogol dan pembunuhan ini, saya dapat tahu di pasaran ada menjual 'gas gun' atau perempuan menggunakan 'lipstick' jadi kadang-kadang ada untuk keselamatan diri dia boleh gunakan 'lipstick' itu. Jadi saya minta pihak kementerian adakah benda ini dibagikan permit atau dibagikan lesen atau guna ini adakah melanggar undang-undang. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak mempunyai bukti terperinci mengenai ini tetapi suka merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri dan kita akan memberikan jawapan seterusnya. Terima kasih.

5. **Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada kementerian bercadang menambahkan lagi insentif untuk meningkatkan pelancongan dalam negeri terutama sekali di kalangan rakyat Malaysia untuk menampung kedatangan pelancong-pelancong dari Amerika Syarikat dan Eropah yang menurun berikutan dari tragedi Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington D.C.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sememangnya sepanjang masa memberi penekanan terhadap perkembangan pelancongan domestik dan telah pun mengesyorkan beberapa cadang kepada kerajaan bagi meningkatkan lagi aktiviti pelancongan domestik. Berikutan tragedi di New York dan Washington pada 11 September 2001 yang lalu, pelancongan domestik telah menjadi lebih penting lagi.

Antara langkah-langkah yang telah dipersetujui oleh kerajaan berhubung dengan pembangunan pelancongan domestik seterusnya adalah seper ti berikut:

- (i) Meningkatkan aktiviti promosi dan pengiklanan pasaran bagi pelancongan domestik dengan memberi penekanan kepada acara-acara seperti Malaysia Mega Sales, Pesta Makanan, Rumah Terbuka perayaan-perayaan kaum dan sebagainya .
- (ii) Mempergiatkan Kementerian Kempen Promosi Cuti-cuti Malaysia ataupun Kempen Pelancongan Domestik dengan kerjasama pihak swasta.
- (iii) Melaksanakan program pelancongan pelajar bagi memupuk budaya melancong dalam negeri dari peringkat sekolah lagi. Antara matlamat program adalah untuk mendapatkan pasaran pelancong pelajar yang dianggarkan seramai 5 juta orang. Kementerian ini telah menyediakan peruntukan khas di bawah peruntukan tahun 2002 bagi melaksanakan program ini dengan lebih berkesan.
- (iv) Mewujudkan semua Tabung Khas Pelancongan atau pun 'tourism fund' iaitu satu tabung pusingan dengan peruntukan sebanyak RM400 juta. Peruntukan ini dapat menolong pengusaha kecil dan sederhana pelancongan khususnya dari kalangan bumiputera bagi tujuan pembangunan serta meningkatkan projek-projek penginapan dan infrastruktur pelancongan serta projek-projek membesarkan, membaiki pulih dan menyelenggara projek-projek pelancongan yang sedia ada. Ini seterusnya dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pelancongan domestik.
- (v) Melanjutkan pengecualian cukai pendapatan bagi pengusaha pelancongan yang menguruskan sekurang-kurangnya 1,200 orang pelancong domestik melalui pakej lawatan dalam negeri secara berkumpulan sehingga tahun taksiran 2006. Langkah ini dapat menggalakkan syarikat pelancongan untuk mengadakan pakej-pakej domestik yang lebih menarik.
- (vi) Kementerian juga bercadang untuk mewujudkan Majlis Tindakan Pelancong Negeri sebagai 'one stop agency' di peringkat negeri di dalam merancang, memantau, menilai serta menyelesaikan masalah pembangunan pelancongan secara kolektif dan bersepadu di antara agensi kerajaan, swasta dan NGO. Sehubungan ini kementerian sedang berusaha untuk menyediakan peruntukan tahunan yang sewajarnya kepada majlis tersebut bagi memastikan ia berfungsi dengan aktif dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdillah

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalu-alukan usaha kerajaan ataupun pihak kementerian memberi pelepasan cukai kepada *tour operators* yang mengendalikan pelancongan dalam negeri. Jadi soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian akan mencadangkan kepada kerajaan supaya perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pelancong-pelancong kita, dalam negeri baik secara individu ataupun oleh syarikat-syarikat majikan mereka, diberi juga pelepasan cukai dalam kiraan cukai pendapatan individu itu ataupun syarikat yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, itu memanglah satu perkara yang sedang dikaji oleh pihak kerajaan iaitu untuk menggalakkan pihak-pihak majikan untuk memberi beberapa insentif kepada kakitangan mereka untuk pergi bercuti.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian yang mengadakan beberapa langkah untuk mempromosikan pelancongan domestik. Selain daripada usaha yang diambil oleh kementerian itu, untuk mempertingkatkan promosi pelancongan domestik, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menggalakkan pelancong

pelancong daripada negara Asia iaitu daripada negara-negara Jepun, China dan India.

Satu lagi perkara yang saya ingin mendapat penjelasan ialah mengenai pelancong-pelancong daripada India, mereka mengalami kesulitan dan masalah di hadapan imigrasi di negara kita. Mereka dianggap sebagai imigran tanpa izin. Apakah pendapat Menteri dan juga adakah masalah ini akan diselesaikan oleh Kementerian.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memanglah negara-negara ASEAN dan juga negara Asia telah pun menjadi fokus kerajaan kita untuk mengadakan promosi pelancongan dan memanglah kedatangan pelancong daripada negara-negara Asia telah pun meningkat dengan cukup tinggi dalam masa dua tahun yang berlalu. Pada ketika ini juga kita sedang *re-deploy*, memindahkan beberapa program pelancongan di Amerika Syarikat dan Europe kerana kita dapati pulangan dari sebarang promosi di sana mungkin perlahan, kita *re-deploy* peruntukan itu kepada negara-negara Asian dan inilah langkah-langkah yang sedang diambil.

Mengenai pemberian visa kepada pelancong-pelancong dari India sukacita saya menyatakan bahawa keadaannya adalah jauh berbeza, lebih baik daripada apa yang terdapat lebih kurang setahun dulu. Kita sekarang ada lima pejabat pengeluaran visa di India. Dahulunya kita ada dua, iaitu di Delhi dan Chengnai. Sekarang kita tambah tiga lagi di Mumbai, Banglore dan juga Hyderabad. Dan begitu juga bagi pelawat-pelawat India datang menerusi Singapore dan juga Bangkok, kita akan memberi *visa on arrival* kepada mereka ini. Dan juga kita menggalakkan *multiple entry visa* dan sebagainya. Berbagai-bagai langkah, bermakna semua pelancong yang *genuine* dari India yang datang ke Malaysia tidak lagi hadapi masalah untuk mendapat visa.

6. **Puan Hajah Faezah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan wanita Malaysia yang berkahwin dengan warga asing; dan
- (b) bilangan mereka yang telah diceraikan serta kesannya kepada sosial dan ekonomi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi soalan; (a) perkahwinan; dan bagi soalan (b) perceraian dan kesan sosial. Kementerian hanya dapat memberikan maklumat perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang bukan Islam sahaja. Maklumat perkahwinan dan perceraian bagi orang-orang Islam tidak dapat diperolehi kerana di bawah kuasa kerajaan negeri.

- (a) Jumlah wanita bukan Islam yang berkahwin dengan warganegara asing bagi tahun 2000 ialah 1,073 orang atau 1.75% daripada jumlah keseluruhan perkahwinan di negara ini yang kesemuanya 61,290 orang. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2001, sebanyak 875 perkahwinan ataupun 2.2% daripada jumlah keseluruhan perkahwinan iaitu 38,433 orang.
- (b) Bilangan perceraian bagi perkahwinan bukan Islam tahun 2000 sebanyak 1,613 dan dari Januari hingga Julai 2001 ialah 1,774.

Kementerian tidak dimaklumkan mengenai kesan sosial dan ekonomi kerana mereka yang bermasalah demikian akan merujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan juga Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tapi kesan yang nyatanya ialah kita ada tambahan ibu tunggal dan anak yang bapaknya adalah orang asing.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah ramai wanita yang bersuamikan orang asing ini suaminya sudah mendapat PR dan soalan kedua ialah apabila berlaku perceraian adakah PR ini ditarik balik?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, laki-laki asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia. Ini bukan satu *privilege* yang dia mesti diberi PR tetapi sekiranya keperluan-keperluan untuk pemohon ataupun orang-orang yang berkenaan yang tinggal dalam negara kita dalam tempoh jangka masa yang dihalalkan untuk membolehkan dia memohon, maka kita akan mempertimbangkan dan kita sangat mengambil berat tentang mereka ini, bukan tentang untuk memberi PR, tentang untuk tidak memberi PR, kerana kalau mereka melakukan kesalahan-kesalahan yang bercanggah dengan peraturan-peraturan undang-undang dalam negara terutama sekali dan kadang-kadang mereka tidak mengetahui bahawa mereka secara lalai ataupun secara tidak sengaja dalam jangka waktu yang tertentu, mereka tinggal dalam negara ini tanpa visa. Maka mereka adalah dianggap penduduk tanpa izin. Ini juga boleh mencatat permohonan mereka untuk mendapat PR.

Pada ketika ini saya secara *detail* tidak dapat memberitahu berapa ramai yang telah kita memberi PR tetapi kita ada juga keistimewaan kepada mereka yang berkahwin dengan gadis kita ataupun perempuan di negara kita ini dalam program kita kata *spouse program*, program isteri, suri rumah, untuk membolehkan mereka mendapat kebenaran tinggal dan pada ketika suatu masa sesuai boleh dipertimbangkan untuk diberi PR.

Saya rasa....., adakah saya tertinggal dalam jawapan lain? [Ketawa]

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae : Sekiranya bercerai, adakah PR ini ditarik balik sekiranya keistimewaan telah diberi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya terlupa kerana saya selalu fikir, kasihan kepada wanita ini.... [Ketawa] Mereka diceraikan. Ini satu daripada budaya sampingan yang dibuat oleh sebahagian wanita atau lelaki asing yang datang tinggal di negara kita ini untuk mendapat banyak kemudahan dan perlindungan, mereka menggunakan kesempatan mengahwini rakyat tempatan. Dan apabila mereka telah tinggal lama, seperti saya katakan tadi, dengan *spouse program* mereka dapat kebenaran untuk tinggal, kemudian mereka dapat anak, mereka memohon untuk mendapat PR atau penduduk tetap.

Kasihan pada ketika-ketika yang lain pula, bahawa ada persengketaan ataupun perselisihan ataupun minat telah berubah, ketika usia telah menjadi tua, kasih menjadi renggang, kasih tidak seperti dahulu lagi, penceraian berlaku dan penceraian ini bukan menjadi sebab untuk kita menarik balik PR nya. Tetapi sekiranya dia melakukan kesalahan bercanggah dengan peraturan, penyeksaan yang telah dibuat kepada isterinya dan anak-anaknya, kemungkinan kita akan mempertimbangkan untuk menarik balik kerana bagi kita, rakyat negara ini adalah lebih penting untuk menentukan masa depan negara ini.

7. **Datuk Haji Karim Ghani** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan, memandangkan Empangan Bakun telah diteruskan pembinaannya, bolehkah kementerian menerangkan apa akan berlaku kepada Independent Power Plant (IPP).. Betulkah Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) membayar RM1 juta sehari kepada IPP yang menyebabkan SESB mengalami kerugian besar setiap tahun.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, terdapat lima penjana bebas atau IPP di Sabah. Di dalam perjanjian antara Lembaga Letrik Sabah (LLS) dengan kelima-lima IPP tersebut, masa konsesi yang telah diberikan adalah selama 21 tahun dari tarikh syarikat-syarikat tersebut memulakan operasi. Oleh itu projek *Hydroelectric* Bakun beroperasi menjelang tahun 2007, IPP tersebut masih akan beroperasi. Kuasa elektrik yang dijanakan oleh mereka masih boleh digunakan khususnya dengan izin, untuk *picking*.

Mengenai pembayaran yang dibuat oleh SESB kepada IPP-IPP setiap bulan, ini adalah berdasarkan kepada *power purchase agreement* - PPA yang ditandatangani dengan IPP. Walau bagaimanapun, ini bukanlah sebab utama SESB menanggung kerugian. Antara faktor-faktor lain termasuklah wujudnya 72 buah stesen jana kuasa yang kecil di Sabah di mana kos penjanaannya adalah lebih tinggi kerana kecekapan dengan izin, *efficiency* jana kuasa kecil ini adalah rendah. Kebanyakan jana kuasa ini adalah dengan izin, *'islanded'* atau *isolated* dan tidak ada talian hubungan di antara satu stesen dengan stesen yang lain. Talian grid yang sedia ada

adalah untuk menghubungkan bandar-bandar di Pantai Barat sahaja. Kekurangan sistem ini menyebabkan kos penghantaran juga meningkat.

Yang kedua, sekitar 63% elektrik di Sabah menggunakan minyak sebagai bahan api untuk menjana tenaga elektrik. Harga minyak yang tinggi adalah antara sebab utama kos operasi pembekalan elektrik di Sabah adalah tinggi. Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan Projek Hidroelektrik Bakun dan projek-projek untuk membangunkan sistem grid elektrik negeri Sabah, masalah-masalah di atas akan dapat ditangani. Sekian, terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah pihak kerajaan memberi sumbangan terhadap pelaksanaan Projek Bakun, jika ada, berapa jumlahnya? Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya telah memutuskan untuk melaksanakan Projek Hidroelektrik Bakun untuk membekalkan elektrik ke Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak sahaja. Dan anggaran kos untuk membina Empangan Bakun adalah lebih kurang RM9 bilion. Jadi, ada opsyen atau ada beberapa opsyen yang sedang dikaji oleh Perbendaharaan supaya projek ini ada cukup wang atau tabung untuk menjalankan Projek Hidroelektrik Bakun.

8. **Dato' Lee Pit Chern** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah bentuk skim latihan sebenar yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia khususnya kepada golongan graduan yang masih tidak mendapat pekerjaan atau yang telah diberhentikan kerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui agensi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSM Bhd.) telah melaksanakan program latihan khas untuk mereka yang diberhentikan kerja dan yang juga menganggur. Mereka ini diberi elaun di antara RM300 hingga RM500 sebulan sambil menjalani latihan yang yurannya dibayar oleh kerajaan iaitu secara percuma. Walau bagaimanapun, skim latihan yang dikendalikan oleh PSM Bhd. adalah terhad kepada latihan dalam bidang ICT dan juga Bahasa. Skim ini telah diiklankan di akhbar tempatan pada 24 November yang lalu dan ianya dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 25 November di Shah Alam.

Dato' Lee Pit Chern: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bagaimanakah sambutan yang diterima oleh pihak kementerian daripada golongan berkenaan?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sambutannya amat menggalakkan kerana kita jangkakan 30,000 pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja setakat bulan November dan kita juga jangkakan lebih kurang 30,000 graduan yang masih menganggur atau graduan yang bekerja tetapi tidak sesuai dengan kelulusan. Untuk bulan ini sahaja, kita mula gerakkan khususnya dalam Program *Unemployed Graduates* di mana kita sudah memulakan kursus di beberapa tempat di seluruh negara.

Puan Safinah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah keberkesanan skim itu dalam menyediakan peluang yang mudah kepada mereka yang menganggur ini mendapatkan pekerjaan dan juga berdikari. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Kursus yang kita anjurkan adalah dengan izin, *skill based* dan sengaja kita khususkan kepada bidang ICT dan juga Bahasa kerana antara sebab kenapa para graduan menganggur adalah kerana mereka menghadapi sedikit kesulitan khususnya dalam komunikasi lebih khas lagi dalam Bahasa Inggeris. Jadi, kursus-kursus Bahasa Inggeris dan juga pada bahasa-bahasa lain akan meningkatkan *employability*, dengan izin. Maksudnya, keupayaan untuk mendapat pekerjaan selepas mereka menjalani kursus-kursus Bahasa tersebut. Dalam bidang ICT kita dapati bahawa oleh kerana pasaran dalam bidang ICT ini amat baik bila Kerajaan Barisan Nasional memperkenalkan Konsep MSC, maka lebih ramai pakar dalam bidang ICT diperlukan.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana terlalu banyak pekerjaan yang memerlukan kemahiran dalam bidang ICT, maka graduan-graduan yang lahir daripada universiti tempatan atau daripada luar negara mereka ini walaupun mengambil bidang-bidang yang khusus umpamanya *Programming*, Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana keperluan *demand* untuk mereka bekerja di tempat-tempat yang lebih baik begitu tinggi,

maka akhirnya mereka tidak menjadi *technologist*, mereka menjadi pengurus, sedangkan *technical skill* yang mereka pelajari itu tidak dapat didalami. Ekoran daripada itu, kita di negara ini mendapati bahawa antara 5,000 hingga 10,000 pekerja mahir daripada India khususnya daripada Bangalore dan Hydrabad yang bekerja di sini mereka bukan sebagai pengurus tetapi mereka sebagai *technologist*. Jadi, dengan adanya latihan-latihan ICT yang kita anjurkan ini, satu untuk yang agak *superficial* dan satu lagi agak dalam, dengan ini dapat membantu keperluan pekerjaan khususnya dalam bidang ICT yang memerlukan pendalaman dalam bidang-bidang tersebut. Sekian, terima kasih.

9. **Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan Kumpulan Mujahidin Malaysia yang didakwa wujud dalam negara ini dan apakah pula yang dikatakan sebagai Kumpulan Militan Malaysia. Mengapakah individu-individu yang terlibat tidak dihadapkan ke mahkamah terbuka bagi mengelakkan sebarang justifikasi penangkapan ahli-ahlinya dan spekulasi negatif terhadap kumpulan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Mujahidin Malaysia dan Kumpulan Militan Malaysia merupakan organisasi yang sama. Kumpulan Mujahidin Malaysia membawa maksud kumpulan yang melaksanakan seruan jihad di atas nama Islam. Namun demikian, apa yang sebenarnya terjadi ialah kumpulan ini telah melakukan jenayah-jenayah berat sehingga boleh mengancam keselamatan negara. Oleh yang demikian, kumpulan ini lebih sesuai dipanggil sebagai Kumpulan Militan Malaysia dan bukan Kumpulan Mujahidin Malaysia kerana telah menyeleweng daripada tujuan jihad yang sebenar dan mereka berselindung atas nama Mujahidin dengan melakukan perkaraperkara jenayah seperti membunuh dan merompak serta lain-lain lagi.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah kerajaan sedar bahawa kemunculan kumpulan-kumpulan militan ini kemungkinan hasutan ataupun pengaruh daripada mana-mana pihak. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ia terbahagi kepada dua. Kadang-kadang secara rambang kita mengatakan ada pihak-pihak yang tertentu yang mempengaruhi kumpulan-kumpulan ini, tetapi dalam masa yang lain pula kumpulan ini secara asalnya telah memilih untuk mempelajari dan mendalami perkara-perkara untuk bergerak dalam kumpulan yang berkenaan. Seperti kumpulan Mujahidin kita, banyak yang terdapat terlibat dengan pergolakan yang berlaku di Afghanistan. Dan mereka telah membawa semangat ini dan menjalankan aktiviti di negara kita. Oleh sebab itulah, maka kalau pula ditokok tambah dengan kumpulan-kumpulan lain yang mengasak semangat jihad dan syahid ini kepada kumpulan ini, maka gerakan ini akan menjadi lebih besar. Kita sedar, maka dengan itu kita telah mengambil tindakan lebih awal untuk menjaga supaya kumpulan ini tidak menjadi lebih ramai dan tidak menjadi lebih banyak orang-orang yang akan menjadi mangsa kepada gerakan ini.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kenapakah kebanyakan pelajar daripada Pakistan sentiasa dikaitkan dengan kumpulan militan dan apakah prosedur yang diguna pakai oleh kerajaan hari ini untuk mensabitkan seseorang itu dengan Kumpulan Militan Malaysia dan adakah tangkapan yang dibuat setakat ini oleh kerajaan mempunyai bukti yang cukup untuk mensabitkan mereka dengan Kumpulan Militan dan sekiranya kerajaan mempunyai bukti yang cukup, kenapa setakat ini masih belum dibawa kes ini ke mahkamah? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, biasanya soalan tambahan ini satu atau dua sahaja, hari ini terlalu banyak soalan tambahan, saya hendak tulis pun tidak sempat. Tetapi saya cuba menjawab Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat. Yang dikatakan kebanyakan pelajar-pelajar Pakistan disabitkan oleh kerajaan sebagai Kumpulan Militan ataupun Kumpulan Mujahidin. Sebenarnya, kerajaan tidak menyabitkan mereka, tetapi mereka menyabitkan diri mereka dalam pendedahan apabila mereka ditangkap, mereka disoal siasat, mereka ditanya, apakah gerakan-gerakan yang mereka jalankan ini adakah berasas daripada sumber-sumber mana dan rangsangan-rangsangan daripada kumpulan mana? Mer eka menerangkan kepada kita dan daripada *detail back ground* dengan izin, mereka kebanyakannya daripada pelajar-pelajar yang telah belajar di negara Pakistan dan telah mempelajari dalam ilmu-ilmu yang boleh menekan kepada perjuangan-perjuangan jihad

ini. Inilah yang menjadikan kerajaan ada mempunyai keterangan daripada mereka sendiri.

Dan bersabit dengan keterangan yang telah kita dapat ialah dengan adanya satu rombongan daripada Southern Bank seperti yang telah saya terangkan dalam Dewan ini dalam masa yang lepas bahawa kumpulan inilah yang telah menerangkan kepada kita dan bertolak daripada peristiwa Southern Bank inilah kita telah dapat menangkap ramai yang lain dan sebahagiannya pula ada yang telah lari ke Indonesia. Dan di Indonesia kumpulan ini telah menerangkan banyak pula kumpulan-kumpulan di Indonesia yang bersabit dengan mereka. Sebenarnya bukan kita yang mengatakan hanya daripada Pakistan yang kita libatkan. Kalau kita hendak kata daripada Pakistan, maka kita libatkan mereka termasuk dalam Kumpulan Militer ini, masih ramai lagi pelajar-pelajar daripada Pakistan, rakyat Malaysia yang tidak kita tangkap. Ini satu anggapan yang saya rasa kurang tepat. Terima kasih.

10. **Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah insentif yang telah dihadiahkan kepada ahli-ahli sukan negara yang memperolehi pencapaian cemerlang dalam Sukan SEA.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menghargai kejayaan atlet-atlet negara di pertandingan sukan antarabangsa yang dikenal pasti seperti kejayaan dalam Sukan SEA yang baru lalu, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara ada menyediakan Skim Kemenangan Majlis Sukan Negara sejak tahun 1986.

Di bawah skim ini, atlet-atlet yang memenangi pingat emas di Sukan SEA yang baru lalu telah diberi insentif wang tunai sebanyak RM5,000 dan RM1,000 untuk atlet-atlet secara berpasukan yang melebihi 5 orang. Melalui skim ini, Majlis Sukan Negara telah mengeluarkan sebanyak RM775,600 kepada pemenang-pemenang yang telah pun memperolehi 111 butir pingat emas yang melibatkan seramai 185 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Terima kasih di atas kecenaan kementerian kepada pencapaian cemerlang atlet dan ahli-ahli sukan negara kita tetapi bolehkah kementerian dan kerajaan mengadakan satu insentif dan bantuan yang lebih baik lagi kerana pencapaian ahli-ahli sukan ini hanya sementara? Apabila dilewati dengan usia dan apabila pencapaiannya agak tergugat, mereka akan dipinggirkan dalam arus pembangunan sukan negara dan ramai di antara mereka ini hidup susah sekarang ini.

Jadi, apakah kementerian bersedia untuk menyediakan insentif yang agak *complete package*, dengan izin, supaya mereka ini tidak akan menjadi kumpulan manusia yang banyak berjasa kepada negara tetapi sengsara dalam kehidupan mereka dalam jangka panjang? Umpamanya, pekerjaan yang sesuai, pemberian tanah oleh kerajaan dan lain-lain. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Rosli atas keprihatinan beliau terhadap nasib atlet-atlet negara kita yang selama ini telah pun menyumbangkan kepada pembangunan sukan negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, Majlis Sukan Negara juga menyediakan skim kebajikan atlet yang melibatkan pembayaran untuk kehilangan pendapatan semasa atlet-atlet yang berkenaan menjalani latihan pusat. Skim ini juga membantu sekiranya berlaku musibah semasa dalam latihan, di samping perlindungan insurans yang bernilai RM50,000. Perlindungan perubatan juga disediakan untuk atlet-atlet yang mengalami kecederaan yang teruk termasuk kos pembedahan.

Di samping itu, atlet-atlet yang cemerlang akan juga dicadangkan untuk menerima darjah-darjah kebesaran dari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di samping peluang untuk merebut penganugerahan olahragawan dan olahragawati kebangsaan dan memberi hadiah tunai sebanyak RM10,000. Atlet-atlet yang terdiri daripada pelajar-pelajar juga berpeluang memasuki universiti melalui program bersama yang diadakan dengan Universiti Putra Malaysia.

Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan ada menawarkan biasiswa sukan kepada atlet-atlet yang layak untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Memandangkan Kementerian Pendidikan telah mengubah syarat untuk pengambilan pelajar iaitu berasaskan kepada meritokrasi dan keputusan akademik sahaja dan tidak memberi perhatian yang penting kepada kegiatan sukan, apakah tindakan Kementerian Belia dan Sukan untuk membantu pelajar-pelajar sedemikian memandangkan dalam banyak keadaan, mereka yang giat dalam sukan mungkin kurang berprestasi baik dalam bilik darjah mereka dan kalau pihak ini tidak diberi bantuan khas oleh Kementerian Belia dan Sukan, mungkin ramai daripada mereka sekarang akan membuat pilihan jangan begitu giat dalam sukan kerana itu tidak akan membantu mereka masuk di universiti dan institusi-institusi *tertiary* yang lain? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Senator, itu tetap merupakan satu-satunya masalah yang perlu diberi keprihatinan dan juga pertimbangan yang seimbang.

Walaupun demikian, untuk makluman Dewan yang mulia ini, meritokrasi sebenarnya tidak sekali-sekali menjejaskan penekanan terhadap aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan juga kesukanan di sekolah, setahu saya, walaupun ini bukan dalam bidang kuasa dan bidang tugas Kementerian Belia dan Sukan.

Sedia maklumlah, Yang Berhormat, bahawa sekolah biasanya di bawah bidang kuasa dan bidang tugas Kementerian Pendidikan dan untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya apa yang saya jawab tadi iaitu insentif ataupun pertimbangan khusus yang diberi kepada atlet-atlet yang terdiri daripada pelajar-pelajar kita. Itu tetap merupakan satunya daya tarikan kepada mereka yang masih menuntut lagi ataupun yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di IPTA kita. Sekian.

11. **Datuk Hajah Hazizah binti Haji Mohd. Sultan** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah anggaran bilangan sekolah baru yang didirikan masih terbengkalai dan masih belum siap.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan membina sebanyak 494 projek sekolah baru yang dibina di bawah kaedah reka dan bina. Di antaranya terdapat sebanyak 19 projek pembinaan sekolah baru ini yang belum siap sepenuhnya. Dianggarkan lebih kurang 30% lewat dari tarikh jadual siap.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tiada terdapat projek pembinaan sekolah yang ditakrif sebagai terbengkalai pada masa ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saravanan.

Tuan M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kepentingan pengetahuan teknologi maklumat, saya ingin mengetahui jumlah pusat-pusat komputer yang telah didirikan oleh pihak kementerian di sekolah-sekolah Tamil di seluruh Malaysia sehingga kini. Dan adakah kerajaan bercadang untuk meluluskan sebarang peruntukan khas untuk menubuhkan pusat-pusat komputer di sekolah-sekolah Tamil seluruh Malaysia?

Sekiranya ya, terima kasih kepada pihak kementerian dan sekiranya tidak, saya merayu kepada pihak kementerian supaya memberi pandangan yang sewajarnya terhadap permohonan ini kerana buat masa ini terdapat lebih kurang 500 buah sekolah-sekolah Tamil di seluruh Malaysia dan maka saya percaya perbelanjaan untuk menubuhkan pusat komputer tidaklah begitu tinggi jika dibandingkan dengan peratus sekolah-sekolah baru yang akan ditubuhkan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan ini keluar daripada soalan asal, namun demikian kita berjanji untuk memberi setiap sekolah semuanya dengan computer lab, tidak mengira sekolah Tamil, sekolah Cina ataupun sekolah kebangsaan, insyaAllah. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya difahamkan di banyak taman perumahan ini, setakat ini mengalami kekurangan sekolah kebangsaan, sekolah Tamil dan sekolah Cina. Murid-murid tiap-tiap pagi terpaksa pergi ke tempat yang sangat jauh untuk belajar. Pihak kementerian ada bercadang membina sekolah-sekolah di semua taman perumahan khususnya di Petaling Jaya.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kementerian Pendidikan untuk memberi sebaik kemungkinan kemudahan kepada semua anak-anak kita dan mungkin juga kita akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya ada sistem yang boleh kita tentukan di mana projek perumahan yang besar berlaku, kita akan membicarakan bagaimana sepatutnya sekolah patut dibina.

12. **Puan Hajah Melati binti Ali** minta Menteri Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah bilangan ibu-ibu tunggal yang telah menerima faedah daripada program PINTAS.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]: Sekali lagi terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, seramai lebih kurang 400 ibu tunggal telah terlibat secara langsung dalam projek rintis program PINTAS. Walaupun program PINTAS belum dilaksanakan secara rasmi di seluruh negara, kementerian saya yakin bahawa ibu-ibu tunggal ini telah menerima faedah program perintis tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, antara kegiatan yang telah dijalankan bagi ibu-ibu tunggal berkenaan ialah Program Kelompok Sokongan Ibu Tunggal. Kegiatan ini diadakan pada setiap bulan bagi membolehkan ibu-ibu tunggal berjumpa, beramah mesra serta berkongsi masalah dan pengalaman mereka dengan rakan-rakan yang senasib dengan mereka iaitu *peer counseling* dengan izin.

Selain daripada itu, ibu-ibu tunggal yang berkenaan juga telah diberikan berbagai ceramah motivasi diri supaya mereka dapat menjalani kehidupan dengan penuh tabah. Ibu-ibu tunggal yang mempunyai masalah juga dirujuk kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk mendapat bantuan yang sewajarnya.

Dengan adanya program-program tersebut, khasnya kelompok sokongan ibu-ibu tunggal, mereka kini lebih memahami cara menangani masalah yang dihadapi dan berani memperjuangkan hak-hak mereka.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada pihak kerajaan kerana begitu prihatin dengan isu ibu tunggal. Cuma yang saya nampak, ibu tunggal ini juga termasuk dalam bidang kuasa kementerian yang lain iaitu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Saya ingin tahu, bagaimana klasifikasi dan siapa yang sebenarnya bertanggungjawab? Kalau tidak, kalau bertindih nanti tidak dikawal. Dan berikutan dengan itu, adakah diberi keutamaan kepada ibu tunggal yang muda atau tua, ada anak banyak atau anak sedikit, begitu? Jadi, kita hendak tahulah. Kita prihatin dengan masalah masyarakat. Terima kasih.

Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat. Memang seperti mana yang Yang Berhormat sedia maklum, golongan ibu tunggal sekarang adalah di bawah dua kementerian selepas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ditubuhkan. Walau bagaimanapun, dari segi kebajikan, kementerian saya iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat masih lagi diberi tugas dan tanggungjawab untuk menjaga kebajikan mereka.

Walaupun bagaimanapun, kementerian saya dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sentiasa bekerjasama untuk menjaga golongan ini. Setakat ini, kita belum lagi ada klasifikasi-klasifikasi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

13. **Puan See Too Mee** minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah dasar kerajaan dalam memberi insentif kepada kitaran semula bahan-bahan buangan memandangkan keadaan urbanisasi dalam negara kita serta pertambahan sisa buangan sampah yang telah menjadi satu tekanan kepada alam sekitar kita.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Kitar Semula yang diadakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempunyai matlamat untuk mengurangkan janaan sisa pepejal negara melalui amalan kitar semula.

Pada tahap kesedaran seperti sekarang ini, pemberian insentif adalah satu perkara yang sememangnya diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh itu, pihak kementerian dengan beberapa kementerian lain sedang merancang pelbagai insentif yang berdasarkan kepada pengurangan sisa pepejal.

Di antara bentuk insentif yang telah dikenal pasti termasuklah:

- (i) pemberian insentif kepada pekilang yang menggunakan barangan kitar semula sebagai sebahagian daripada bahan untuk menghasilkan produk mereka. Kadar insentif yang diberi perlu tertakluk kepada kadar peratusan penggunaan barang kitar semula yang digunakan. Walau bagaimanapun, kualiti produk yang dihasilkan perlu juga diambil kira supaya kualitinya sekurang-kurangnya setara dengan produk yang sama yang tidak menggunakan barangan kitar semula dalam proses pembuatannya;
- (ii) menyediakan mekanisme penetapan harga belian barangan kitar semula oleh pekilang atau pembeli barang kitar semula supaya pengguna tetap ingin melaksanakan kitar semula walaupun pada masa kejatuhan harga barangan kitar semula. Untuk makluman, harga barangan kitar semula terutamanya kertas sentiasa turun naik mengikut pasaran;
- (iii) memudahkan pusat pengumpulan, dengan izin, *collecting centres*, didapati lebih berkesan untuk menggalakkan pengguna mengitar semula. Oleh yang demikian, bantuan berbentuk peralatan atau kewangan sewajarnya diadakan untuk membantu pihak-pihak tertentu membina pusat pengumpulan mereka. Antara peralatan yang sesuai dibekalkan adalah kabin dan kontena untuk menyimpan barangan kitar semula. Sekiranya perlu, bantuan penuh boleh diberikan untuk membina keseluruhan pusat pengumpulan di mana pusat itu dikawal selia oleh pihak berkuasa tempatan tetapi dioperasikan oleh mana-mana pihak yang berminat;
- (iv) pemberian insentif kepada pelabur yang menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan kitar semula. Walau bagaimanapun, kadar pemberian insentif tersebut perlu bersesuaian dengan sebanyak mana pelabur menjalankan aktiviti kitar semula, dan
- (v) peruntukan khas untuk projek penyelidikan dan pembangunan juga disediakan.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan See Too Mee.

Puan See Too Mee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri atas kepujian perseorangan kerana jasa kitar semula yang begitu berkesan. Kita juga pernah dimaklumkan bahawa masalah-masalah juga dihadapi dalam proses pelaksanaan kitar semula. Jadi, soalan tambahan saya adakah pihak kementerian bercadang bagi insentif kepada suri rumah tangga untuk mengadakan kutipan sampah atau sisa pepejal kitar semula sekali atau dua kali seminggu di kawasan-kawasan kediaman dengan kegunaan trak sampah atau mungkin boleh berunding dengan Southern Waste dengan memakai lori sampah untuk mengutip sampah kitar semula seminggu sekali atau dua kali. Mungkin cadangan ini akan menggalakkan lagi dan menyenangkan surisuri rumah tangga respons terhadap kempen kitar semula. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan sebenarnya proses kitar semula ini adalah mudah

sahaja. Apa yang perlu kita buat bagi setiap suri rumah tangga atau sesiapa di rumah termasuk kita Ahli-ahli Yang Berhormat, kita adakan satu *habit* atau perangai, cara kita kebiasaan kita di rumah di mana kita pastikan setiap ahli keluarga jangan buang barang yang sebenarnya boleh dikitar semula seperti kertas, kaca, plastik, logam dan tin-tin aluminium dan sebagainya, jangan kita masuk dalam tong sampah. Itu sahaja. Elakkan ia masuk dalam tong sampah. Bahkan kita sediakan sama ada beg ataupun tong yang lain masukkan semua bahan itu di satu bekas yang berlainan kemudian hantar semua barang ini pergi ke pusat pengumpulan yang terdekat kalau tidak ada lori datang ke rumah. Ini satu cara yang paling berkesan. Tidak payah kita pergi ke universiti dapat tesis baru boleh buat, siapa pun boleh buat. Itulah apa yang kita kata pasal kempen ini. Tujuan kempen ialah menyedarkan rakyat semua barang ini jangan buang sebagai sampah kerana ianya adalah sumber.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setiap bulan kita terpaksa mengimport beberapa ribu tan kertas terpakai yang orang lain sudah buang di negara lain dia tidak buang dalam tong sampah, dia kumpul dia hantar ke Malaysia. Dia dapat wang daripada Malaysia dan kita import kita bayar dia. Itu semua kertas terpakai, plastik terpakai, logam terpakai, semua yang terpakai oleh Amerika Syarikat, oleh orang Jerman, oleh Australia kita beli dengan wang ringgit begitu banyak. Pada masa yang sama kita pakai sekali kita buang sebagai sampah. Jadi kita punya mentaliti belum tahu, belum biasa dengan cara iaitu jadikan *recycling* atau kitar semula ini sebahagian daripada kehidupan kita.

Jadi, Yang Berhormat Senator See Too Mee telah beri cadangan yang saya faham dia punya konsep. Jadi, di negara yang lain dia bukan bagi insentif suruh orang kitar semula dengan memberi apa-apa kebaikan. Sebenarnya mereka menghukumkan orang yang tidak kitar semula. Sebagai contoh, di Taipei orang yang kalau buang banyak sampah dia ada dua jenis beg plastik ataupun beg kitar semula. Sesiapa yang buang sampah yang banyak lori datang dia timbang berapa banyak kilogram dia wajibkan mereka bayar kerana dia sudah buang sampah banyak. Tetapi kalau dia bagi barang kitar semula dalam beg berlainan jadi lori itu kutip secara percuma tidak payah kenakan bayaran. Jadi, sebaliknya kita tidak bagi wang tetapi kita hukumkan mereka buang banyak sampah. Ini macam-macam cara ada. Kementerian saya sedang kaji.

Sekarang kita sejajar dengan kerajaan Malaysia suka kita hendak menyedarkan rakyat dulu tidak mahu hukum terlalu cepat kita bagi kempen kesedaran satu tahun lagi. Pasal itu fasa yang kedua ini baru *start*. Kita harap boleh ada dia punya kesan yang baik sebelum undang-undang yang mewajibkan rakyat itu dikenakan. Jadi, Ahli Yang Berhormat cadangan memang saya tahu ada banyak cadangan. Konsortium seperti Alam Flora, Southern Waste mereka juga wajib mengadakan aktiviti kitar semula.

Di sini saya sekali lagi menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat bantulah kita dalam kawasan kita masing-masing untuk minta NGO tubuhkan, sediakan ataupun buka pusat pengumpulan secara sukarela kerjasama dengan PBT. Dan pusat pengumpulan lagi banyak lagi ramai orang senang hantar barang-barang itu lagi dapat kita menjayakan program kempen kitar semula ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Karim Ghani.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada bahan-bahan yang disebutkan oleh Menteri berkenaan perkara kitar semula ini, apakah galakan yang diberikan oleh kerajaan supaya sampah-sampah yang dibuang itu boleh dikitar semula dengan menjadikan ia bahan baja kompos dengan menggunakan cacing tanah umpamanya. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Kementerian saya sedang mengadakan kajian strategik terhadap pengurusan sisa pepejal yang lebih menyeluruh. Kitar semula ini hanya sebagai satu langkah asas dan selepas itu bagi barangan yang memang tidak boleh dikitar semula seperti *organic waste* dengan izin, iaitu sampah yang berbentuk organik kita terpaksa gunakan cara yang lain termasuklah sama ada dia dihantar ke *sanitary landfill* iaitu tapak pelupusan *sanitary* ataupun kita gunakan cara *composting* ataupun gunakan *incinerator*. Semua ini adalah sebahagian daripada kajian.

Apa yang saya terangkan tadi semua adalah hanya untuk kitar semula. Kalau kita kata peringkat kita punya pengetahuan dan usaha menguruskan sisa pepejal kitar semula itu macam hanya di peringkat *kindergarten* sahaja iaitu apa yang kita baru

buat ini orang lain sudah buat 20 tahun dahulu. Tetapi biar kita start sekarang lambat asalkan lagi baik daripada tidak buat langsung. Jadi, Ahli Yang Berhormat telah tanya satu soalan yang lebih luas. Ianya adalah berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 36 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN (2001) (NO.2) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [3 Disember 2001]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin menyambung ucapan.

11.25 pagi.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung perbahasan saya semalam berkaitan dengan Akta Perbekalan Tambahan (2001)(No.2) 2001 menyambung tentang perkara B.26 Kementerian Pendidikan.

Berbalik kepada permasalahan perihal masyarakat saya Orang Asli kerana ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat semalam ingin mengetahui lebih dekat tentang masalah dan alam penghidupan yang dilalui oleh masyarakat saya. Semalam saya bercakap tentang keadaan fizikal dan termasuk perkara-perkara yang dianggap lucu bagi menghidupkan suasana yang muram sepanjang bulan puasa. Saya tidak ada niat untuk menghina atau merendahkan martabat bangsa saya sendiri tetapi dengan kelucuan itu memberi makna yang mendalam bahawa masyarakat saya juga boleh dilihat dalam keadaan amat sempurna seandainya mereka ini dapat menikmati penghidupan seperti bangsa-bangsa lain yang ada di negara ini. Kalau tidak percaya Datuk Haji Karim Ghani sudah keluar. Biasa kalau dia tidur dekat hotel dia *appreciate* beberapa wanita yang bekerja di hotel tempat beliau menginap.

Tuan Yang di-Pertua, alam persekitaran di sekeliling penghidupan bangsa saya menyebabkan mereka berkeadaan sedemikian. Satu peristiwa benar yang berlaku dalam masyarakat saya di dunia kemajuan hari ini adalah peristiwa seorang rakyat Australia yang melihat ilmu perubatan tradisional Orang Asli. Secara kebetulan semasa kajian dan pemerhatian pengkaji berkaitan dengan masyarakat saya pada ketika itu berlaku wabak jangkitan demam malaria dan ramai di kalangan masyarakat setempat menghidap penyakit tersebut dan penyakit ini dapat disembuhkan dengan cara perubatan tradisional. Apa yang terjadi pengkaji tersebut juga dihindangi penyakit yang sama iaitu malaria. Daripada pemerhatian dan kajian beliau bahawa penyakit tersebut tidak perlu disembuhkan dengan cara makan ubat di hospital. Dia gunakan dengan beberapa ubat tradisional dan jampi mantera. Akhirnya pengkaji tersebut telah menemui ajalnya dengan kepercayaannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seorang lagi pengkaji daripada negara yang sama iaitu Australia telah membuat kajian tentang perubatan herba tradisional Orang Asli. Pengkaji wanita Australia tersebut telah berkahwin secara kontrak dengan seorang lelaki Orang Asli. Isteri dan anak-anak Orang Asli tersebut dibayar ganjaran semasa tempoh kajian dan berkahwin kontrak sedang berjalan. Malangnya keputusan kecemerlangan kehebatan lelaki tersebut dengan kekuatan sumber herba tradisional tersebut tidak dapat saya beritahu kerana keputusannya hanya diketahui oleh pengkaji tersebut secara sulit.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya daripada peristiwa-peristiwa tersebut memberi pengajaran yang berguna kepada kita bahawa betapa hebatnya sumber asli di negara kita yang tidak dipedulikan oleh ahli bijak pandai terutamanya kumpulan cendekiawan di universiti yang ada di negara ini. Suatu penyelidikan dan kajian biasanya memakan masa dan belanja yang banyak. Tetapi andai kata ianya memberi kejayaan hidup manusia sejagat dan mempunyai nilai keperluan yang tinggi ianya akan memberi keuntungan yang besar kepada pemilik atau penemu kepada kajian tersebut. Contohnya sekarang ini ada keluaran Tongkat Ali.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Datuk.

Datuk Long bin Jidin: Ramai berpendapat bahawa Tongkat Ali tujuannya untuk menguatkan tenaga batin. Tetapi bagi masyarakat Orang Asli, Tongkat Ali digunakan sebahagian daripada ramuan bercampur dengan ramuan lain. Tongkat Ali boleh dicampur dengan Misai Ali, boleh dicampur dengan Janggut Ali, boleh dicampur dengan Sandar Ali. Berbagai-bagai jadi Ali. Dan Tongkat Ali yang dimakan oleh masyarakat hari ini bagi masyarakat Orang Asli

Tuan Haji Karim bin Salleh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, ada yang minta laluan. Jemput Yang Berhormat Haji Karim.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih Datuk Long. Saya teringat dan terpanggil untuk hendak buat soalan berkenaan dengan Ali ini, Ali mana yang agak-agaklah, adakah Ali Khalifah yang keempat ataupun Ali-Ali mana, Ali misai ke apa?

Datuk Long bin Jidin: Saya rasa ustaz lebih arif daripada saya bahawa Ali mengikut sejarah ini dulu, Ali ini dulu adalah benda-benda yang kuat, jadi saya tidak perlulah bagitahu kepada Ahli Yang Berhormat, lepas keluar Dewan ini saya beritahu lebih *detail* kalau dalam Dewan yang mulia ini sebab ada beberapa perkara yang kurang menarik. Jadinya bagi masyarakat Orang Asli seperti saya nyatakan tadi, tongkat Ali digunakan sebahagian daripada ramuan untuk menguatkan tenaga, tenaga sebagai seorang petani, seorang pekerja dan sebagainya. Begitu juga dicampur dengan berbagai-bagai lagi seperti 'ubi jaga' dan untuk wanita 'kacip fatimah' dan berbagai-bagai lagilah dan semua ini sebenarnya bukan tujuan untuk tenaga batin sahaja.

Dato' Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah asal perbahasan saya semalam adalah berkaitan dengan peluang yang tipis akan ditempo oleh anak bangsa saya seandainya pendekatan pemilihan untuk ke pusat pengajian tinggi awam berlandaskan meritokrasi. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin memohon kepada kerajaan perlu memberi perhatian kepada kes-kes seperti ini dan semua keputusan yang hendak diambil haruslah diambil kira untuk pelbagai pihak. Oleh kerana untuk memenuhi kehendak sesuatu pihak ada pihak lain yang menjadi mangsa. Cadangan saya ialah banyakkkan lagilah kolej-kolej komuniti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, Dato T. Marimuthu hendak minta laluan. Jemput Dato'

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada kajian-kajian yang telah dijalankan atas golongan Orang Asli. Saya masih ingat satu kajian tempatan yang telah dijalankan oleh penyelidik universiti tempatan mengenai keciciran murid-murid Orang Asli. Beberapa penemuan telah didapati tetapi satu faktor yang utama dalam kajian itu ialah murid-murid adalah malas menghadiri sekolah. Adakah Yang Berhormat Datuk bersetuju dengan penemuan itu? Jika tidak apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada keciciran yang tertinggi dalam golongan itu?

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk Long

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dr. T. Marimuthu penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua: Ada gaya menteri

Datuk Long bin Jidin: *[Ketawa]* *[Disampuk]* Memang ada satu kajian yang telah dibuat oleh Dr. Hassan Mat Nor daripada UKM, daripada penemuan yang dibuat oleh Dr. Hassan Mat Nor didapati jumlah keciciran yang tinggi di kalangan golongan pelajar Orang Asli, punca utamanya adalah malas, saya tidak ingat berapa *percent*. Kajian ini dibuat kepada murid-murid satu sekolah, saya pernah berucap pada Dewan yang sama pada tempoh penggal yang pertama saya dahulu, punca keciciran murid Orang Asli pada saya bukan sebab malas, malas ini datangnya daripada sumber-sumber lain, puncapunca lain. Contohnya kalau seseorang murid itu tidak cukup makan, sumber makanan pada diri dia tidak cukup, tidak secara langsung murid itu akan datang rasa malas, dia datang dengan tidak cukup tenaga, malah kalau dia pergi sekolah pun rasa ngantuk dan sebagainya.

Salah satu daripada satu kajian dibuat oleh seorang warden asrama Sekolah Menengah Benut, menarik minat pelajar Orang Asli tinggal di asrama dengan meningkat kualiti pengurusan. Dia buat kajian terhadap 100 lebih orang murid, yang mana seperti kata Yang Berhormat Datuk Aziz musim durian dia balik kampung pergi pungut durian dan musim buah, musim perkahwinan dia pergi balik kampung untuk pergi berjoget kalau di Johor. Semua dalam kajian ini ada. Daripada kajian tersebut didapati bahawa ramai di kalangan murid itu menjawab dalam bentuk yang positif bahawa mereka ini hendak duduk di asrama ini lebih lama dan hendak datang ke sekolah seperti rakan-rakannya yang lain dan didapati keperluan-keperluan mereka perlulah dipenuhi. Yang pertama mereka duduk di asrama rasa sunyi sebab jauh daripada keluarga sebab di asrama mereka tidak ada sebarang aktiviti, tidak ada sukan, tidak ada riadah, tidak ada perpustakaan, tidak ada komputer.

Apabila warden asrama memenuhi kehendak murid-murid di asrama tersebut adakan padang sukan, adakan bilik komputer, adakan perpustakaan dan berbagai aktiviti. Jawapannya kepada permasalahan itu nampaknya lebih positif dan yang suka tinggal di asrama mencapai peratus kepada 100%. Mereka lupa untuk pungut durian, mereka lupa untuk balik menghadiri hari perkahwinan dan mereka lupa keluarga mereka di kampung. Ini menunjukkan bahawa duduk di asrama dengan makan menu yang disediakan oleh kerajaan, menu yang lengkap, 'nutriensi' yang mereka terima menyebabkan malas tidak timbul, mereka datang sekolah pun 100%, ini satu kajian yang dihantar kepada tidak silap saya Kementerian Pendidikan boleh mengambil contoh yang dibuat oleh Encik Isa bin Abdul Hamid, Warden Asrama Sekolah Menengah Benut dan asrama ini hendak dijadikan asrama bestari oleh Kementerian Pendidikan. Jawapan sedikit kepada Yang Berhormat Dato' Marimuthu dan saya boleh serah pada Yang Berhormat T. Marimuthu untuk membuat kajian yang seterusnya.

Saya mencadangkan kepada kementerian supaya kolej-kolej komuniti untuk penduduk luar bandar seperti masyarakat saya yang terdiri daripada masyarakat di pedalaman dan luar bandar yang kurang upaya dalam pendidikan dan pembelajaran.

Dato' Yang di-Pertua, saya berpindah kepada B.48, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, terima kasih saya kepada kerajaan kerana di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar diperuntukkan RM43 juta

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, Dato Karim ingin minta laluan, dijemput Dato' Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, mendengar ucapan saudara saya Yang Berhormat Datuk Long, sebagaimana yang kita tahu kebanyakan orang-orang di Malaysia ini berjaya bukan kerana ibu bapa dia kaya tetapi kerana pengajian, kerana pelajaran. Saya teringat di Sabah 20, 30 tahun dahulu keadaan apa yang saudara Yang Berhormat Datuk Long katakan itu sama dengan masyarakat kami di Sabah tetapi kerajaan pada ketika itu mempunyai satu rancangan di mana anak-anak masyarakat yang cemerlang tetapi ibu bapa tidak mempunyai kemampuan bukan sahaja anak itu diberikan biasiswa tetapi ibu bapanya dia juga diberikan bantuan tiap-tiap bulan untuk menggalakkan dan memastikan anaknya itu pasti datang ke sekolah memastikan anaknya itu diberikan izin untuk dihantar belajar ke luar negara sehinggakan pada masa ini ada banyak yang menerima bantuan serupa itu berjaya dalam hidupnya. Apakah tidak secara ini kalau ada rancangan dibuat untuk masyarakat Orang Asli juga mereka akan berjaya, macam mana pendapat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Long

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Haji Karim Ghani, saya rasa pendapat Yang Berhormat Dato' Haji Karim itu boleh dimuatkan sebagai sebahagian daripada cadangan saya untuk diambil tindakan oleh pihak kementerian. Itu sebabnya saya nyatakan tadi bahawa anak Orang Asli sekarang ini kalau hendak dibiarkan bersaing seperti anak-anak orang lain dan bangsa lain saya rasa memang bermasalah. Kalau tahun 60-an dahulu kerajaan telah mewujudkan Institut Teknologi MARA memberi peluang kepada anak-anak orang Melayu walaupun gred 3 boleh masuk ke pusat pengajian tinggi boleh belajar, sampai dapat diploma, ijazah dan seterusnya kenapa tidak masyarakat Orang Asli diberi peluang seperti tahun 60-an bagi masyarakat orang Melayu dulu? Itu harapan saya.

Jadi bukan maknanya saya bercakap demikian menidakkan apa yang kerajaan telah beri kepada masyarakat saya pada hari ini, memang saya juga berterima kasih kepada kerajaan. Sekarang ini memang Orang Asli diberi sedikit keistimewaan, contohnya di maktab-maktab perguruan, anak-anak Orang Asli yang mempunyai kelayakan minimum diberi keistimewaan untuk melanjutkan pelajaran di maktab perguruan dan melayakkan mereka untuk menjadi guru untuk dihantar jauh di pedalaman. Dan ini merupakan satu insentif pada masyarakat saya semoga bangsa itu sendirilah yang mampu memajukan bangsanya pada masa-masa akan datang.

Berbalik kepada B.48, Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang bernilai RM43 juta lebih. Saya berterima kasih kepada kerajaan di mana peruntukan yang dikhususkan kepada kementerian ini ialah satu peruntukan yang diberi kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang bertukar kementerian daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ini merupakan satu proses *recycle* tidak silap saya *recycle* kali ketiga, Jabatan Orang Asli sebenarnya sudah pun duduk di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya rasa ini kali yang ketiga duduk balik. Seperti ucapan saya yang lepas bahawa Jabatan Orang Asli ini telah bertukar beberapa kali, tidak kurang sembilan kementerian sejak Jabatan Orang Asli ditubuhkan. Jadi ini pertukaran yang kesembilan.

Dato' Yang di-Pertua, dengan pertukaran ini harapan saya adalah satu pendekatan *integrated approach* di antara agensi di bawah kementerian yang sama dapat ditingkatkan lagi. Kita sedia maklum bahawa dalam program penyusunan semula pembangunan masyarakat Orang Asli ada beberapa agensi yang terlibat secara langsung seperti RISDA dan FELCRA, kesemuanya di bawah KPLP belaka. Dengan peruntukan yang besar, telah diberi kepada jabatan Orang Asli dan disalurkan kepada RISDA untuk pembangunan tanah dan sebagainya dan adalah didapati prestasinya terlalu perlahan.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini berapa peratuskah perbelanjaan yang telah disalurkan dan sudah dibelanjakan melalui RISDA? Satu kes yang menjadi persoalan sekarang ini ialah didapati program tanaman semula yang dilaksanakan oleh RISDA, telah dibuat satu akujanji di antara penduduk dan peserta dengan koperasi pekebun kecil. Bagi setiap hasil yang akan dikeluarkan perlu dipotong 30% kepada koperasi pekebun kecil. Dalam keadaan sekarang ini harga komoditi kelapa sawit dalam lingkungan RM200 per metrik tan, kalau satu hektar dapat menghasilkan satu tan metrik dan di dalam program penyesuaian semula kampung, contohnya di negeri Pahang kerajaan memberi tanah kepada Orang Asli untuk ladang lebih kurang 6 ekar ataupun 2.5 hektar dan hasil yang diperolehi dengan harga sekarang, adalah dalam lingkungan RM500 sebulan dan kalau dipotong 30% bermakna dalam lingkungan RM150 dan yang tinggal berbaki adalah RM350.

Jumlah pendapatan seperti angka yang saya nyatakan tadi adalah satu angka pendapatan keluarga kumpulan miskin dan saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah program yang dilaksanakan oleh kerajaan masih di peringkat miskin. Ini pun belum termasuk kos membaja, meracun ataupun kos-kos pengeluaran yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, malah buat masa sekarang ini ada beberapa program di bawah Rancangan Pengumpulan Semula pendapatan peserta adalah dalam lingkungan RM400 sebulan. Itu pun keluasan tanah yang secara puratanya bagi setiap keluarga melebihi enam ekar ladang. Bagaimanakah prospeknya pada masa akan datang? Dalam masa kegawatan ekonomi sekarang, bagi peneroka FELDA yang mempunyai keluasan tanah sepuluh ekar pun dalam keadaan tenat. Bagaimanakah status yang mempunyai keluasan tanah enam ekar sahaja. Kalau boleh kita tidak mahu status kemiskinan yang sedia ada dipindahkan oleh kerajaan kepada situasi kemiskinan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh RISDA terhadap pembangunan kampung secara tersusun yang sedang berjalan sekarang ini, masalah utama yang perlu kerajaan beri perhatian ialah berkaitan sumber pendapatan semasa projek tersebut dilaksanakan. Semasa menunggu hasil keluaran ladang yang memakan masa melebihi tiga tahun, penduduk kampung atau peserta rancangan tersebut menderita semasa projek berjalan. Tiada sumber yang diperolehi. Saya memohon kementerian seharusnya merangka satu kaedah supaya pendapatan mereka tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, ada dakwaan daripada beberapa NGO dan individu tertentu dan ada juga yang menghantar memorandum kepada peringkat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menteri yang menjaga Orang Asli termasuk yang amat terhormat menteri-menteri besar. Dakwaan mereka adalah dengan adanya pembangunan, jalan-jalan raya perhubungan yang baik boleh mengakibatkan kejutan budaya. Saya berpendapat bahawa masyarakat Orang Asli satu kumpulan yang progresif dan boleh menerima perubahan. Contohnya, kalau dilihat masyarakat Orang Asli di serata tanah air, ada yang merayakan Hari Raya Puasa walaupun mereka ini tidak beragama Islam. Ada yang merayakan Gong Xi Fa Chai walaupun mereka ini bukan Orang Cina. Ini menunjukkan mereka mampu mengadaptasikan budaya masyarakat lain di dalam penghidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyerahkan kunci Skim Perumahan di Bukit Lanjan yang diusahakan bersama-sama antara MK Holding dengan masyarakat Orang Asli setempat. Mereka memiliki sebuah banglo dan rumah teres setiap keluarga. Mereka juga mampu duduk sekian lama di tempat tersebut dan mampu menerima perubahan daripada rumah yang dibina oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kepada satu skim perumahan dan persekitaran komersial. Ini semua adalah petanda bahawa Orang Asli boleh menerima perubahan dan kemajuan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka.

Dato' Dr. T. Marimuthu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, dijemput Dato' Dr. T. Marimuthu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, daripada penduduk Orang Asli iaitu 120,000 orang di seluruh Malaysia, berapakah peratusan golongan ini menderita ataupun di bawah garis kemiskinan dan bagaimanakah langkah-langkah ataupun rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh kerajaan memberi manfaat kepada Orang Asli ini?

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang boleh jadi menteri. Banyak soalan ini, patut ditujukan kepada kerajaan bukan dituju kepada saya *[Ketawa]* Daripada 120,000 masyarakat Orang Asli yang ada di seluruh negara, boleh saya katakan hampir 75% adalah miskin dan separuh daripadanya adalah golongan termiskin. Bagi program kerajaan yang telah dilaksanakan sekarang ini terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, dahulu kerajaan Pahang memulakan Program Penyusunan Semula Kampung (PSK) di mana Jabatan Perancang Bandar dan Desa terlibat sama untuk merancang pembangunan kampung Orang Asli.

Kampung-kampung Orang Asli yang ada disusun semula, diberi hak milik tanah, diberi ladang seperti yang saya nyatakan tadi, kalau di negeri Pahang seluas 6 ekar, di negeri Perak mungkin tidak silap saya 10 ekar, di negeri Johor belum lagi, negeri Selangor belum lagi, Negeri Sembilan dan Melaka mungkin juga memberi 6 ekar, di Kelantan tidak ada maklumat, di Terengganu pun tidak ada maklumat sama ada kerajaan kedua-dua negeri memberi hak milik tanah kepada rakyat mereka. Saya mohon kepada Yang Berhormat Siti Zailah dan Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri supaya memberi ruang kepada masyarakat Orang Asli di negeri Kelantan dan Terengganu seperti di negeri lain juga untuk memberi tanah kepada masyarakat saya.

Program Penyusunan Semula Kampung ini diperluaskan di seluruh negara. Bagi negeri-negeri yang memberi hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli maka kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan akan memberi peruntukan yang besar dan membangunkan kampung-kampung Orang Asli seperti yang berlaku sekarang ini di negeri Pahang. Jadi, harapan saya akhirnya satu masa kelak, Orang Asli tidak lagi termiskin ataupun miskin dengan program-program yang ada seperti ini. Jadi, itu sahaja dan

Dato' Charern Intachat: *[Bangun]*

Datuk Long bin Jidin: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, ada yang minta laluan, dijemput Yang Berhormat Dato' Charern.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi saya laluan. Yang Berhormat telah pun dilantik

sebagai wakil Orang Asli di seluruh Malaysia di Parlimen ini iaitu Yang Berhormat ini selaku ketua kepada Orang-Orang Asli. Bagi masyarakat Orang Asli, ada Jabatan Hal Ehwal Orang-orang Asli, tidak seperti masyarakat saya. Jadi, saya ingin tahu apakah peranan ataupun hubungan di antara Yang Berhormat dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini? Maksud saya, adakah perbincangan ataupun perundingan di antara Yang Berhormat dengan jabatan ini di dalam segala masalah berkaitan dengan Orang-orang Asli ataupun tindakan-tindakan yang akan diambil. Pada pendapat saya, sepatutnya Yang Berhormat sebagai ketua kepada Orang-orang Asli perlu diberi penghormatan untuk mendapatkan pandangan ataupun persetujuan ataupun kerjasama daripada jaba tan ini. Harap mendapat komen Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Long.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Charern. Ada di kalangan cendekiawan Orang Asli mengatakan bahawa dengan adanya Jabatan Orang Asli, maka proses pemodenan masyarakat Orang Asli menjadi lambat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terbalik pula.

Datuk Long bin Jidin: Mereka berkehendakkan bahawa kalau boleh Jabatan Orang Asli ini tidak ada, Orang Asli boleh berhubung kepada semua jabatan yang ada seperti masyarakat lain juga yang ada di Malaysia ini. Tetapi bagi saya, di negara ini kita ada satu akta, Akta 134 iaitu Akta Orang Asli. Dengan adanya Akta 134 mestilah ada satu jabatan yang menguatkuasakan undang-undang yang telah diberi dalam akta tersebut. Andai kata Jabatan Orang Asli tidak ada, maka akta itu tidak berguna langsung. Siapakah di antara pegawai-pegawai yang hendak menguatkuasakan akta yang ada dalam Akta Orang Asli terutama sekali siapakah yang boleh mentakrifkan saya ini sebagai Orang Asli. Saya rasa kalau saya duduk di bandar, orang tidak kata saya Orang Asli, melainkan kalau ada akta, saya hendak mengaku saya Orang Asli pun orang lain tidak percaya. Tetapi dengan adanya akta, dalam Akta Orang Asli jelas - Orang Asli adalah orang-orang yang mempunyai bapa atau ibunya, Orang Asli dialah Orang Asli, dan mengetahui loghat ada resam Orang Asli.

Kalau saya berdiri di bandar Kuala Lumpur atau duduk di Parlimen ini, ramai di kalangan pegawai kerajaan yang jumpa saya, ramai yang kata saya bukan Orang Asli sedangkan saya tahu adat resam Orang Asli, saya boleh berbahasa empat hingga lima bahasa Orang Asli dan saya mengamalkan adat resam Orang Asli saya dan emak bapa saya berketurunan Orang Asli. Itu sebabnya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, tadi agak mengejutkan kita sepanjang pengetahuan kita Jabatan Orang Asli sepatutnya membantu, tetapi Datuk kata, dia hanya pendapat cendekiawan, maknanya bijak pandai di kalangan Orang Asli mengatakan jabatan ini menjadi penghalang. Boleh Datuk terangkan sedikit supaya kita dapat pandangan.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya katakan tadi bahawa ada di kalangan cendekiawan Orang Asli menyatakan dengan adanya Jabatan Orang Asli seolah-olah jabatan ini menghalang kemajuan kepada Orang Asli. Saya secara personal saya nyatakan, saya suka Jabatan Orang Asli ada. Dengan adanya Jabatan Orang Asli, yang pertama sekali tadi saya katakan ada jabatan yang menguatkuasakan peraturan yang ada di dalam Akta 134 Orang Asli, satu.

Yang kedua, secara tidak langsung kerajaan memperuntukkan satu peruntukan khas untuk Orang Asli. Kalau Jabatan Orang Asli tidak ada, sudah tentu peruntukan itu diletakkan di dalam satu kementerian yang perlu menjadi rebutan kepada semua orang. Sebagai contoh, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan satu peruntukan RM4.3 bilion untuk membuat pembangunan kepada kampung-kampung, jalan-jalan luar bandar, balai raya dan kemudahan infrastruktur di kampung-kampung. Dengan tidak adanya kumpulan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan yang mana Datuk Penghulu menjadi Pengerusi Penyelarasan Mukim yang mana dijemput semua pengerusi JKK berbincang apakah projek-projek yang perlu disalurkan kepada kampung-kampung.

Oleh kerana Orang Asli tidak ada JKK maka di tempat tertentu tidak ada langsung projek pembangunan yang mempunyai nilai RM4.3 juta itu turun di kampung-kampung Orang Asli. Akhirnya saya rasa kalau semua projek ini menjadi rebutan -

Orang Asli ini dia ada sikap rendah diri, selalu terkebelakang, lambat dan sebagainya, akhirnya kesemua tidak akan sampai ke kampung mereka. Tetapi sekurang-kurangnya dengan adanya Jabatan Orang Asli, pegawai daripada jabatan menjadi pemangkin di antara pentadbir di satu peringkat daerah dengan masyarakat di kampung Orang Asli. Adalah contohnya saya dua tiga kali telefon kepada pejabat daerah, akhirnya turun dua, tiga projek, buat balai raya, jalan luar bandar, *touching* semula jalan yang tidak baik dan sebagainya, kena sampai ke tahap itu.

Sistem pentadbiran yang ada seperti yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, manusia ini memang tidak pernah puas dengan apa yang mereka terima. Begitu juga Orang Asli, dia tidak puas, begitu juga cendekiawan ini. Cendekiawan ini dia duduk di bandar, dia tidak berapa tahu masalah di kampung-kampung, malah ada di antaranya orang-orang yang duduk dalam NGO ini tidak tahu masalah pentadbiran kerajaan, ini yang menjadi masalah.

Beberapa kes di mana kita dapati banyak yang mengatakan pohon hari ini hendak dapat hari besok. Sedangkan sesuatu belanjawan itu pohon hari ini, dua tahun kemudian baru dapat. Jadi, apabila permohonan hari ini tidak ditunaikan hari besok, akhirnya cendekiawan ini kata, "tutuplah jabatan ini, tidak guna", ini masalahnya. Dengan adanya jabatan sekurang-kurangnya ada satu perancangan, satu belanjawan yang diberi oleh kerajaan kepada masyarakat itu.

Bagi menjawab laluan daripada Yang Berhormat Dato' Charern bahawa masyarakat Orang Asli, saya sendiri dijemput dalam Majlis Ahli dan Majlis Perundingan Pembangunan Orang Asli yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar sendiri. Masyarakat itu kerap diadakan. Dalam setahun adalah dua atau tiga kali.

Pada masa yang sama, dalam setiap Rancangan Malaysia, kita ada program melaksanakan atau merancang bersama. Semua cendekiawan Orang Asli dijemput - termasuk saya - dan kita duduk di satu tempat merancang bagaimanakah caranya untuk membangunkan Orang Asli. Malah, ada beberapa program. Contohnya, penyusunan semula kampung dan sebagainya, semua ini datangnya ialah idea bersama di antara cendekiawan Orang Asli dengan Jabatan Orang Asli. Jadi, masalah perbincangan mengatakan bahawa saya tidak terlibat sama dalam Jabatan Orang Asli itu kurang tepat sekali. Kalau saya tidak terlibat secara langsung, mungkin saya tidak tahu pun masalah-masalah yang ada di kalangan Orang Asli yang ada pada hari ini.

Malah, daripada 760 buah kampung - saya rasa saya sudah jadi Senator lebih kurang dekat lima tahun - hampir keseluruhan kampung saya ingat, 90% saya sudah pergi. Kesemua Batin-batin - Orang Asli ini, ketua dia disebut Batin - Batin ini mungkin dahulu, ketua-ketua Orang Asli ini memang hebat dengan ilmu kebatinan ini. Itu sebab dipanggil "Batin". Malah, kalau mengikut sejarah yang ditulis oleh Abdullah Munsyi tentang sejarah Orang Asli, Batin yang pertama dalam sejarah adalah Batin Sri Alam. Dia ada anak, Batin Bercangai Besi, yang mempunyai seorang puteri yang cantik menawan, bergelar Puteri Mayang Selida. Puteri Mayang Selida ini, berkahwin dengan kerabat Diraja Johor. Itu sebab Raja Johor dengan Orang Asli amat baik. Dia tahu sejarah, salasilah kerabat Diraja Johor dengan masyarakat Orang Asli.

Malah, Panglima Hitam, Panglima Helang Laut, sebelum Majapahit datang ke Melaka, yang mengawal laut Selat Melaka untuk pedagang-pedagang yang berdagang ke tanah air kita dahulu, adalah golongan-golongan Orang Asli iaitu, kumpulan orang laut yang dahulu disebut lanun-lanun. Malah, di Melaka dahulu mengikut sejarah, hulubalang-hulubalang dan pahlawan-pahlawan juga terdiri daripada Orang Asli sebelum datangnya Bugis. Kalau tidak betul cerita saya ini, semak balik sejarah yang ditulis oleh Abdullah Munsyi. Saya hanya mengolah kembali. Jadi, dengan kata-kata itu, saya menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: *[Bangun]*

Datuk Long bin Jidin: Ada lagi? Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Laluan sebelum duduk. Jemput Yang Berhormat.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Long. Saya tanya soalan ini oleh kerana Datuk adalah lebih arif mengenai masalah-masalah dan isu-isu yang dihadapi oleh golongan Orang Asli. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Datuk Long telah

menyatakan bahawa Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli telah dipinda kepada beberapa kementerian. Adakah pertukaran ini memberi lebih faedah kepada golongan ini dan menyelesaikan masalah-masalah dengan berkesan?

Lagi satu ialah mengenai bilangan murid-murid ataupun penuntut-penuntut yang telah mencapai tahap ijazah universiti ataupun diploma di kolej-kolej di negara kita. Adakah satu persatuan ataupun NGO cendekiawan masyarakat Orang Asli di mana cendekiawan-cendekiawan Orang Asli boleh memberi pertolongan untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti kehidupan masyarakat ini? Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan sedikit? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk.....

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab daripada bawah dahulu. Jumlah penuntut Orang Asli yang menuntut dan lepas atau sudah keluar daripada universiti lebih kurang 400 orang. Persatuan NGO yang ada di kalangan masyarakat Orang Asli yang menyumbang sedikit sebanyak terhadap pembangunan Orang Asli ada tiga :-

- (i) Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia ;
- (ii) Persatuan Siswazah Orang Asli; dan
- (iii) Persatuan Perniagaan Orang Asli Semenanjung Malaysia.

Ada tiga kesemuanya.

Manakala, pertukaran Jabatan Orang Asli sebanyak sembilan kali di beberapa kementerian, saya berpendapat bahawa dahulu, Orang Asli ini rapat dengan komunis. Dia duduk di pendalaman. Maka, Jabatan Orang Asli ditempatkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Sebelum itu, tidak silap saya, ada satu kementerian, muzium. Orang Asli pernah duduk di Jabatan Muzium. Puncanya, saya rasa pada ketika itu, Orang Asli ini sebagai satu alat untuk dipertontonkan. Persepsi kerajaan melihat Orang Asli ini sebagai satu objek yang perlu dipertontonkan, maka duduklah di Jabatan Muzium.

Kemudian, disebabkan oleh Orang Asli mempunyai 18 suku kaum yang tidak ada hubungan di antara kaum-kaumnya, contohnya, kumpulan Senoi dengan Melayu Asli di mana Melayu Asli datangnya daripada selatan, mungkin daripada kepulauan Indonesia seperti orang-orang Melayu, manakala orang-orang Senoi datang daripada Aryan, daripada Mongul. Itu sebab rupa dia sedikit macam orang Cina. Dan orang-orang Negrito, saya pun tidak tahu datang daripada mana. Rupa mereka seperti yang saya nyatakan semalam, rambut kerinting, bibir tebal, hidung kembang, macam negro. Ini pun saya tidak dapat sejarah. Saya bukan ahli sejarah.

Timbalan Yang di-Pertua: Bunyi pun seakan-akan.

Datuk Long bin Jidin: Macam orang Negro, Orang Asli di Afrika, lebih kurang sama. Rupa, fizikal mereka lebih kurang sama. Oleh kerana masyarakat Orang Asli ini mempunyai pelbagai kumpulan etnik yang berlainan datangnya, mungkin disebabkan oleh keadaan begitu, mereka diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan. Walaupun lain *race*, memang sudah berpadu, tetapi duduk di bawah Kementerian Perpaduan. Itulah keadaannya. Jadi, saya tidak tahu apa sebabnya. Yang penting, tidak silap saya, lihat dalam keadaan atau matlamat jabatan tersebut. Kalau Jabatan Orang Asli mengatakan hendak menyatupadukan Orang Asli dengan masyarakat umum, memang hantar ke Kementerian Perpaduan. Kalau matlamat Jabatan Orang Asli - Tan Sri lebih ariflah dalam pentadbiran kerajaan - kalau matlamat Jabatan Orang Asli untuk pembangunan, maka diletak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kalau Jabatan Orang Asli ini, disebabkan mereka penyokong komunis dahulu, diletak di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Itu pandangan sayalah tetapi saya bukan kerajaan, saya bukan menteri, jadi saya tidak tahu macam mana kedudukan Jabatan Orang Asli ini sering bertukar, seolah-olah macam tidak berapa pentinglah. Ada Orang Asli merasakan benda ini tidak berapa penting. Rasa tidak sedap sahaja, tendanglah, hantarliah kementerian lain, seolah-olah macam itu. Tetapi, harapan saya tidaklah begitu. Semoga dengan pertukaran yang ada ini membawa imej baru, mempunyai semangat baru di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Rakan saya Dato' Hamzah duduk jadi

Pengerusi FELCRA, dapat membantu Orang Asli, saya rasa tidak jadi masalah. Jadi, ada soalan tambahan Dato' Hamzah? Datuk? Haa, ada lagi? Sila.

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Datuk Karim, jemput.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh Datuk Long. Dari segi sejarah, Datuk Long mengatakan Orang Asli ini ada banyak suku-suku atau kumpulan-kumpulan. Bila ia mula dinamakan Orang Asli? Tahun bila? Zaman Munsyi Abdullah atau awal daripada itu. Atau bila? Kalau dia kita katakan Orang Asli, dia Orang Asli apa? Orang Asli Melayukah, Orang Asli Cinakah, Orang Asli Indiakah, Orang Asli Arabkah?

Kalau kita tahu dia berasal dari Gagasan Kepulauan Melayu, tentulah dia Orang Asli Melayu. Siapa dia Orang Asli ini? Atau apakah ini cuma satu transisi di mana orang-orang suku kaum ini di katakan Orang Asli untuk sementara sahaja sehingga mereka dapat dibangunkan sama seperti bumiputera Malaysia yang lain dan mereka akan dinamakan orang Melayu atau orang bumiputera sahaja, bukan lagi Orang Asli? Jadi, cuba jelaskan sedikit supaya saya faham kerana mengatakan Orang Asli, saya selalu katakan dengan Datuk Long, kalau ada orang mengatakan saya bukan Orang Asli di Sabah, saya pukul. Saya bangga yang di Sabah ini, saya Orang Asli. Cuba tolong jelaskan sedikit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Datuk Long.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang Datuk Haji Karim ini sentiasa berdebat dengan saya. Dia hendak menjadi Orang Asli. Saya kata pada Datuk Haji Karim, senang sahaja hendak jadi Orang Asli. Bercakap bahasa Orang Asli, mengamalkan adat istiadat Orang Asli, cara hidup Orang Asli, berkahwin dengan seorang anak dara Orang Asli, boleh ditakrifkan sebagai Orang Asli.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, di Sabah, kami sudah bercakap dalam bahasa Orang Asli, kami hidup sebagai Orang Asli, kami budaya Orang Asli, tetapi Orang Asli Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah kahwin atau belum, Yang Berhormat Datuk Haji Karim?

Datuk Haji Karim Ghani: Ya? Sudah juga kahwin Orang Asli Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua: Kahwin anak dara itu?

Datuk Haji Karim Ghani: Haa, itu nanti saya fikir, boleh dipertimbangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Haa, itu syarat itu.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak.....
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Hamzah hendak jadi Orang Asli juga ini?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Itulah. Saya sebenarnya, saya duduk di luar, dengar perbincangan daripada Datuk Long tadi, saya rasa saya amat tertarik sekali bila kita berbincang dan berbicara tentang Orang Asli ini. Bila syarat-syarat hendak jadi Orang Asli itu, soalan pertama saya, kalau kita pilih satu sahaja boleh tidak? Berkahwin dengan anak Orang Asli, sebagai satu contoh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah cukup syarat Dato'?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Sudah cukup syarat atau belum lagi? Itu saya hendak tanya, sebab Datuk Karim kata, dia sudah hidup macam Orang Asli, sudah boleh berbahasa Orang Asli. Saya tidak boleh hendak berbahasa Orang Asli. Saya tidak boleh hendak duduk serupa dengan Orang Asli. Jadi, kalau saya hendak ambil atau petik satu daripada syarat-syarat ini - berkahwin dengan Orang Asli - sudah cukup menjadi Orang Asli. Boleh ataupun tidak? Itu soalan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan kebenaran Datuk Long, barangkali boleh.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Haa, yang itu saya hendak tanya.

Datuk Long bin Jidin: Tidak. Tuan Yang di-Pertua, semua perkara ini tidak menjadi masalah. Saya sudah terangkan mengenai takrif “Orang Asli” berkaitan dengan Akta Orang Asli pada dua sesi yang lepas. Saya pernah cakap, Yang Berhormat Dato’ Poo Yew Choy pun boleh jadi Orang Asli dengan syarat memenuhi syarat-syarat yang ditakrifkan dalam Akta Orang Asli.

Itu sebabnya saya nyatakan Akta Orang Asli perlu dipinda sebab akta tersebut memberi satu takrif masyarakat Orang Asli ini sebenarnya ramai orang boleh mengaku dia jadi Orang Asli. Malah pendatang asing pun dia datang ke kampung Orang Asli, dia berkahwin dengan Orang Asli, dia menggunakan nama orang Asli, bercakap bila sudah duduk di kampung Orang Asli dia kena pandai bercakap bahasa Orang Asli. Akhirnya dia *declare* diri dia, dia kata sebab ramai di kalangan Orang Asli ini yang tidak ada kad pengenalan, dia pergi ke Pejabat Orang Asli, dia pergi jumpa pegawai Pejabat Orang Asli, dia bercakap “Saya Orang Asli”. Tengok, tanyalah apa sahaja, dia tahu fasal Orang Asli. Akhirnya Jabatan Orang Asli tidak mampu hendak menafikan bahawa beliau ini bukan Orang Asli.

Sebagai contoh, di negeri Johor, ramai di kalangan kumpulan Orang Asli daripada suku orang kuala. Suku orang kuala ini dia duduk di tepi-tepi pantai – dia buat macam kelong, dia buat rumah di atas air. Mereka ini sebenarnya dia sudah duduk dua alam - bila orang Melayu datang, dia kata “saya orang Melayu”; bila pegawai Jabatan Orang Asli datang dia kata “saya Orang Asli”; sebab kebanyakan daripada mereka adalah pendatang haram yang datang daripada Indonesia. Mereka duduk di sana, mengamalkan cara hidup setempat, akhirnya mereka dikategorikan sebagai Orang Asli. Ini yang menjadi masalah. Saya sudah nyatakan pada sesi yang lepas supaya Akta 134 Akta Orang Asli perlu dipinda sebab takrif berkaitan dengan Orang Asli terlalu longgar....

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: [Bangun]

Datuk Long bin Jidin: Belum mampu jawab lagi. Banyak soalan-soalan, laluan-laluan. Tunggu dahulu Yang Berhormat Datuk. Sabar dahulu.

Berkaitan dengan laluan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani di mana takrif Orang Asli diberi kepada masyarakat saya Orang Asli, dahulunya Orang Asli ini disebut dengan perkataan bermacam-macam – orang darat, orang hutan; takrif yang paling tidak menarik – orang sakai; ‘Sakai’ kalau di jalan raya baik untuk membina jalan-jalan – ‘Sakai’ from Japan. Yang itu tidak ada masalah, tetapi sakai yang disebut pada Orang Asli, sakai itu takrifnya lebih mirip kepada hamba abdi. Jadi Orang Asli tidak berkenan dengan nama itu.

Jadi dalam sejarah ada juga disebut orang Semang. Saya pun terkejut ada perkataan orang Semang; tetapi Semang tidak ada. Dalam suku-suku yang ada – dalam 18 suku Orang Asli tidak ada kumpulan orang Semang. Tetapi dalam buku saya belajar dahulu pun ada perkataan orang Semang; tidak ada Semang ini. Orang Senoi ada tetapi Semang tidak ada.

Takrif yang diberi kepada masyarakat saya disebut perkataan Orang Asli, bermula tidak silap saya dalam tahun 70-an, bukan satu takrif yang lama, ini satu takrif yang baru. Dahulu semasa penjajah Orang Asli ini disebut orang Abo – aborigine; Abo, jadi merata-rata pakai perkataan orang Putih, perkataan orang Inggeris dipanggil orang Abo. Selepas itu sekarang ini Bangsa Bangsa Bersatu meletakkan Orang Asli ini sebagai *indigenous people*

Semasa saya jadi Presiden, Persatuan Orang Asli pada tahun 1993/1994, kita mengadakan Persidangan Orang Asli Sedunia di Kuala Lumpur. Semasa Persidangan “*Indigenous People*” di Kuala Lumpur, kita hendak takrifkan perkataan “*indigenous people*” amat sukar, termasuklah orang-orang Melayu seperti Datuk Haji Karim Ghani pun adalah orang *indigenous people*. Jadi hendak pungut peserta, saya menjadi masalah. Masa itu Kementerian Kebudayaan menjadi kementerian yang bertanggungjawab untuk melaksanakan persidangan antarabangsa Orang Asli. Tetapi untuk memenuhi cita rasa masyarakat Orang Asli, peserta paling ramai memanglah Orang Asli, termasuk beberapa pemimpin orang Melayu juga menjadi *indigenous people* berbincang tentang masalah Orang Asli sedunia. Perkara ini telah pun setiap tahun kita ada Hari Indigenous People untuk Orang Asli.

Jadi takrif secara *detail* nya kena rujuklah kepada cendekiawan bahasa. Saya tidak boleh menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani mengapa saya

dipanggil Orang Asli, Yang Berhormat Datuk Haji Karim tidak dipanggil Orang Asli. Saya dalam kumpulan Orang Melayu asli – ditambah sedikit, saya ada Melayu, saya ada Asli. Jadi saya lebih untung daripada Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani sebab Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani hanya ada disebut orang Melayu. Kalau Orang Asli tidak baik, saya mengaku saya orang Melayu; kalau orang Melayu tidak baik saya mengaku saya Orang Asli sebab saya ada kedua-dua – orang Melayu Asli.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Zainudin, untuk berkahwin dengan masyarakat Orang Asli tidak ada masalah. Ada juga Orang Asli yang menganut agama Islam – kalau ada di Bukit Lanjan. Yang Berhormat Datuk Hamzah pergi ke Bukit Lanjan, di Gombak dan beberapa persekitaran di tempat saya, ada kampung Orang Asli yang 100% beragama Islam – tidak ada agama lain; ada kampung yang bercampur-campur – ada *animisme*, ada Islam dan sebagainya. Ada juga kampung di sebelah Perak yang beragama 100% Kristian, pun ada. Itu sebab saya menyatakan tadi bahawa Orang Asli ini boleh *adapt* – boleh menerima budaya-budaya ataupun cara-cara penghidupan masyarakat lain.

Saya mengambil kesimpulan bahawa Orang Asli memangnya satu kumpulan yang progresif. Malah dalam banyak hal saya suka pakai songkok, contohnya. Ramai rakan-rakan saya bertanya mengapa Long Jidin pakai songkok? Sebab saya boleh *adapt*, pakai songkok itu cantik; saya pakai songkok lebih *handsome* daripada Yang Berhormat Datuk Hamzah – itu sebab saya pakai songkok [*Ketawa*]. Tidak ada masalah. Begitu juga kalau saya pakai baju Melayu, ramai anak dara orang Melayu tertawan dengan saya - kalau tengok belakanglah, tengok depan lain pula cerita. Jadi akhirnya saya

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long Jidin, Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Ya sila.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya apabila berbahas seperti ini memang seronok mendengar, dan dalam perbincangan ini kadangkala kita banyak belajar - dalam belajar itu pula banyak yang diutarakan itu menimbulkan perkara-perkara, ada yang kita rasa boleh menguntungkan negara dan ada yang boleh merugikan negara.

Dalam perbincangan tentang Orang Asli, saya tertarik kerana cara *adaptation* – kebolehan untuk *adapt* begitu mudah dan akta begitu longgar seperti mana diterangkan – begitu mudah untuk menjadi Orang Asli. Oleh kerana begitu mudah maka ada satu ruang atau satu sudut yang membolehkan ia akan membawa bahaya kepada negara kita. Umpamanya ini ada kaitan di Sabah. Umpamanya orang asinglah – orang Filipinakah, orang Indonesiakah – muka, rupa bentuk lebih-kurang sahaja, dia akan masuk ceruk rantau kampung yang kita tidak kenal, selepas itu tinggal diam di sana; belajar bahasa, kahwin dengan orang tempatan. Dua-tiga tahun kemudian dia naik Pejabat Imigrasi mengatakan dia sudah jadi orang Sabah. Sama jugalah dalam kes Orang Asli – dia mengaku dirinya Orang Asli, *apply* I/C baru; dan seperti mana Yang Berhormat Datuk Long Jidin kata tadi, memang susah hendak menafikan sama ada mereka ini Orang Asli atau tidak, kerana segala keperluan atau syarat itu begitu mudah untuk diisi.

Jadi sebagai seorang ketua Orang Asli, saya ingin bertanya apakah cadangan - pertama, bilakah cadangan akta ini akan diubah untuk mengetatkan supaya ia tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang mungkin mempunyai niat yang tidak baik untuk memberi kewarganegaraan. Al-maklum sahaja kita terdedah dengan sempadan. Orang Asli pula berdekatan dengan sempadan Thailand, bersempadanlah, tidak perlu hendak sebut semua negara yang bersempadan dengan kita.

Jadi sebagai ketua, kerana ini adalah suatu keperluan dan suatu kesedaran yang begitu penting, bilakah akta ini akan diubah dan digubal sehingga ia boleh diperketatkan – hanya Orang Asli sebenar yang telah di *identified* ini boleh dikatakan sebagai Orang Asli supaya ia tidak disalahgunakan dan apakah cadangan daripada Yang Berhormat Datuk yang memberi satu perbezaan yang begitu ketara yang tidak wujud kepada bangsa-bangsa lain yang memberi ketulenan kepada bangsa Asli ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani. Saya hendak jawab pun tidak berani hendak jawab – kuasa untuk menggubal akta ini terletak di tangan Yang Berhormat Menteri. Saya beberapa kali dalam Dewan ini berucap, membahas supaya akta ini perlu dipinda dengan kadar yang amat segera. Akta ini dibuat dalam tahun 1953, dipinda dalam tahun 1974. Jadi dalam ucapan saya yang lepas saya menyatakan bahawa takrif Orang Asli perlu diperhatikan semula.

Dalam takrif Orang Asli kalau tidak silap saya terlalu mudah – ramai orang boleh jadi Orang Asli. Orang Asli adalah orang-orang yang sama ada ibunya atau bapanya daripada keturunan Orang Asli, yang boleh berbahasa Orang Asli, bertutur bahasa Orang Asli, mengamalkan adat resam Orang Asli – ia dikira Orang Asli, itu sahaja, *very simple*. Manakala masyarakat antarabangsa memikirkan undang-undang biasa, yang biasa – kalau bapanya Orang Asli anak Orang Asli, kalau bapanya orang Melayu anaknya orang Melayu.

Ada di kalangan masyarakat Orang Asli yang hendak kata amal cara adat Orang Asli dahulu sudah tidak ada. Dia tidak amal lagi. Cara hidup Orang Asli seperti yang dikata dalam buku, sembah pokok keliling busut – itu semua sudah tidak ada. Dia hidup cara macam kalau yang duduk hampir dengan kampung orang Melayu, Orang Asli mengamalkan cara hidup seperti orang Melayu, yang duduk hampir dengan orang Cina ada yang mengamalkan cara hidup dia serupa macam orang Cina; begitu juga yang duduk, yang menganut agama Kristian, mereka sudah mengamalkan adat macam *style* Mat Salleh pun ada. Ini yang menjadi kelam kabut takrif tentang keadaan adat istiadat Orang Asli itu sendiri.

Jadi segi menggubal, saya tidak mampu hendak menjawab bagi pihak laluan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani – terserah kepada kerajaan. Harapan saya supaya menggubal akta itu perlu dipercepatkan. Malah

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [Bangun]

Datuk Long bin Jidin: Sebentar Yang Berhormat Datuk. Malah untuk maklumat Dewan ini, saya pernah bercakap tentang Orang Asli ini masih tidak digolongkan sebagai kumpulan bumiputera. Saya pernah bercakap dalam Dewan yang sama, dalam Perlembagaan Persekutuan, takrif bumiputera tidak menyebut perkataan "bangsa Orang Asli". Malah saya pernah hendak mengemukakan satu usul di Dewan ini tetapi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa kita akan gubal Akta Orang Asli; dalam Akta Orang Asli besok kita akan muatkan perkataan 'bumiputera'. Jadi saya pun berasa senang hati, tidak jadi masalah, dan saya percaya kepada kerajaan dan percaya kepada Yang Berhormat Menteri yang melaksanakan tanggungjawab dia kepada masyarakat Orang Asli. Ada lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Datuk Ghazi, Yang Berhormat Datuk Long Jidin bagi laluan. Sebenarnya dia tidak bagi Yang Berhormat Datuk Long duduk nampaknya. Jemput.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya separuh daripada soalan saya tadi sudah terjawab sedikit. Sebab bila saya dengar penerangan, usaha jawapan Yang Berhormat Datuk Long kepada soalan Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani sebut kata, ini tidak boleh kerana inisiatif oleh pihak kerajaan hendak menggubal balik definisi dan takrif. Pada saya walaupun kita tahu ini adalah tanggungjawab pihak kerajaan untuk membuatnya, saya ingat tidak salah kalau di Dewan ini kita perhalusi dari segi takrif yang kita betul-betul berminat supaya pandangan Yang Berhormat yang memang berlatarbelakangkan kehidupan Orang Asli sebenar boleh kita rasai, boleh kita menghayati. Setelah mendengar banyak perbincangan sejak semalam yang saya ikuti, memang saya sendiri pun tumpang minat. Bila saya masuk tadi, Yang Berhormat Datuk Hamzah Zainudin cukup berminat, sampai dia melafazkan satu nawaitu hendak menambahkan lagi bilangan cawangan dia. Ini ada rekod Yang Berhormat Datuk Hamzah. Tidak ada masalah ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk membetulkan rekod, saya rasa bukan nawaitunya, itu satu pertanyaan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Oh pertanyaan. Jadi saya nampak tersalah faham bila saya masuk tadi. Jadi ke arah soalan itu, saya hendak dengar tepat. Sekarang Yang Berhormat sebut begini, begini, begini dia punya definisi. Yang hendak

sebenarnya bagaimana? Adakah hanya dimasukkan perkataan “bumiputera” ataupun apa, satu.

Keduanya, apa salahnya kalau umpamanya kalau tidak Yang Berhormat sendiri yang membawa cadangan itu secara *direct*— secara terus di sini. Ada di antara Ahli yang membawakan usul ini dan mendebatkan mengikut keinginan Orang-orang Asli sendiri.

Dan ketiganya, oleh kerana kita amat berminat melihat jangka panjang permasalah— Orang-orang Asli ini, dan oleh kerana tadi Yang Berhormat sebut ada yang berdekatan – tempat berdekatan paling dekat ialah Kampung Lanjan umpamanya. Ada juga di kalangan Kampung Lanjan, saya percaya di antara contoh kata ramai orang Islam di situ. Saya tidak tahu sama ada Kampung Lanjan termasuk dalam kumpulan ini. Bagaimana kalau sekiranya, apa pendapat Yang Berhormat, kalau dalam sesuatu program yang berasingan yang mungkin di *initiate* kan, dimulakan oleh sesiapa sahaja, mungkin turut melibatkan, menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan yang mulia ini, yang berminat seperti Yang Berhormat Datuk Hamzah umpamanya; kalau Yang Berhormat Datuk Hamzah pergi, saya pun hendak pergi, untuk mengetahui dengan lebih rapat lagi permasalahan kaum-kaum Asli ini yang telah diberi penerangan dengan begitu jelas oleh Yang Berhormat Datuk Long Jidin.

Malah saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana peluang perbincangan ini telah pun diambil dengan baik oleh Yang Berhormat untuk menerangkan kes ini. Selalunya macam Yang Berhormat cakap dahulu dibuat perbandingan terdahulu dibangkitkan tetapi masa dahulu mungkin kita tidak melihat sangat. Yalah, ada banyak masalah kita hendak lihat. Jadi, walau kita dengar dan kita ingat ini masalah kecil tetapi sekarang bila sudah dibangkitkan dengan lebih jelas kita nampak masalah ini patut kita sama-sama memahaminya. Jadi, saya harap mendapat penerangan daripada Datuk Long.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk Long

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, initiative yang Dato' Ghazi cadangkan itu amat baik. Sebenarnya saya pernah hendak mengemukakan seperti yang saya nyatakan tadi, ada bil persendirian yang saya hendak kemukakan di Dewan ini. Tetapi kalau saya buat bil persendirian, seolah-olah Jabatan Orang Asli tidak bekerja, seolah-olah kerajaan tidak mengambil tanggungjawab yang lebih kepada masyarakat saya. Jadi, saya telah pun berbincang sebenarnya dengan Ketua Pengarah Jabatan Orang Asli dan mereka berjanji kepada saya akta ini akan digubal secepat mungkin yang boleh. Sekarang ini sudah dalam proses jabatan untuk menggubal Akta 134 untuk memuatkan beberapa perkara.

Sebenarnya kita ada beberapa badan yang bekerjasama dengan Jabatan Orang Asli yang memuatkan apa sahaja kehendak masyarakat orang Asli yang berbincang secara bersemuka apa sahaja masalah, bukan sahaja berkaitan dengan definisi dan sebagainya, termasuklah pembangunan kehendak-kehendak semasa dan sebagainya. Jadi, skop yang diperbincangkan amat luas dan bagi saya tidak menjadi masalah. Malah Jabatan Orang Asli merupakan rakan kongsi kepada cendekiawan orang Asli dan adalah beberapa cendekiawan yang mirip ke arah kumpulan yang lain. Yang inilah yang menjadi satu kumpulan pendesak.

Dato' Dr. T. Marimuthu: [Bangun]

Datuk Long bin Jidin: Ini yang ada sedikit masalah memberi kepada jabatan. Ada lagi Dato' hendak bertanya? Belum habis jawapan saya kepada Dato' Ghazi ini.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Okey.

Datuk Long bin Jidin: Berbalik kepada melawat kampung orang Asli, saya kalau ada ehsan daripada TUDM ataupun mana-manalah orang-orang yang kaya raya seperti Dato' Ghazi atau Dato' Hamzah yang boleh sponsor, kalau boleh kita naik helikopter pergi ke pedalaman betul, barulah boleh menikmati ubi bakarnya, nasi dalam buluhnya, lauk pauk ikan kelahnya. Inilah baru menikmati penghidupan orang Asli sebenar. Boleh kita berakit, boleh berjalan kaki, bolehlah bersama-sama bila balik kelak dapat tongkat Ali, ubi jaga, kacip Fatimah. Kalau pergi ke Bukit Lanjan seperti Yang Berhormat pergi ke rumah saya, tidak ada bezanya antara rumah-rumah Ahli Yang Berhormat dengan orang Asli yang berada di Bukit Lanjan. Serupa juga orang Asli yang duduk di Bukit Lanjan ini di kampung orang Melayu.

Kalau ada ehsan kepada Ahli Yang Berhormat yang mempunyai keupayaan boleh sponsor, saya memang bersetuju hendak membawa sekali-sekala di tempat yang mana saya kata kena menaiki helikopter dan berjalan kaki. Dalam Akta Orang Asli boleh makan pelanduk, boleh makan kancil. Orang Asli boleh mencari untuk makan, bukan untuk dikomersialkan. Ini istimewanya orang Asli, itu sebab saya kata saya lebih beruntung menjadi orang Asli. Saya boleh menangkap rusa, saya boleh menangkap kijang, saya boleh menangkap kancil, saya boleh makan, tetapi Dato' Hamzah tidak boleh, kerana binatang-binatang ini terlindung di bawah Akta Penghidupan Liar. Ini istimewanya saya menjadi orang Asli. Saya boleh mengambil tongkat Ali, saya boleh mengambil kacip Fatimah, saya boleh mengambil ubi jaga, walaupun di dalam hutan simpan. Ini istimewanya orang Asli. Dato' Hamzah tidak ada peluang. Itu sebab saya amat berbangga. Ada lagi? Sila.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih..

Timbalan Yang di-Pertuan: Hendak menyambung soalan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Menyambung soalan berlandaskan jawapan yang baik. Saya nampak kehebatan orang Asli dari aspek boleh buat benda yang orang lain tidak boleh buat. Saya hendak kaitkan dengan rebung semalam. Kalau sudah ada hak untuk mengambil itu dan ini walau pun orang lain tidak boleh ambil, adakah keistimewaan ini dilanjutkan supaya boleh dikomersialkan untuk manfaat kaum Asli? Ini dikaitkan dengan peluang yang kita bercakap semalam mengenai kes rebung. Ini yang saya nampak. Peluang yang cukup baik dan mungkin daripada program ini apa yang saya sebut sebagai bayangan kepada kemungkinan peluang-peluang yang boleh diambil maklum oleh kementerian baru ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh terus dijadikan satu fokus projek yang hendak diuji, hendak dipalitkan straight away. Sebab kadang-kadang bila kita membuat benda yang baru, apa yang kita hendak buat ini? Itu yang kita tanya dahulu.

Tetapi kalau dalam proses perbahasan ini, kita manfaatkan dengan memberi fokus kepada bidang ini. Rasa saya itu adalah baik dan kalau itu berlaku, itu berkemungkinan cadangan Yang Berhormat tadi untuk melawat melalui menaiki helikopter dan sebagainya mungkin merupakan satu masalah kecil, sebab potensinya besar. Ini kita bercakap secara relatif, kalau ada gambaran besar soal naik helikopter mungkin nampaknya kecil. Apa pandangan Yang Berhormat di atas tajuk ini?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya hendak sambung kepada soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Laluan diberi.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Sebenarnya soalan pertama saya tadi bertanyakan sama ada seseorang itu daripada syarat-syarat yang diberikan oleh Datuk Long tadi hendak menjadi orang Asli, saya hanya memilih satu tadi itu, kalau bolehlah hanya satu itu diberikan, cuma jawapannya tidak diberikan kepada saya, dan saya masih lagi menunggu. Di luar tadi bila saya mendengar kata seorang raja di Johor berkahwin dengan anak puteri orang Asli. jadi kalau syarat tadi telah terkena di situ maknanya raja Johor itu orang Asli. Saya tidak tahu siapalah, cuma....
[Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Pembetulan. Raja Johor kahwin dengan puteri orang Asli, bukan automatik dia menjadi orang Asli, tidak. Keturunan Johor ialah keturunan daripada Bugis. Itu saya rasa, kebetulan saya orang Johor. Betulkan sejarah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya bertanyakan ini bukan soalan yang sensitif kepada orang Johor, cuma dalam bulan puasa ini gurauan saya maksud saya tadi bukanlah keturunan raja Johor selepas berkahwin dengan puteri orang Asli itu semuanya orang Asli, tidak. Bukan bermaksud begitu. Jadi, Datuk Gapar tidak termasuk dalam golongan itu. [Ketawa] Cuma maksud saya kalau kita takrifkan sekiranya seseorang yang telah berkahwin dengan seorang gadis orang Asli dan mungkin boleh ditakrifkan keluarganya sebagai satu keluarga orang Asli, jadi daripada pandangan saya berbalik kepada soalan Dato' Ghazi tadi bolehlah diambil peluang-peluang seperti kita komersialkan barang-barang dari pedalaman yang tidak boleh diberikan kepada orang biasa, dan boleh digunakan di atas takrifan orang Asli itu tadi digunakan untuk berniaga seperti rebung yang disukai oleh Dato' Ghazi.

Semenjak saya menjadi ahli Dewan ini rebung ini subjek yang Dato' Ghazi suka sangat. Jadi, mungkin dia suka rebung. Dan kalau dia kata tadi saya kalau berminat untuk menziarahi kampung-kampung orang Asli, beliau juga bersetuju. Jadi, saya hendak memberitahu kepada Datuk Long sekiranya benarlah takrifan itu boleh kita buat, saya rasa tidak ada salahnya - saya bersetuju dengan Dato' Ghazi - tidak ada salahnya dan tidak mungkin menjadi masalah yang besar untuk kita mencari sponsor, dengan izin, atau tajaan daripada beberapa rakan-rakan yang ada untuk kita masuk ke kawasan pedalaman dan kita meninjau di situ apa peluang-peluang yang boleh kita sama-sama mencari atau berdamping dengan orang Asli - kalau Dato' Ghazi bersetuju hendak mencari seorang lagi dengan orang Asli pun biarkan - boleh kita komersialkan barang-barang ini, dan inilah saya minta kalau boleh Datuk Long membuat satu perancangan, walau pun tadi Datuk Long dalam jawapan yang asalnya mengatakan tidak berani untuk menggubal Akta Orang Asli dalam Dewan ini oleh kerana takut jabatan nanti mengatakan sesuatu, saya berpendapat - pandangan saya sendiri - mungkin Yang Berhormat boleh membuat satu usul - kalau hendakkan sokongan saya percayalah Dato' Ghazi boleh memberikan sokongan dan saya sendiri pun boleh menyokong di atas usul yang akan dibawa oleh Datuk Long - atas niat yang baik tadi supaya orang Asli juga boleh kita takrifkan sebagai satu masyarakat yang boleh kita bangunkan bersama dalam agenda kerajaan untuk membangunkan negara kita ini. Itu saya minta pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa biar.....

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Sekejap sahaja..

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil hendak bertanya kepada Datuk Long tentang orang Asli. Seperti mana yang kita maklum di Sarawak dan di Sabah kita mempunyai banyak kumpulan *indigenous* ataupun peribumi dan di Sarawak ada satu kumpulan *indigenous* yang mungkin nasibnya tidak sebaik seperti orang Asli, iaitu kaum Penan. Tentu sekali ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini pernah mendengar cerita orang Penan yang telah dipergunakan oleh Bruno Munser untuk memperjuangkan hak asasi manusia. Sebenarnya di Sarawak usaha kerajaan untuk membawa orang Penan untuk turut serta dalam arus pembangunan telah banyak dilaksanakan. Macam-macam telah dibuat untuk membawa mereka menyertai arus pembangunan. Tetapi yang menjadi masalah ialah respons ataupun sambutan mereka adalah begitu tidak berapa meyakinkan, tetapi alhamdulillah orang Penan juga ditakrifkan sama seperti kaum bumiputera yang lain. Saya berasa simpatilah dengan Datuk Long kenapa orang asli ini belum lagi ditakrifkan sebagai orang bumiputera. Jadi, saya hendak bertanya kepada Datuk Long apakah perkara yang menyulitkan ini sehingga orang Asli tidak dapat dimuatkan sebagai orang bumiputera? Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. T. Marimuthu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Oh! [Ketawa] Dato' Dr. T. Marimuthu tertinggal tadi.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Long yang memberi laluan kepada saya. Saya sangat setuju dengan pendapat Dato' Ghazi dan juga Dato' Hamzah bahawa kita harus melawat kampung-kampung orang Asli untuk mendapat pengetahuan yang mendalam dan juga isu-isu ataupun masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ini dengan dekat. Saya bersetuju mengadakan satu lawatan ke kampung-kampung itu dan Kelab Senator akan menganjurkan satu lawatan ke kampung-kampung orang Asli. Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berminat boleh menyertakan dalam lawatan itu dan juga apabila kita melawat kampung-kampung itu Yang Berhormat Senator pun boleh menghulurkan sedikit peruntukan kepada projek-projek yang dijalankan oleh NGO, persatuan ataupun oleh masyarakat tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi laluan, kali ini Timbalan Menteri.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak maklumkan kita kena kurangkan soalan-soalan tambahan ini. Maksud saya laluan-laluan kerana hendak beri peluang

kepada barangkali bakal Menteri kita menjawab. Sehingga pukul 1.00. Datuk Long akan menjawab.

Datuk M. Kayveas: Cadangan itu satu cadangan yang baik jangan kena tinggal Timbalan Menteri, Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, permintaan, ya.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Empat, lima orang memohon laluan. Yang pertama tentang sokongan-sokongan daripada Ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan terutama sekali tentang takrif masyarakat Orang Asli. Letaknya perkataan 'bumiputera' terhadap Orang Asli dan lawatan ke kampung Orang Asli. Sebenarnya kalau hendak kos lebih murah, kita berjalan kaki satu hari. Itu cadang yang paling baik. Sekurang-kurangnya yang boncit-boncit apa semua itu turun sedikit dia punya 'tummy'nya itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long, dia masuk boleh, nak keluar tak boleh nanti. *[Ketawa]*

Datuk Long bin Jidin: Keluar kita naik helikopter, panggil helikopter masuk ambil. Pergi jalan kaki, satu hari, hendak dua hari pun boleh, hendak satu hari pun boleh. Barulah dapat menikmati alam semula jadi yang ada di negara ini. Malah dalam perjalanan mungkin saya bawa dua, tiga orang batin untuk menunjukkan inilah pokok yang boleh dicabut yang boleh buat tangas, yang boleh merawat itu, yang boleh merawat ini. Itu lebih menarik dalam perjalanan itu. Kalau naik helikopter kita tengok awan sahaja, tidak memberi kesan yang istimewa terhadap lawatan tersebut.

Berkaitan dengan takrif Orang Asli yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah. Tak silap pada tahun 60-an dahulu semasa Sabah, Sarawak hendak masuk Malaysia dan masa menggubal Perlembagaan Persekutuan, tak silap saya orang di Sabah dan Sarawak tidak hendak mentakrifkan diri mereka sebagai Orang Asli. Dia hendak dia ini dipanggil orang Kadazan, Murut, Orang Ulu dan sebagainya. Malah pada ketika itu suaka politik bagi masyarakat orang Sabah dan Sarawak dia ada menteri, dia ada duduk dalam kabinet dan sebagainya boleh menyuarakan berbagai masalah tentang orang Sabah dan Sarawak. Begitu jug dengan etnik-etnik yang ada di sana.

Manakala Orang Asli, sayalah seorangnya yang ada di Dewan Negara, tidak ada di Dewan Rakyat, tidak ada di Dewan Negeri dan tidak ada suatu kawasan majoriti pun yang mana membolehkan Orang Asli bertanding dalam pilihan raya. Harapan saya tahun 2004 besok adalah seorang dua melalui Yang Berhormat Dato' Aziz Shamsuddin boleh menyuarakan perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mungkin tahun 2004 besok bagi peluang kepada Orang Asli, contohnya di Ulu Jelai, ada 43% pengundi Orang Asli Orang, bagilah peluang Orang Asli bertanding di sana.

Kalau orang PAS fikir Orang Asli perlu bertanding di sana tanpa perlawanan, bagi kemenangan percuma, tak payah ada apa-apa pertandingan. Barulah kita boleh berkongsi kuasa bersama-sama sekurang-kurangnya banyaklah perkara yang seharusnya diberi ke masyarakat Orang Asli dapat ditunaikan dan semua perkara ini merupakan satu pahala kepada rakan-rakan saya daripada parti PAS, UMNO dan sebagainya. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya ada dua mengundang ini. Lepas ini mungkin Dato' Haji Karim Salleh ada bangun tadi. Ya, jemput. Puan Jamilah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Datuk Long. Sebentar tadi kedua-dua adik saya Dato'-Dato' di sebelah kanan ini sudah mula nampak khazanah yang bernilai cukup tinggi yang tersimpan keasliannya di dalam hutan yang tebal untuk dikomersialkan. Jadi, saya juga dengar berkali-kali Datuk Long menyatakan ramai daripada kalangan orang-Orang Asli yang Islam. Jadi, saya ingin tahu di sini adakah daripada kalangan orang-Orang Asli sendiri yang mampu memimpin menyampaikan kesedaran dakwah untuk membuat pemulihan spiritual mereka, kesedaran kejiwaan mereka mengikut jalan lurus yang benar dan adakah daripada kalangan anak-anak Orang Asli sendiri yang melanjutkan pelajaran di IPTS di bidang agama dan kemungkinan ada yang belajar sampai ke Timur Tengah dan di tempat-tempat pengajian Islam yang tinggi. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebelum itu bagi Datuk Long, Dato'-Dato' tadi bukan sahaja memandangkan khazanah untuk mereka, tetapi untuk membangunkan Orang Asli kita. Jemput.

Datuk Long bin Jidin: Sebenarnya jawapan saya tak habis, tetapi sebab kakak saya bangun bagi peluang dulu.

Sebenarnya di kalangan Orang Asli ada yang menjadi pendakwah di kalangan kumpulan mereka Melalui Jabatan Perdana Menteri mereka melantik beberapa penggerak masyarakat di mana kampung-kampung Orang Asli yang mempunyai keluarga orang Islam mereka melantik seorang Penggerak Masyarakat. Fungsinya dengan satu bangunan yang cantik boleh dijadikan surau, balai mesyuarat biasa, di atasnya boleh dijadikan Tadika dan seorang Penggerak Masyarakat, tugasnya mengislamkan, memberi penerangan, memberi pengajaran, menjadi pendakwah kepada masyarakat setempat, memang ada. Yang ini di bawah Jabatan Perdana Menteri bukan di bawah Jabatan Orang Asli, memang ada.

Manakala jawapan selanjutnya tentang khazanah-khazanah yang ada di pedalaman Orang Asli. Di dalam Akta Orang Asli memang nyata dan jelas. Orang Asli boleh ambil, boleh gunakan untuk kegunaan '*consumption*' sahaja bukan untuk dikomersialkan. Kalau Akta Perhutanan, Akta Hidupan Liar boleh mengatakan di situ, Orang Asli boleh ambil pelanduk untuk dijual, boleh ambil hasil hutan, macam-macam hasil, herba-herba boleh jual, saya rasa tidak ada masalah termasuk rebung-rebung, tetapi dalam Akta Perhutanan dia kata Orang Asli boleh ambil, boleh guna sendiri tetapi tidak boleh dikomersialkan.

Dia ada kekangan-kekangan tertentu. Andai katanya, akta itu boleh digubal membolehkan Orang Asli komersialkan barang-barang ini saya rasa itu satu pemberian yang istimewa kepada masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jemput Dato'

Dato' Hamzah bin Zainuddin: Saya tertarik dengan jawapan mengatakan tak boleh dikomersialkan. Cuma saya hendak beri pandangan kepada Datuk. Sebagai satu contohlah, sekarang ini manusia di seluruh dunia beranggapan bahawa mereka lebih suka ke pedalaman '*the natures*' ini, maknanya kedudukan semula jadi ini lebih menyeronokkan, lebih mententeramkan seseorang individu yang cuba masuk ke pedalaman.

Sebagai satu contoh, Kementerian Pelancongan, banyak menggariskan, mencadangkan supaya ada buat '*home stay*' sebagai tempat pelawat-pelawat datang. Jadi, tidakkah ini memberikan peluang kepada masyarakat Orang Asli. Itu maksud saya tadi dikomersialkan secara begitu.

Sebagai satu contoh, kita buta '*home stay*' masyarakat pedalaman yang boleh kita pergi kalau Datuk Long kata tadi satu hari, mungkin kali ini kita buat setengah harikah, ada jalan berhampiran kepada masyarakat tersebut kita buat dan dalam '*home stay*' itu yang kita hendak buat, sehari dua ekor pelanduk, kita benarkan Orang Asli tangkap, bakar bersama-sama dengan pelawat-pelawat atau apa lagi khazanah-khazanah yang ada digunakan untuk itu.

Saya rasa kalau kita fikirkan ke jalan itu, insya-Allah, boleh kita semua terima. Ahli Dewan mungkin boleh terima. Kerajaan juga mungkin boleh terima. Itu maksud saya tadi, dan kalau ini boleh apa pandangan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak sekali, Tuan Haji Karim hendak menyoal tadi. Ada soalan, sambung.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Datuk Long. Saya tertarik dengan penerangan dan jawapan Datuk Long mengenai kehebatan -Orang-orang Asli dari segi ilmu batin dan juga kehebatan tentang ubat-ubatan tradisional ini.

Saya setuju dengan pandangan Datuk dalam soal ini dan saya teringat tentang pada satu ketika dahulu kerajaan telah mencadangkan supaya kita digalakkan kahwin campur untuk perpaduan atau pun untuk integrasi kaum. Jadi, saya minta pandangan daripada Datuk adakah perlu adakah sesuai kita jadikan kahwin campur ini dihidupkan semua supaya perpaduan kaum di antara kita terutama di kalangan Orang Asli dapat kita eratkan demi perpaduan dan keamanan negara. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hamzah, kahwin campur keperluan sendiri. Saya tak boleh hendak halang. Kalau Yang Berhormat fikir hendak jadikan isteri kedua, ketiga di kalangan masyarakat Orang Asli, saya tak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Mengalukan.

Datuk Long bin Jidin: Mengalukan, sebab sekurang-kurangnya yang saya nyatakan tadi 75% miskin ini dapat dikayakan. Dapat membantu keluarga-keluarga yang miskin. Itu hak individu tertentu.

Cadang Dato' Hamzah berkaitan dengan pelancongan di kampung-kampung Orang Asli. Memang sekarang ini ada, tetapi ada kes di kawasan Ulu Tembeling, kumpulan suku kaum Batek, ada pemandu-pemandu pelancong yang masuk di perkampungan Orang Asli sebelum sampai ke Taman Negara Tahan yang ada chalet dibuat oleh Jabatan Perhilitan. Di situ ada satu perkampungan Orang Asli. Yang tidak eloknyanya pemandu-pemandu pelancong pergi ke situ membawa pelancong luar negara pergi tempat kampung Orang Asli, disuruhnya Orang Asli ini buka pakaian bahagian atas ini, pakai di bawah, lepas itu ambil gambar bersama-sama dengan pelancong-pelancong asing.

Lepas itu suruh Orang Asli panjat pokok. Lepas itu ambil gambar. Inilah keadaan Orang Asli. Masalahnya yang timbul, apabila pelancong-pelancong ini balik ke negara asal mereka, dia kata inilah penghidupan '*people from Malaysia*' orang-orang di Malaysia, yang tempias kenanya bukan sahaja Orang Asli termasuklah Dato' Hamzah sendiri [*Ketawa*], Dato' Haji Karim Ghani, termasuk semua rakyat Malaysia termasuk kerajaan kita termasuk Perdana Menteri sendiri.

Andai katalah pelancongan ini diberi kepada satu cara yang menarik saya rasa tak ada masalah, tetapi ramai yang mengambil kesempatan dengan kelemahan-kelemahan Orang Asli ini. Mereka ambil gambar satu kali snap disuruh bayar tak telah berapa. Tak silap yang menerima snap itu Orang Asli sendiri dibayar RM10.

Di Tasik Chini, suruh menyempit daripada Club Med pergi Tasik Chini, suruh Orang Asli menyempit cara percuma kemudian pemandu pelancong ini mengaut keuntungan yang banyak. Akibat daripada ini, saya rasa imej yang diterima oleh kerajaan tidaklah begitu baik. Tetapi kalau pelancong yang hendak melihat Orang Asli secara baik, saya rasa tak ada masalah memang baik, memang bagus. Banyak khazanah di kalangan Orang Asli boleh mendapat sumber kepada kerajaan yang ada pada hari ini.

Jadi, saya rasa cukuplah, sudah pukul 1.00, saya berhenti dengan laluan-laluan Ahli-ahli Yang Berhormat. Akhirnya, saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan 2001 (No. 2) tahun 2001. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Long. Ya, saya rasa dia dah berhenti.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [*Bangun bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingin tahu Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap selepas rehat ini sila beri nama supaya dapat kita daftarkan. Yang Berhormat Tuan Haji Karim akan bercakap selepas ini nanti. Dan seterusnya yang lain lah.

Oleh kerana masa telah cukup, Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh .

2.30 ptg.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut mengambil bahagian di dalam bahas dalam Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) 2001 ini yang berjumlah RM1,537,800,000.

Tuan Yang di-Pertua, perbekalan tambahan ini amat wajar bagi menjayakan program-program yang luar jangkaan yang sememangnya tidak boleh dielak kerana manusia hanya ada kuasa merancang, berusaha dan melaksanakan tetapi kejayaan dan kesempurnaan itu adalah luar dari kemampuan manusia. Walau bagaimanapun, kita sangatlah berharap supaya setiap sen yang diperuntukkan itu, benar-benar sampai kepada sasarannya dan manfaatnya dikecapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan pantas kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad amatlah dipuji, bukan sahaja kepekaan beliau terhadap bidang sosial malah juga di dalam bidang ekonomi. Ini kerana langkah-langkah kerajaan mengumumkan pakej rangsangan tambahan berjumlah RM4.3 million amatlah dalu-alukan. Ini kerana suntikan bagi membantu bagi merangsangkan ekonomi negara, di samping berupaya membendung kesan negatif terhadap golongan berpendapatan rendah dan lemah.

Tindakan kerajaan ini juga seharusnya dihargai oleh semua pihak yang terlibat kerana ianya secara tidak langsung berupaya menjalankan aktiviti perniagaan di samping telah menambahkan lagi peluang perniagaan khususnya kepada usahawan golongan kecil. Ianya juga membantu menaikkan lagi sektor peruncitan yang terdapat di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya ulangi bagi memastikan agar program ini benar-benar mampu merangsangkan ekonomi negara adalah diharapkan agar agensi yang bertanggungjawab memastikan agar wang yang disalurkan benar-benar digunakan secara telus. Segala projek-projek yang dijalankan mestilah kepada piawaiannya. Selain itu, sikap diskriminasi perlulah dielakkan di dalam pemberian kontrak berdasarkan pertalian persaudaraan dan persahabatan dan bukannya berdasar rekod serta kemahiran kerja patutlah diawasi. Justeru agensi-agensi terbabit mestilah menjalankan pemantauan yang lebih dan seterusnya mengambil tindakan yang perlu bagi memastikan agar masalah ini dapat di atasi segera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada B.4, peruntukan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya, saya mengucapkan terima kasih kepada SPR yang telah berjaya menjalankan tugas mereka dengan begitu baik dan cemerlang sekali semasa pilihan raya di Sarawak baru-baru ini. Justeru itu, adalah diharapkan dengan peruntukan perbekalan tambahan RM22 juta lebih ini, SPR dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang B.4, Kementerian Kerja Raya yang berjumlah RM204.6 juta, kita semua tahu bahawa kerajaan kita sangat prihatin kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Rungutan orang ramai bahawa terhadap paip-paip air bocor di sana sini amatlah dikesali dan ini menyebabkan pembaziran air yang berlaku. Ini sekali gus merugikan rakyat dan negara. Justeru itu, saya amatlah berharap supaya peruntukan sebanyak RM204.6 juta ini kepada kementerian tersebut dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dan benar-benar digunakan secara optimum.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada B.26 Kementerian Pendidikan, yang mana kerajaan telah memberi peruntukan yang begitu besar. Saya kira lebih kurang satu pertiga dari keseluruhan peruntukan itu dikhaskan kepada Kementerian Pendidikan yang berjumlah RM271.2 juta. Saya amatlah mengalu-alukan dan terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan peruntukan yang terbesar dalam perbekalan tambahan kepada Kementerian Pendidikan.

Kita semua maklum bahawa sektor pendidikan amatlah penting. Ilmu dapat menjamin kebahagiaan hidup. Allah akan mengangkat martabat mereka yang

mempunyai ilmu yang mengikut firmannya, dengan izin [*membaca sepotong ayat suci al-Quran*] yang bermaksud: "Allah akan mengangkat martabat mereka yang berilmu pengetahuan." Berdasarkan hadis-hadis nabi, Nabi Muhammad telah bersabda antaranya ialah tentang menuntut ilmu ini adalah amat penting diwajibkan kepada setiap orang Islam. Antara hadis-hadis yang saya dapat paparkan disini, pertama dengan izin [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud: "Menuntut ilmu itu wajib kepada setiap orang Islam." Hadis yang kedua [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud: "Menuntut ilmu walaupun sampai ke negeri Cina." Hadis yang seterusnya [*membaca hadis*] yang bermaksud, "Menuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad."

Maka sesuai dengan kedudukan negara kita Malaysia sebagai negara Islam maka tindakan Kerajaan Barisan Nasional memberi peruntukan tambahan RM271.2 juta kepada Kementerian Pendidikan amatlah bijak dan prihatin kepada tuntutan agama. Oleh itu saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulai ini supaya kita semua bersatu padu menyokong kerajaan yang ada ini ke arah membina dan membangunkan negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat bersedih terhadap apa yang berlaku sekarang ini di negara luar iaitu Afghanistan yang mana penduduknya berada dalam kesusahan dan ketakutan akibat dari serangan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat. Apa yang berlaku hari ini sepatutnya dijadikan iktibar oleh kita semua rakyat Malaysia supaya kejadian sebegini tidak berlaku di negara kita yang aman damai ini. Marilah kita bersatu, bersatu teguh bercerai roboh. Kembalilah kita kepada tuntutan agama kita yang suci di mana Allah berfirman, dengan izin, Bismillahir Rahmanir Rahim [*Membaca sepotong ayat suci al-Quran*] yang bermaksud: "Wahai orang Islam berpegang teguhlah kamu dengan agama Allah dan janganlah sekali berpecah-belah."

Maka sesuai dengan bulan Ramadan AHMubarak ini, maka saya seru kepada tuan-tuan, kepada kita semua supaya bersatu padu demi menegakkan negara yang kita cintai ini. Dalam menegakkan hubungan sesama kita, Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda, dengan izin [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud "Tidak masuk syurga barang siapa yang memutuskan tali persaudaraan sesama kita." Dengan itu saya menyeru kepada kita semua dalam bulan Ramadan A-Mubarak ini, hendaklah kita bersatu padu di antara kita, singkirkan permusuhan dan fitnah dan sebagainya demi menjamin puasa kita dapat diterima oleh Allah subhanahuwata'ala.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.48, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang berjumlah RM43.6 juta. Kita sedia maklum bahawa kerajaan sangat prihatin kepada masyarakat luar bandar khususnya kepada golongan yang kurang mampu ataupun golongan miskin. Saya percaya peruntukan tambahan ini akan digunakan dengan cara yang bijak, adil dan amanah. Ini wang rakyat, terutama wang orang-orang miskin. Mereka ini sangat berharap kepada bantuan kita khususnya bantuan kerajaan. Islam amat benci kepada penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sarankan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar menghayati slogan Bersih, Cekap Dan Amanah, cetusan pemikir Islam YAB Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang amat kita kagumi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh bantuan kepada rumah PPRT saya mencadangkan supaya kerajaan sesuaikan rumah-rumah yang dibina masa kini mengikut lokasi tempat, umpamanya jika rumah PPRT yang dibina di kawasan pertanian hendaklah sesuaikan dengan keadaan tanah di situ. Letakkan cerucuk atau *piling* bagi menjamin rumah yang dibina itu tahan lama dan tidak jadi perangka p kepada penghuninya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat lain turut menyokong Rang undang-undang Perbekalan Tambahan 2001 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

2.39 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Saya dahului perbahasan saya tentang Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2001 ini dengan membaca sepotong ayat Quran dalam surah

Al-Furqan ayat 67 dengan izin Allah subhanahu wa ta'ala berfirman, Bismillaahir Rahmaanir Rahim [*Membaca sepotong ayat suci al-Quran*] yang bermaksud: "Dan apabila orang-orang yang apabila berbelanja harta mereka, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak pula kedekut dan adalah perbelanjaan itu di antara tengah-tengah yang demikian."

Tuan Yang di-Pertua, Allah subhanahu wa ta'ala telah memberi panduan kepada kita dalam menjalani kehidupan kita terutama dalam urusan ekonomi. Sifat yang berlebih-lebihan dan membazir merupakan satu amalan yang terkeji dan terkutuk dalam Islam dan ia adalah amalan syaitan. Melalui rang undang-undang dan ini kita melihat bagaimana Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan lebih kurang RM1,537,800,000 peruntukan untuk perbelanjaan mengurus dan RM4.3 billion untuk perbelanjaan pembangunan. Ini merupakan angka yang sangat besar bahkan permohonan tambahan ini merupakan permohonan kali yang ketiga untuk memenuhi objektif perancangan dan perencanan Belanjawan 2001.

Saya amat berharap agar Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan kenapa fenomena ini berlaku dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya budaya kerja berkualiti, bertanggungjawab dan beramanah ataupun berjimat cermat dapat diteruskan dan diamalkan serta dipertingkatkan oleh semua para para penjawat kerajaan khususnya di sektor awam supaya setiap perancangan kita daripada awal tidak jauh tersasar pada perancangan kita yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh dalam anggaran perbelanjaan tambahan iaitu berkenaan dengan perbekalan Maksud B.4 iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya, di mana RM22,010,000 telah dibelanjakan untuk Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak yang kelapan. Jumlah ini adalah satu angka yang besar bagi pilihan raya sebuah negeri.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan berapakah jumlah wang keseluruhan yang digunakan untuk satu-satu pilihan raya umum peringkat Persekutuan di seluruh negara? Dan apakah butiran perkara-perkara yang telah dibelanjakan dalam peruntukan tersebut?

Saya juga ingin menyentuh dan minta penjelasan daripada pihak SPR apakah langkah-langkah yang disusun sekarang agar ketelusan dan kecemerlangan perkhidmatan SPR dapat ditingkatkan lagi bagi memberi keyakinan kepada rakyat. Kita tidak mahu Suruhanjaya Pilihanraya ini bias kepada mana-mana pihak demi menjaga keadilan dan demokrasi dalam negara kita.

Saya juga ingin penjelasan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan pengundian yang menggunakan kad pengenalan palsu yang berleluasa. Bagaimana yang kita dikejutkan dengan apa yang berlaku dalam peristiwa di DUN Likas. Bagaimana ribuan yang menggunakan kad pengenalan palsu dalam pilihan raya tersebut. Dan begitu juga kita dalam Dewan ini dikejutkan dengan berita kehilangan wang dalam Tabung Haji juga melibatkan penggunaan kad pengenalan palsu. Apakah langkah-langkah pencegahan yang dibuat oleh kerajaan setakat ini dan apakah kerajaan dapat menangkap ejen-ejen yang telah menjalankan aktiviti haram ini yang boleh menggugat kestabilan negara kita?

Saya juga ingin penjelasan tentang warganegara asing yang masuk mengundi dalam negara kita terutama warganegara asing yang tinggal di sempadan. Contohnya di sempadan Selatan Thailand. Saya difahamkan dan saya sendiri berjumpa orang di sempadan Thailand yang mempunyai dua kad pengenalan.

Datuk Haji Karim Ghani: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat membuat satu tuduhan yang sangat berat yang dalam pilihan raya itu kononnya kad pengenalan palsu digunakan. Dalam pengetahuan saya, apabila ada pilihan raya, wakil-wakil daripada parti-parti yang bertanding ada di dalam tempat itu untuk melihat orang yang keluar mengundi. Jadi, kalau wakil-wakil itu ada, adakah wakil-wakil itu tidur, tidak nampak orang yang datang itu yang tidak dikenali atau macam mana, sehingga tuduhan kad pengenalan palsu ini ada? Atau adakah kad palsu yang dibawa untuk pergi mengundi yang ditayangkan kepada wakil-wakil itu tidak

di *challenge* pada ketika itu mengatakan itu kad palsu. Jadi saya minta sedikit penjelasan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira Yang Berhormat telah dapat maklumi perkara ini bagaimana yang didedahkan oleh Dato' Sebastian sendiri, bagaimana tentang pilihan raya berlaku di DUN Likas? Benda ini semalam telah didedahkan, bukan satu benda baru dan Yang Berhormat Setiasuaha Parlimen sendiri hari itu telah mendedahkan bagaimana suasana penipuan kad pengenalan dalam pencurian wang dalam Tabung Haji. Jadi perkara ini saya kira telah diketahui umum bukan satu fenomena yang baru. Jadi cuma saya ingin penegasan daripada pihak kerajaan supaya mengambil suatu tindakan dan langkah-langkah yang segera dalam menangani masalah ini supaya jangan berleluasa yang boleh menjejaskan kestabilan dalam negara kita.

Saya menyambung perbahasan Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan ada warganegara yang mempunyai dua kad pengenalan yang mengundi dalam negara kita. Apakah perkara ini disedari oleh pihak kerajaan dan apakah pemantauan sedang dibuat terhadap perkara ini? Kita tidak mahu masalah ini telah disalahgunakan.

Begitu juga masalah pengundi hantu dan pengundi yang nama mereka ditukar dalam pendaftaran pengundi yang lain-lain yang sering menjadi masalah dalam pengundian. Begitu juga tentang undi rosak. Kita lihat di antara satu hak warga rakyat, hak warganegara Malaysia ini iaitu menentukan pemimpin mereka. Alangkah ruginya apabila mereka pergi mengundi, undi mereka rosak. Jadi apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak SPR sekarang ini untuk meminimumkan kerosakan dalam kertas undi supaya kesedaran pengetahuan tentang pengundian ini tidak merugikan bagi pihak rakyat itu sendiri.

Saya ingin juga bertanya apakah faktor-faktor yang membawa - sebab kita lihat sekarang ini satu perkara yang biasa berlaku - iaitu tentang persempadanan semula kawasan pilihan raya. Apakah faktor-faktor yang memerlukan persempadanan semula pilihan raya dan bagaimanakah SPR memberi jaminan bahawa persempadanan semula kawasan pilihan raya ini tidak ada campur tangan pihak tertentu? Sebab saya difahamkan ada orang-orang tertentu yang berebut kawasan kem-kem tentera sebab ini memberi peluang kepada mereka menang dalam pilihan raya. Jadi saya kira ini sesuatu yang tidak sesuai. Bagaimana SPR menjamin ketelusan perkara ini supaya tidak berlaku?

Saya juga setuju berkenaan dengan pendaftaran secara berkomputer supaya dari masa ke semasa dalam pendaftaran pemilih sesuai dengan suasana perkembangan ICT yang ada dalam negara kita ini. Dalam masalah kempen pilihan raya ini saya juga ingin penjelasan daripada pihak SPR, adakah maknanya suatu akta yang memberikan jaminan ketelusan dari segi kempen pilihan raya? Sebab kita melihat setiap kali pilihan raya berlaku, apa yang kita lihat di kaca televisyen dan di media masa seolah-olah maknanya dimonopoli oleh parti kerajaan.

Contohnya, dalam pilihan raya di Sarawak baru-baru ini, kita semua menyaksikan bagaimana Perdana Menteri kita sendiri seolah-olah di malam pengundian itu membuat satu perutusan seolah-olah menasihatkan rakyat supaya mengundi calon Barisan Nasional. Mengapa perkara ini berlaku? Sepatutnya media kerajaan tidak digunakan oleh mana-mana pihak dalam parti politik. Sekiranya BN diberi peluang untuk berkempen dalam televisyen, kenapa kita sebagai parti yang berdaftar, parti pembangkang juga tidak diberi laluan? Ini satu perkara yang tidak telus, jadi saya harap dengan peruntukan yang begini besar dengan menggunakan wang rakyat - wang rakyat adalah wang negara, yang dihasilkan dari cukai rakyat, dan cukai ini bukan daripada orang BN sahaja, orang PAS pun bayar cukai - maka mestilah beri keadilan ada pada rakyat. Ini saya mahukan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri, di mana RM4,900,000 telah diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan pakar runding dan pengauditan swasta bagi pensijilan MS ISO 9000 di agensi-agensi kerajaan. Kita amat mengalu-alukan usaha ke arah melahirkan perkhidmatan yang lebih cekap. Persoalannya, adakah mencukupi hanya mendapat sijil MS ISO 9000 ini Jabatan-jabatan dan agensi kerajaan itu sudah sampai ke satu tahap di mana masalah yang dihadapi sudah dapat diatasi dan memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat? Dan semua kerja itu dapat dibereskan dalam jadual yang telah ditetapkan oleh jabatan masing-masing. Kita tidak mahu mempamerkan

sahaja siji di jabatan tetapi tidak diiringi dengan perubahan sikap bertanggungjawab dalam membantu rakyat bawahan.

Sehubungan itu juga, dalam masalah ini saya ingin bertanya pihak kerajaan kenapa geran peruntukan tahunan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu selalu lewat dibayar, di hujung-hujung tahun? Mengapa tidak maknanya diawalkan pemberian sebagaimana negeri-negeri lain? Ini adalah tanggungjawab kerajaan kepada rakyat. Kenapa Kerajaan Pusat tidak bersikap profesional dalam hal ini? Sekarang ini saya selalu bangkitkan dalam Dewan sebab kalau Datuk Long tadi mewakili 120,000 orang-orang asli, saya dalam Dewan ini yang dilantik daripada Dewan Undangan Negeri Kelantan mewakili hampir 1 juta rakyat Kelantan.

Satu perkara yang kami amat terkilan tambah-tambah di bulan Ramadan yang di mana mementingkan kepada kita prihatin kepada orang yang susah atau rakyat yang miskin - kami selalu didedahkan rakyat Kelantan paling miskin - tetapi kita lihat di Kelantan, semiskin-miskin Kelantan pun kita tengok orang perempuan di Kelantan kalau pergi di pasar-pasar Siti Khadijah tengok bagaimana mereka dengan pakaian, dengan emas mereka, kita tidak nampak sangat kemiskinan. Mungkin ada seorang dua. Saya rasa negeri lain pun ramai yang miskin tetapi kenapa kami sengaja didedah? Sudahlah kami dikatakan miskin, peruntukan diberi di akhir bulan Disember. Kenapa fenomena ini berlaku? Dan saya mahu jawapan yang sejelas-jelasnya sebab kerajaan akan bertanggungjawab di hadapan Allah. Setiap rakyat Kelantan tidak akan redha hak mereka diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Karim.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi mengatakan rakyat Kelantan itu miskin. Apa kerajaan Negeri Kelantan buat selama 10 tahun memerintah tidak dapat menaikkan taraf rakyat dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih. Yang Berhormat suka ganggu saya. Tuan Yang di-Pertua, persoalan dengan kemiskinan ini kalau Yang Berhormat hendak tahu detail kadar kemiskinan ini dan bagaimana perubahan yang telah berlaku bermula dari Kerajaan PAS mengambil alih Kelantan sampai ke kerajaan sekarang pun, Datuk Karim boleh dan sila rujuk kepada Kerajaan Negeri. Sebab setahu saya perubahan kalau tidak silap saya, jumlah kemiskinan yang bermula masa kita ambil alih dulu lebih daripada 21,000 - saya tidak ingat angka yang jelas sebab saya tidak jangka soalan ini akan dituju kepada saya - lebih kurang lebih 21,000 keluarga yang miskin, sekarang ini yang tinggal hanya lebih kurang 5,000 sahaja keluarga miskin. Jadi kalau Kerajaan Persekutuan tidak nampak, saya tidak tahu, dan kalau hendak angka yang rasmi sila ke Pejabat Kerajaan Negeri Kelantan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peruntukan untuk geran rasmi tahunan untuk Kerajaan Negeri Kelantan, sehingga ini kita dapati peruntukan yang diberi kepada Kelantan hanya lebih kurang RM20 juta sahaja yang telah dibayar daripada jumlah asalnya ialah RM127 juta. Kalau rakyat Kelantan yang berjumlah lebih daripada 1 juta setakat ini hanya diberi hanya lebih kurang RM20 juta dari peruntukan sebenar RM127 juta, kenapa orang asli yang hanya berjumlah 120,000 diberi peruntukan kita ada jelas lebih daripada RM39 juta? Kalau saya suruh *calculate* apabila kita bahagikan dengan jumlah Orang Asli ini, contoh ini

Datuk Long bin Jidin: [Bangun]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Datuk Long minta maaf, saya hendak habiskan ayat saya. Apabila kita *calculate*, bahagi dengan jumlah orang asli yang 120,000 orang dengan jumlah peruntukan yang diberi RM39 juta tambahan, saya rasa sudah cukup lebih daripada RM300,000 seorang dapat. Maknanya, itu mungkin kalau tidak silap perkiraan saya. Kenapa perkara ini berlaku? Adakah mungkin sumbangan yang diberikan oleh orang asli ini lebih daripada apa yang diberikan oleh rakyat Kelantan? Dan pembangunan negara kita, kita tengok di universiti pengajian tinggi ramai rakyat Kelantan. Di pejabat, kakitangan kerajaan, ramai rakyat Kelantan. Kenapakah kami didiskriminasikan? Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Yang Berhormat Siti Zailah tidak baca Anggaran Perbelanjaan dalam Perbekalan 2001.

Dalam Perbelanjaan 2001, nyata dan jelas RM43 juta itu diberikan kepada Jabatan Orang Asli untuk belanja mengurus. Lima sen tidak dapat pada Orang Asli. Dan saya ingin tambah lagi pada Yang Berhormat, adakah di Kelantan itu, wakil-wakil rakyat di Kelantan itu tidak jaga orang asli? Suruh Kerajaan Persekutuan sahaja jaga orang asli? Itu sebabnya di Dewan Rakyat yang lepas, ada seorang wakil rakyat daripada PAS menempelak seorang wakil rakyat daripada Barisan Nasional, dia kata Setiausaha Parlimen ini seolah-olah macam orang Jakun. Apa pandangan Yang Berhormat Siti Zailah tentang perkara itu?

Adakah Orang Asli ini terlalu rendah martabatnya sehinggakan seorang Timbalan Menteri diiktiraf sebagai orang Jakun pula? Adakah itu sifat-sifat dan perikemanusiaan pemimpin-pemimpin PAS terhadap Orang Asli? Teruk sangatkah hendak diperbandingkan peruntukan untuk Orang Asli dengan orang Kelantan? Saya rasa kerajaan harus berterima kasih kepada Orang Asli sebab jasa Orang Asli semasa memperjuangkan kemerdekaan dulu membanteras komunis saya rasa lebih besar jasanya kalau hendak dibandingkan dengan orang PAS sendiri termasuk rakyat Kelantan. Terima kasih. *[Tepuk]*

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, sebenarnya Islam tidak membezakan antara asli dan tidak asli. Sebagaimana Allah subhanahuwata'ala berfirman dalam Al-Quran *[Membaca sepotong ayat]* yang bermaksud: "Allah telah jadikan manusia itu sebaik-baik kejadian. Kemudian apabila manusia itu tidak menurut perintah Allah, tidak taat kepada apa yang diperintah Allah, Allah kembalikan dia dalam kejadian taraf yang paling hina". Dan persoalan ini saya kira kedudukan atau ketinggian seseorang bukan diukur tentang keasliannya, bangsanya, rupanya, pangkat dan darjatnya tetapi ukuran keaslian itu terletak kepada takwa. Jadi kalau seorang itu tidak kiralah dia bertaraf apa sahaja tetapi dia tidak berpandukan apa yang difirman oleh Allah, tidak berpandukan apa yang dikehendaki oleh Islam, tidak berpandukan apa yang telah diperintahkan oleh agama, maka walaupun dia duduk di bandar pun, mungkin taraf dia sama dengan orang asli di rimba. Sebab mungkin dalam kedudukan dia tidak ada akidah yang jelas.

Apa bezanya orang yang di rimba yang Yang Berhormat kata berbibir tebal, dengan berambut kerinting, dengan punggung yang dalam keadaan yang kurang sesuai. Dia tidak disebut di sini. Apa bezanya dengan orang di bandar yang pakai jaket, yang pakai tie, tetapi dia melanggar hukum Allah, dia tidak mentaati perintah Allah. Di sisi Allah, Allah tidak tanya apabila masuk di kubur: "Kamu pakai jaketkah?" Tidak ada, tidak ada! Sebab itulah, sekiranya pemikiran kita menolak kebenaran, dia memang setaraf seperti Jakun di rimba. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan perbincangan saya berkenaan dengan bagaimana perubahan iaitu wang royalti kepada Kerajaan Terengganu yang kita diberitahu dalam Dewan iaitu bagaimana wang royalti yang ditukar kepada wang ihsan dan wang ihsan ini pun tidak diberi melalui kerajaan negeri, disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan dan lain-lain lagi. Maknanya tidak melalui saluran kerajaan negeri yang ada dan di dalam Dewan ini didedahkan bagaimana pihak kerajaan memberi jawapan bahawa Kerajaan Terengganu tidak cekap, sebab itu kita bimbang hendak berikan wang ihsan.

Saya hendak tanya pihak kerajaan. Di mana bukti kecekapan yang ada apabila kita dapat dengar dan Dewan ini telah diberitahu apabila satu anak syarikat Petronas, Niko kalau tidak silap saya, yang didedahkan oleh Datuk Ghazi, bagaimana pendedahan penyelewengan pengurusanannya kerugian RM200 juta dan bagaimana penyelewengan PPRT RM36 juta dan bagaimana kehilangan Tabung Haji RM8 juta dan banyak syarikat yang mati. Adakah ini bukti kecekapan. Banyak rasuah berlaku dipercakapkan

Saya tidak hendak kita *bias* kepada mana-mana pihak, tetapi saya hendak keadilan. Sebagai rakyat dan warganegara Malaysia, kita menuntut hak keadilan. Kerana kita tidak mahulah kalau kuman di seberang laut kita nampak tetapi gajah di depan mata, kita tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan di bulan yang penuh berkat ini, kita berfikir dengan penuh keinsafan sebab kita semua ini akan berdepan dengan Allah di akhirat. Macam mana kalaulah harta rakyat Kelantan dan Terengganu ini yang tidak diberi royalti ini dan sebagainya tidak redha, bagaimana pemimpin-pemimpin negara

hari ini akan bertanggungjawab di hadapan Allah. Sebab ingat sebagaimana firman Allah dalam surah Yassin. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ini jelas. Tidak ada pilihan lain bagi kita. Apabila seseorang itu tiba di hadapan Allah, semua akan menjadi saksi dan saksi pada hari itu bukanlah lawyer lagi, bukan polis tetapi anggota badan kita sendiri. Tubuh badan kita akan menjadi saksi terhadap apa yang kita lakukan.

Begitu juga saya sungguh terkilan berkenaan dengan pendaratan gas. Saya selalu bangkitkan persoalan gas dalam Dewan ini sebab saya membela hak rakyat Kelantan, bukan hak diri saya. Saya sudah nyatakan bagaimana Kerajaan Kelantan telah menyediakan lebih kurang 5,000 hektar tapak untuk pendaratan gas di Kelantan. Jarak tempat pendaratan gas ke laut Kelantan jauh lebih dekat, lebih kurang lebih daripada 100 ke 140 kilometer dan jauh ke Songkhla memerlukan 240 kilometer kalau tidak silap saya.

Kenapa kerajaan terus mendarat di Songkhla? Saya dapat tahu daripada jawapan bertulis bahawa perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand dalam isu gas ini adalah 50-50. Kenapa hendak dilarikan? Kalau diberi kepada rakyat Kelantan, maknanya boleh manfaat peluang pekerjaan kepada rakyat negeri sendiri dan mungkin royalti tidak banyak. Mungkin diberi 5% sahaja sebagaimana Terengganu tetapi diberi kepada negara asing, beri peluang kepada rakyat asing 50% daripada jumlah gas yang ada dalam negara kita.

Inikah keadilan dalam sebuah negara yang dijanjikan demokrasi? Saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian. Saya mahu perkara ini dijelaskan dengan sejas-jelasnya. Saya tidak mah untuk perkara ini akan menjatuhkan kerajaan yang ada dan sekiranya kerajaan tidak bertindak adil kepada rakyat Kelantan dan Terengganu, insyaAllah di bulan Ramadan yang penuh berkat ini, kami akan berdoa supaya insyaAllah dalam pilihan raya yang akan datang, insyaAllah satu lagi negeri boleh kepada pembangkang, insyaAllah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tuju kepada maksud B.26 iaitu Kementerian Pendidikan di mana tambahan RM271,283,800 telah diperuntukkan. Secara keseluruhannya, saya amat menyambut baik bidang pendidikan yang merupakan bidang yang amat penting untuk diberi perhatian. Ia merupakan aset negara yang amat mahal., kemajuan dalam pendidikan dan memberikan gambaran kepada kita betapa membangunkan majunya sesebuah negara itu.

Generasi muda negara kita sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun hingga ke menara gading mestilah didedahkan kepada kemahiran sains dan teknologi ICT. Pihak Kementerian wajar memberi penekanan yang seimbang dalam usaha ini ke atas para pelajar di bandar dan di luar bandar. Tambahan pula, dengan pelaksanaan dasar meritokrasi menjelang tahun 2002 nanti pelajar-pelajar akan terus dinilai dan keutamaannya difokuskan kepada pencapaian akademik.

Dasar ini perlu dibuat kajian dengan lebih teliti supaya ia tidak merugikan masa depan rakyat negara kita terutama pelajar-pelajar bumiputera di luar bandar. Apakah prasarana pembelajaran di sekolah-sekolah di luar bandar sekarang ini telah mampu menyaingi suasana pembelajaran sekolah di bandar. Tambahan pula dengan tekanan kemiskinan yang menyelubungi masyarakat di luar bandar, menghalang anak-anak mereka mengikuti pelbagai kelas-kelas tuisyen sebagaimana pelajar-pelajar di bandar. Adakah makmal-makmal sains, makmal-makmal komputer, perpustakaan mencukupi setakat ini di sekolah-sekolah di luar bandar?

Saya mencadangkan agar pihak Kementerian meneruskan usaha memperbanyakkan kajian dan penyelidikan bagi melahirkan satu pelan tindakan atau pelan strategik ke arah melahirkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja cemerlang daripada segi akademik, malah maknanya layak menduduki firma-firma ataupun pelbagai sektor pekerjaan dan kemahiran apabila mereka telah tamat belajar nanti.

Kita tidak mahu para graduan kita menjadi penganggur kehormat yang tidak dapat memberi sumbangan kepada negara. Kementerian juga mungkin perlu membuat satu kajian tentang kursus-kursus yang ditawarkan di universiti supaya ia sesuai dengan peluang pekerjaan yang ada selepas daripada mereka tamat belajar bagi menjamin, maknanya kursus yang diikuti oleh rakyat Malaysia ini di universiti-universiti dapat menjamin peluang pekerjaan yang cukup.

Contohnya, dalam bidang sastera yang mana kita dijelaskan oleh pihak Kementerian bagaimana di antara satu bidang yang paling susah untuk mendapat

peluang pekerjaan. Mungkin masalah ini perlu dibuat analisa dan kajian supaya penawaran dan permintaan itu adalah seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar kebajikan para guru terus diambil perhatian. Contohnya, bagaimana perumahan guru perlu ditambah terutama di kawasan-kawasan pedalaman yang penempatan sekolah-sekolah baru yang dibuka di mana kita lihat di antara masalah ketara ialah masalah untuk mendapatkan rumah sewa. Jasa guru yang amat besar kepada bangsa dan negara. Bagaimana kita hendak menghargai dan tidak wajarlah kita lihat bagaimana satu program yang telah diperkenalkan oleh kementerian kita baru-baru ini iaitu tentang program seluruh kakitangan kerajaan termasuk juga guru supaya mengisi borang akujanji.

Jadi, borang ini saya rasa semua kakitangan memaklumi perkara ini. Apakah objektif program ini dilakukan? Kita juga difahamkan bagaimana ramai guru dan pensyarah, misalnya, yang telah diambil pelbagai tindakan lantaran disyaki terlibat dengan parti pembangkang. Persoalannya, mengapa guru dan kakitangan yang terlibat dengan parti pemerintah tidak diambil tindakan? Kenapa hanya yang dituduh terlibat dengan parti pembangkang sahaja diambil tindakan? Sifat *bias* dan tidak ada keadilan itu perlulah dihentikan segera.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, bila berkata bahawa kerajaan mengambil tindakan kepada mereka atau guru-guru yang terlibat dengan parti-parti pembangkang. Apakah ini benar atau hanya satu *assumption* daripada Yang Berhormat oleh kerana kalau tidak silap saya, tindakan yang diambil terhadap guru-guru adalah mereka yang terlibat dalam sesuatu perkara yang salah dari segi undang-undang.

Contohnya, saya difahamkan seperti seorang guru yang mengaitkan cerita yang bukan-bukan terhadap kepimpinan di dalam kelas yang mereka mengajar. Bukan disebabkan mereka berpihak dengan parti pembangkang. Kalau tidak silap sayalah, kita tidak boleh buat *assumption* sebegitu rupa dengan sewenang-wenangnya, seolah-olah kerajaan yang ada hari ini begitu zalim sekali.

Yang saya faham, yang saya tahulah, kerajaan yang ada mengambil tindakan kepada pegawai-pegawai kerajaan tidak kira walaupun mereka memihak kepada mana-mana parti sekali pun, tetapi mereka diambil tindakan atas kesalahan mereka yang sebenarnya bukan di atas kesalahan memihak parti-parti pembangkang. Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat tidak mengaitkan isu ini di dalam hujah-hujah perbahasan Yang Berhormat pada petang ini.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Dato' Hamzah yang mencelah dan saya memang menunggu persoalan ini saya bersedia sebab saya yakin perkara ini akan ditanya dan saya mempunyai bukti. Di antara bukti yang saya ada bagaimana seorang jiran saya, ini yang terdekat dengan rumah dengan saya tidak payah jauh. Dia adalah seorang guru dan dia tidak melibatkan diri dalam mana-mana parti politik tetapi adiknya itu memang aktiflah dia cuba banyak menolong dari segi maknanya kempen pilihan raya. Tetapi apabila selepas pilihan raya abangnya yang tidak terlibat langsung ditukar ke kawasan pedalaman. Itu bukankah satu penganiayaan?

Saya tidak kata kerajaan yang ada ini zalim tetapi saya mempertahankan hak kakitangan kerajaan di dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen kenapa mereka disekat. Kita melihat dari segi kenaikan pangkat dan sebagainya. Memang *priority* diberi kepada orang yang menyokong parti pemerintah. Maknanya perkara ini walaupun tidak ada dalam akta tidak ditulis tetapi sudah dimaklumkan oleh pengetahuan umum. Inilah yang saya mahu satu keadilan supaya perkara ini dihentikan segera.

Dan saya masih ingat bagaimana dalam pilihan raya umum tahun 1999 terdapat seorang pengetua sekolah yang telah mengisytiharkan rumahnya sebagai pusat Bilik Gerakan UMNO di salah sebuah kawasan di Kedah. Bagaimana bahkan dia menaikkan bendera UMNO di hadapan rumahnya namun tidak ada tindakan pun diambil oleh pihak kementerian terhadap guru besar tadi. Ini sekali gus menjawab persoalan Dato' Hamzah tadi.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Saya sudah kata tadi kalau kita letak

bendera PAS di hadapan, katalah saya seorang guru saya letak bendera PAS di hadapan rumah saya tetapi apabila saya mengajar mengikut apa yang mesti diajar dalam mata pelajaran yang harus kita ajar, saya rasa tindakan tidak diambil oleh mana-mana kerajaan sekalipun di dalam dunia ini. Sebab itulah kalau seorang guru itu meletakkan bendera UMNO di hadapan rumahnya dan apabila pergi ke sekolah mengajar matematik mengikut apa yang ada dalam mata pelajaran, apa yang ada dalam buku memang tidak akan diambil tindakan mana-mana sekalipun. Itu konsep yang silap kalau kita mengatakan bila seseorang itu dipindahkan daripada satu tempat ke satu kawasan pedalaman itu menunjukkan satu kezaliman daripada kerajaan, saya rasa itu adalah satu anggapan yang salah kerana kalau kita menukarkan seseorang di dalamkah, di luarakah, itu adalah perkara biasa.

Daripada dulu pun guru-guru yang tinggal di Semenanjung dihantar ke Sabah dan Sarawak. Adakah itu satu kezaliman? Bukankah itu juga menunjukkan bahawa ada rasa tanggungjawab kerajaan pusat untuk menyatukan di antara orang yang di Semenanjung di Sabah dan Sarawak. Begitulah juga untuk menunjukkan bahawa sikap guru-guru yang ada di Wilayah misalnya kalau ditukarkan ke perkampungan untuk menunjukkan betapa susahnyanya orang-orang kampung. Mungkin itu konsep yang sebenarnya ada. Jadi, janganlah kita menganggapkan ini satu kezaliman.

Sekali lagi saya minta Yang Berhormat Puan Siti Zailah supaya jangan menuduh sesuatu yang mungkin tidak relevan dalam perbincangan kita. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya menyatakan satu yang tidak relevan tetapi suatu yang relevan sebab perkara ini perbincangan dalam soal Kementerian Pendidikan. Jadi, saya rasa perkara ini semua sudah maklum.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat kerana saya juga mempunyai keluarga dan anak-anak yang masih berada di menara gading dan saya diberitahu orang paling terkanan masuk ke kampus dan membuat kempen terang-terangan. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat kalau orang yang sebelah sana boleh masuk ke kampus membuat kempen terang-terangan bersama dengan pihak UMNO, apakah kita tidak mampu tidak boleh berhujah, tidak boleh masuk di kampus sama untuk keadilan dan demi kesuburan demokrasi. Macam mana pandangan Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Senator Jamilah. Berhubung dengan persoalan ini Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini menjadi rungutan semua lapisan rakyat di seluruh negara membicarakan perkara ini. Di saat kerajaan melarang parti-parti politik melibatkan diri di pusat-pusat pengajian tetapi di masa yang sama kita melihat dalam pilihan raya kampus baru-baru ini masuk pemimpin-pemimpin kanan parti pemerintah masuk berkempen dalam pilihan raya di kampus. Saya ada bukti bagaimana kita melihat contohnya bagaimana ahli jawatankuasa Pemuda UMNO iaitu Menteri yang sentiasa datang dalam Dewan kita iaitu Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga ini – saya difahamkan beliau telah pergi merasmikan malam perpaduan yang telah dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya dengan kerjasama Hal Ehwal Pelajar serta Pengetua Kolej Kediaman Ketujuh Zaaba pada 20 November yang lepas. Bahkan dalam program tersebut saya difahamkan bagaimana beliau telah menyeru agar mahasiswa-mahasiswi Universiti Malaya sama-sama turun mengundi calon-calon yang menyokong kerajaan. Kalau pihak Yang Berhormat di sini mahu bukti saya ada rakaman video terhadap semua maklumat ini. Bagaimana peraturan pilihan raya kampus juga telah dinodai oleh semua pihak atasan dan saya menyebutkan sebentar tadi di mana calon tidak boleh bertanding atas nama atau dalam bentuk berkumpulan. Tetapi pada malam yang bersejarah itu bagaimana kita lihat pemimpin UMNO sendiri bagaimana dia bertindak memperkenalkan calon pilihan raya di kampus UM itu dan dikatakan diberi mandat oleh parti politik yang memerintah iaitu UMNO. Jadi, saya tidak tahulah bagaimana komen Dato' Hamzah tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Selepas ini saya komen ya.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Selepas ini. *[Ketawa]*. Saya harap segala maklumat yang saya dedahkan ini supaya pihak Kementerian Pendidikan

menyiasat dengan segala perkara tadi supaya mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat tanpa ada sifat *bias* atau memilih bulu. Tindakan yang tidak profesional dan bersekongkol ini juga telah diambil salah seorangnya oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar yang mana turut sama menjayakan program tersebut bahkan mengeluarkan arahan bertulis secara rasmi kepada pihak-pihak kolej kediaman untuk menghadiri program tersebut. Perkara ini harus disiasat dan diambil tindakan jika kerajaan dan kementerian khususnya mendokong falsafah pendidikan yang benar, telus, adil dan bertanggungjawab. Begitu juga maknanya bagaimana saya ada maklumat berkenaan dengan maklumat yang saya nyatakan tadi, jika pihak kerajaan mahu saya boleh bagi maklumat itu.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga penglibatan langsung pihak kerajaan dalam mempengaruhi keputusan pilihan raya kampus harus diberi perhatian yang serius. Bahkan saya mendapat maklumat sebenarnya betapa calon-calon penyokong kerajaan yang bertanding dalam pilihan raya kampus ini juga ada di antara mereka yang mendapat bantuan kewangan daripada pihak-pihak yang tertentu. Maknanya saya kurang pasti adakah duit ini daripada duit UMNO ataupun duit kerajaan, saya mengharapkan ini tidak melibatkan duit kerajaan. Ini satu perkara yang tidak telus dan saya mahu penyiasatan perkara ini dibuat secara rapi. Ini bukan tuduhan. Saya ada bukti, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh maksud B.48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana tambahan sebanyak RM43,558,900 telah diperuntukkan dan sebanyak RM39,098,900 telah *diprovide* untuk perbelanjaan mengurus Jabatan Hal Ehwal Orang Asli berikutan dengan keputusan kerajaan memindahkan jabatan itu daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Persoalannya saya hendak tanya di sini berapakah peruntukan asal kepada Jabatan Orang Asli sebelum tambahan ini diberi dan kenapa Jabatan Orang Asli ini dipindah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya difahamkan jabatan ini telah sembilan kali dipindahkan. Adakah ini membuktikan kerajaan yang cekap? Dan saya juga mahu penjelasan berkenaan dengan peruntukan asal Jabatan Orang Asli. Adakah peruntukan ini telah habis digunakan sehingga memerlukan peruntukan baru dalam pemindahan jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini juga telah diberitahu bagaimana kita dengar Datuk Long telah memberi penjelasan tentang kehidupan Orang Asli dan saya memang berminat sangatlah dan kita merasakan dia adalah sebahagian daripada masyarakat kita yang tidak boleh kita nafikan hak mereka. Jadi, apa yang saya ingin tanyakan kepada pihak kerajaan ini peruntukan pengurusan RM39 juta yang diberikan itu adakah hanya untuk mengurus 120,000 Orang Asli. Ini mungkin saya tidak berapa jelas, bolehkah pihak kementerian memberi penjelasan yang sejelasnya tentang isu ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih kerana memberi saya laluan. Yang Berhormat. Saya tadi mendengar bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah dipindah banyak kali, dan juga ditanya adakah pindaan yang baru-baru dilakukan itu sesuai. Jadi saya ingin tahu pada pendapat Yang Berhormat itu adakah lebih sesuai ataupun di mana patut diletak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini supaya kumpulan ini betul-betul mendapatkan satu faedah yang lebih berkesan demi kebaikan kumpulan ini? Jadi kalau ada cadangan mungkin kita semua boleh dengar apakah cadangan itu supaya kumpulan ini memanglah mendapat bantuan yang sebenarnya demi perkembangan mereka? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Dato' Dr. Chin yang celah soalan untuk Orang Asli ini. Tentang Jabatan Hal Ehwal Orang-Orang Asli ini yang sebagaimana kita dimaklumkan sudah sembilan kali ditukarkan dan perkara ini kita pun kurang jelas mungkin kementerian telah membuat kajian kenapa dia perlu ditukarkan sampai sembilan kali. Dan bagi saya pada pandangan saya di mana-mana pun dia duduk, yang penting ialah perlaksanaan terhadap program yang dirancang. Sekiranya kita memberi peruntukan yang banyak di jabatan mana sekalipun tetapi jika perkara ini hanya perancangan dan tidak diperincikan supaya setiap sen ini menjadi manfaat kepada orang-Orang Asli, maka saya kira di mana pun jabatan dia duduk dia tidak akan memberi kemajuan kepada Orang Asli.

Setelah 40 tahun lebih kita merdeka dalam negara kita, kita melihat maknanya mereka memang, saya tadi pun baru berbincang dengan Senator Hajah Melati

bagaimana maknanya kehidupan mereka, wanita-wanita mereka masih dalam suasana yang lama. Mereka kadang-kadang tidak suka pakai baju, masih lagi dalam suasana yang lama. Jadi yang penting bagi kita ialah bagaimana perubahan kesedaran ini kita boleh bawa kepada mereka? Dan yang paling penting ialah mereka manusia yang diciptakan oleh Allah, sepatutnya kita membawa mereka kepada jalan kebenaran supaya mereka juga maknanya dapat menikmati kehidupan sabagaimana manusia yang lain, tidak hanya berada di rimba-rimba dengan hanya mengutip akar-akar kayu. Jadi sebab itulah bagi kita peruntukan RM39 juta yang diberi untuk pengurusan Jabatan Orang Asli ini benar-benar dimanfaatkan kepada setiap rakyat Orang Asli supaya benar-benar memberi kemajuan kepada mereka. Kita tidak mahu hanya peruntukan yang banyak ini tetapi mereka terus tinggal sebagaimana yang kita lihat sekarang ini.

Dan kita juga diberitahu bagaimana golongan mereka ini masih 75% berada dalam golongan miskin. Walaupun peruntukan yang diberi banyak tetapi mengapa? Maknanya tidak ada suatu peningkatan kepada mereka ini. Sebab itulah saya amat berharap supaya peruntukan tambahan ini yang dibekalkan oleh kerajaan ini benar-benar memberi keadilan kepada mereka, itulah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin menyentuh sedikit tentang projek PPRT yang diberi kepada rakyat masyarakat di luar bandar. Kita mengalu-alukan usaha kerajaan dalam membangunkan masyarakat miskin di luar bandar tetapi apa yang menyedihkan apabila projek ini telah disalahgunakan. Maknanya pemantauan perlu dibuat supaya setiap projek, setiap sen yang diberikan kepada rakyat itu memberi manfaat kepada rakyat.

Sebagaimana saya terlupa tadi hendak jawab soalan Datuk Long berkenaan dengan adakah kerajaan Kelantan prihatin dengan Orang-Orang Asli di Kelantan? Ya, maknanya untuk pengetahuan dewan ini kerajaan Kelantan memang memberi tanah-tanah kepada mereka iaitu di antaranya ialah di Lojing dan di Post Brooke, bagaimana kerajaan memberi tempat kepada mereka. Jadi kalau Datuk Long berminat sangat untuk mengetahui penjelasan secara *detail*, silalah berhubung dengan kerajaan negeri Kelantan. Jadi, sebab itulah kita mengharapkan suatu pentadbiran yang telus, suatu pentadbiran yang benar-benar memberi manfaat.

Jadi, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin membaca satu peringatan Allah dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya, sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada orang yang berhak menerimanya. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya, dan Allah menyuruh kamu apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkannya dengan adil. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran lagi*] maksudnya, sesungguhnya Allah memberi sebaik-baik pengajaran kepada kamu dan sesungguhnya Allah itu maha mendengar lagi melihat. Jadi di bulan Ramadan yang mulia ini, marilah sama-sama kita meletakkan hati kita bertawaduk kepada Allah S.W.T.

Tuan Haji Karim bin Salleh: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat memberi laluan kepada saya. Saya terpanggil berkenaan dengan ayat yang dibaca oleh Yang Berhormat tadi iaitu tentang keadilan dalam menjalankan hukum hendaklah kita melaksanakan dengan adil. Saya ingin menyoal kepada Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai dengan kerajaan Terengganu bila dia memerintah Terengganu, tindakan-tindakan di ambil kepada guru KEMAS, penghulu dan imam? Mereka dipecat. Bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang ini, adakah itu adil?

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya tentang keadilan. Saya kira keadilan ini semua kita telah faham bagaimana Islam telah mengajar kita keadilan ini ialah sesuatu itu diletakkan kena pada tempatnya. Kalau songkok itu patutnya kita pakai di kepala jangan letakkan songkok itu di kaki, kalau kita letak songkok itu di kaki itu maknanya zalim. Itu bukan makna zalim itu pukul orang, bunuh orang, zalim itu kita meletakkan sesuatu tidak kena pada tempat.

Jadi kita tengok bagaimana dalam negara kita ini, negara kita Malaysia dan saya ucapkan tahniahlah kepada kerajaan Malaysia yang telah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Jadi apabila kita mengisytiharkan sebuah negara Islam maka keadilannya mestilah kita meletakkan perundangan negara ini, mestilah mengucapkan "lailahaillallah" maksudnya berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah. Itulah hukum yang paling tinggi. Kalau kita mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam sebagaimana jawapan menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu dia kata

kerajaan tidak berhasrat menukar apa-apa undang sekular yang ada, itu bukan makna negara Islam sebagaimana yang dikehendakki oleh Rasulullah s.a.w. Negara Islam itu mestilah negara yang berteraskan hukum dan AlQuran. Kalau AlQuran kata arak ini haram, maka haram, tapi apa yang ada di negara kita, arak diberi lesen. Jadi perkara inilah perlu diberi penjelasan.

Puan Hajah Melati binti Ali: Terima kasih Yang Berhormat dan Dato' Yang di-Pertua, saya terpenggillah untuk mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Siti Zailah berhubung dengan keadilan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Kalau Yang Berhormat menyatakan bahawa dengar pertukaran guru dari satu tempat ke satu tempat itu adalah merupakan tidak adil tetapi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat sebentar tadi bahawa apabila kerajaan negeri Terengganu jatuh kepada parti PAS maka banyak di antara kakitangan-kakitangan kerajaan yang terdahulu juga teraniaya dengan tidak adanya pencarian mereka yang telah diputuskan dengan pemberhentian beramai-ramai. Adakah itu dikatakan berbeza keadilan yang macam mana dimaksudkan, yang tukar atau yang diberhentikan, yang mana lebih tidak adil? Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih, saya tidak sempat lagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Persoalan dengan keadilan ini, kita semua tahu bagaimana keadilan ini adalah tuntutan Islam. Jadi kalau kita mengatakan saya tidak bermaksud dalam soalan tadi mengatakan bahawa pertukaran guru itu tidak adil, saya tidak mengatakan begitu. Saya mengatakan mereka ditukarkan kerana atas alasan politik, itu tidak adil. Sebab kita negara demokrasi berparlimen di mana setiap rakyat mempunyai hak, itu maksud saya. Jadi persoalan pertukaran kakitangan KEMAS dan sebagainya saya kira Yang Berhormat lebih maklum KEMAS ini di bawah ah Kementerian kebajikan masyarakat, bukan di bawah kerajaan Terengganu. Jadi perkara ini tidak timbul. Jadi persoalan ini perkara yang kita semua mentadbir antara kerajaan Terengganu dan kerajaan pusat.

Jadi dalam persoalan ini kalau hendak dikatakan adil, adakah adil kerajaan Malaysia menukar royalti kepada wang ihsan dan wang ihsan pula tidak diberi kepada rakyat Terengganu? Mana lebih zalim? Mana lebih adil? Saya rasa Yang Berhormat boleh menilai sendiri. Jadi kalau persoalan ini, keadilan ini ialah orang yang kembali kepada yang hak. Itu yang saya hendak penjelasan di sini supaya kita benar-benar menjamin memberi keadilan kepada rakyat supaya hak rakyat itu diberikan.

Dato' lihat bagaimana tadi, makna peruntukan kerajaan untuk rakyat Kelantan dilewat-lewatkan. Adakah ini satu keadilan? Itu maksud saya tadi. Jadi sekiranya itu memadai dan saya rasa semua memahami, jadi dengan itu saya turut menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Melati.

3.30 ptg.

Puan Hajah Melati binti Ali: Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam pembentangan Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan Ketiga 2001 ini, saya cuma ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Belanjawan tersebut. Saya cuma ingin menyentuh perkara Maksud B.26 Kementerian Pendidikan, tambahan sebanyak RM271,283,800 iaitu di bawah program pendidikan prasekolah rendah dan menengah.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan peruntukan untuk Program Rancangan Makanan Tambahan bagi pelajar-pelajar termiskin sekolah rendah yang ditambah daripada RM120 ke RM200 hari persekolahan adalah disokong dengan sepenuhnya kerana kita sedia maklum bahawa pelajar sekolah rendah terutamanya sangat memerlukan makanan berkhasiat untuk membantu pertumbuhan serta pembangunan otak dan fizikal. Makanan yang berkhasiat yang menjadi baja kepada pertumbuhan ini amat perlu bagi membolehkan mereka memberi perhatian dan tumpuan kepada pelajaran serta aktiviti ko-kurikulumnya. Oleh yang demikian, dari segi pelaksanaan program ini semua yang terlibat hendaklah bersifat jujur dan amanah serta ikhlas dan telus bagi pengagihan pembelian yang akan dinikmati oleh setiap pelajar tersebut. Dipastikan juga bahawa makanan yang akan disediakan ialah benar-benar menepati sebagaimana yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan. Disyorkan juga supaya pemantauan sentiasa dibuat dan pelaksanaan program ini dibuat secara berkala

supaya dapat menentukan faedahnya adalah kepada pelajar miskin dan bukannya kepada pihak pembekal.

Dengan kenaikan harga barang makanan, disyorkan juga supaya diberi juga tambahan kepada program yang sama untuk kanak-kanak termiskin di peringkat prasekolah kerana pertumbuhan otak dan fizikal berlaku dengan pesat di tahap umur yang sedemikian. Amat merugikan negara jika pertumbuhan kanak-kanak ini terencat disebabkan kekurangan makanan sebagaimana yang dikehendaki oleh tubuh badan. Bagi pelajar-pelajar di peringkat menengah pula, mereka berada dalam keadaan penyediaan diri untuk masa hadapan. Peperiksaan yang dihadapi menentukan masa depan mereka. Adalah wajar bagi pelajar termiskin diberikan juga makanan tambahan ini secara berterusan sehingga tamat persekolahannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini ingin mengucapkan dan merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa begitu prihatin terhadap masalah pelajar-pelajar miskin di luar bandar. Tetapi apa yang ingin saya cadangkan di sini berhubung dengan kos penyediaan makanan tambahan bagi seorang pelajar di peringkat sekolah rendah ini, kerana kita difahamkan semalam ada soalan daripada Yang Berhormat, siapakah yang menyediakan menu untuk disediakan makanan tambahan kepada para pelajar ini? Sebenarnya menu ini disediakan oleh pihak kerajaan dan kita difahamkan bahawa kerajaan telah pun menyusun begitu baik tentang persediaan menu bagi setiap individu yang menerima pemakanan tambahan iaitu dua minggu lebih kurang sepuluh menu yang disediakan tidak

Tetapi apa yang mengecewakan kita kos yang diberikan pada seorang pelajar hanya 80 sen sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Bayangkanlah bagaimanakah pihak pembekal hendak menyediakan makanan yang berkhasiat dengan makanan yang seimbang, kemudian pihak kerajaan menyarankan supaya pihak pembekal menyediakan dan menambahkan makanan dengan buah dan sebagainya sedangkan peruntukan kosnya hanya 80 sen. Jadi, saya rasa sewajarnya dengan pembentangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus ini supaya kos penyediaan makanan juga hendaklah dimasukkan dan ditambahkan daripada 80 sen ke RM1.50 barulah pihak pembekal dan juga pelajar-pelajar ini dapat menikmati sebagaimana makanan tambahan yang sebenarnya yang sepatutnya pelajar ini terima. Jadi, saya berharap benarlah kepada pihak kementerian walaupun tidak ada dalam Belanjawan ini tetapi tolonglah dimasukkan dalam Belanjawan 2002 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan RM26,937,500 bagi kenaikan kadar elaun latihan khusus Diploma Pengurusan Malaysia dan Kursus Diploma Lulusan Ijazah dialu-alukan terutamanya bagi mereka dalam kursus diploma. Adalah diharapkan, dengan kenaikan ini boleh mengurangkan beban saraan hidup semasa berkursus oleh penuntut-penuntut dari keluarga yang kurang berkemampuan. Kita sedar bahawa ada di kalangan penuntut kursus diploma yang terpaksa bekerja sambil untuk menampung bukan sahaja keperluan diri, malahan tidak kurang juga yang perlu menanggung keluarganya di kampung. Ada yang terpaksa mengikat perut dan makan mi segera saban hari. Amalan ini boleh menjejaskan penumpuan, konsentrasi serta prestasi harian mereka yang boleh juga mengakibatkan keputusan peperiksaan yang tidak membanggakan. Dalam pelaksanaan agihan tambahan kadar elaun ini hendaklah dikaji dengan teliti oleh yang berkenaan supaya agihan tambahan ini dibuat secara adil dan diasaskan juga kepada status ekonomi keluarga pelajar-pelajar tersebut. Kita tidak mahu nanti pertambahan ini dianggap sebagai wang saku tambahan. Bagi mereka yang tidak memerlukan untuk membolehkan mereka menjalankan aktiviti yang tidak menguntungkan kepada sesiapa jua. Jika dilihat dari segi keperluan, sudah tentulah RM10,415,100 tidaklah begitu banyak bagi pusat perkembangan kurikulum untuk perolehan. Keperluannya bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah.

Saya ingin mengesyorkan supaya kurikulum pengajaran Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah diselaraskan dengan keperluan berkomunikasi. Pengajaran seharusnya menyeronokkan pelajar kerana jika ia membosankan, mereka akan mewujudkan tembok iaitu mental block kepada mata pelajaran ini. Akibatnya perasaan ini akan berterusan dan amat merugikan kepada pelajar-pelajar tersebut. Tuan Yang di-Pertua, alatan yang dibeli nanti hendaklah mudah guna. Buku-buku yang dibeli juga seharusnya mencerminkan budaya inspirasi hasrat serta wawasan negara Malaysia yang sedang giat menuju ke arah Wawasan 2020.

Bagi memperkukuhkan pembelajaran bahasa Inggeris oleh pelajar sekolah peringkat rendah ini, adalah dicadangkan buku bacaan bahasa Inggeris yang sesuai disediakan dengan banyak supaya semua pelajar mudah meminjam buku-buku tersebut. Kedua, kelengkapan mini makmal bahasa Inggeris yang lengkap dengan guru terlatih disediakan. Keutamaan adalah untuk sekolah di luar bandar yang terpencil kerana ketiadaan kemudahan untuk berinteraksi dalam bahasa Inggeris. Ketiga, setiap sekolah disediakan kaset berbentuk perbualan juga bacaan buku yang boleh digunakan dalam mini makmal bahasa Inggeris dan boleh juga dipinjam oleh pelajar tersebut untuk didengar di rumah. Cara ini boleh membiasakan pelajar tersebut mendengar serta mengikut Bahasa Inggeris dengan betul, baik dari segi sebutan dan juga intonasinya.

Yang keempat, ibu bapa melalui PIBG boleh dilibatkan dengan mengadakan hari atau bulan Bahasa Inggeris seperti diadakan Bulan Bahasa Melayu di sekitar tahun 60-an dahulu. Berbagai-bagai aktiviti boleh diadakan. Tidak dinafikan bahawa peranan guru amat penting dan seharusnya tidak ada lagi guru yang bahasa Inggerisnya sendiri tidak ketetapan mengajar murid bahasa Inggeris. Keadaan ini berlaku terutamanya di sekolah luar bandar, di kampung-kampung, pedalaman. Latihan guru bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan. Yang ini, ditekankan berhubung dengan guru-guru Bahasa Inggeris yang ada sekarang ini. Memang dia mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris tetapi cikgu itu sendiri, guru itu sendiri tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik. Jadi, menyebabkan keadaan sekarang ini, pelajar-pelajar di luar bandar, apabila kita lihat keputusan-keputusan peperiksaan sama ada daripada UPSR atau sebagainya, memang anak-anak di luar bandar, pelajar-pelajar di luar bandar, maka pelajaran Bahasa Inggeris jarang sekali dapat cemerlang.

Latihan guru bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan lagi dan jika perlu, lebih ramai lagi dilatih di negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda selain membawa pensyarah-pensyarah datang mengajar di sini seperti mana sukarelawan Amerika. Kita semua sedar bahawa kesan yang dirasai oleh graduan yang tidak mahir berkomunikasi secara lisan ataupun tulisan dalam bahasa Inggeris. Maka, bagi mengurangkan masalah ini, adalah wajar pendidikan Bahasa Inggeris dimulakan dari peringkat prasekolah lagi kerana kajian telah menunjukkan bahawa kanak-kanak peringkat ini lebih mudah menguasai bahasa yang kedua dan bahasa bahasa seterusnya. Penguasaan bahasa lebih berlaku jika digunakan secara berterusan. Mungkin kurikulum latihan guru prasekolah perlu disesuaikan untuk keperluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan pembukaan semula kampus cawangan Universiti Putra di Bintulu, Sarawak. Usaha ini adalah amat wajar kerana pelaksanaan Dasar Pertanian Negara memerlukan lebih ramai graduan yang terlatih khusus dalam bidang pertanian. Kita mengetahui bahawa Universiti Putra bermula sebagai Universiti Pertanian dengan memberi fokus pengajian kepada bidang pertanian. Hari ini, identitinya sebagai satu universiti utama dalam bidang pertanian kian terhakis dengan wujudnya kecenderungan universiti ini menjadi seperti mana universiti lain juga. Bidang-bidang kajian lain dari pertanian kian bertambah hinggalah kecenderungan pelajar untuk memilih bidang pertanian seolah-olah tidak standard, tidak glamour, sukar mendapat pekerjaan.

Saya sebagai wakil rakyat di kawasan luar bandar, di mana asas mata pencarian adalah hasil daripada pertanian. Saya sangat mengharapkan agar kerajaan Barisan Nasional hari ini, membuat ketetapan bahawa kampus Universiti Putra cawangan di Bintulu ini dikhususkan kepada bidang pertanian, lengkap dengan peralatan teknologi modennya dan wajib disediakan *master plan* atau *blueprint* bidang kajian pertanian berlandaskan Dasar Pertanian Negara. Seharusnya, matlamat latihan kajian dalam bidang pertanian ini nanti menghasilkan graduan yang berkebolehan dan berani menjalankan pertanian secara komersial, tidak lagi mengharapkan hidup dengan makan gaji semata-mata.

Saya yakin, insyaAllah, apabila hebahan dibuat mengenai konsep pertanian moden ini, ramai belia dan beliawanis kita akan berminat untuk menyertai bidang tersebut. Tahniah kepada kerajaan kerana membuka semula kampus di Bintulu kerana bangunannya serta kemudahan yang disediakan dapat digunakan dengan sepenuhnya dengan baik. Saya yakin juga bahawa dengan pelbagai kemudahan juga, peluang yang diberikan kepada guru-guru yang di bawah Kementerian Pendidikan boleh menarik lebih ramai lagi cerdik pandai kita untuk memasuki perkhidmatan perguruan ini.

Cara ini boleh meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara kita, selain menyediakan generasi masa depan yang bijak serta bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu dalam Perkara 080800 - Elaun Tahunan Batin Orang-orang Asli. Adalah diperhatikan bahawa sejumlah RM400,900 telah diperuntukkan untuk Batin Orang Asli. Saya faham bahawa Batin Orang Asli bertanggungjawab untuk mentadbirkan sebuah perkampungan Orang Asli. Jika dibandingkan dengan satu lagi institusi yang agak sama iaitu Jawatankuasa Kampung dan Keselamatan (JKK), fungsinya lebih kurang sama. Cuma skop kerja JKK adalah lebih luas dan berat kerana kawasan yang lebih luas penduduknya juga adalah lebih ramai daripada kaum Asli.

Dalam keadaan di mana harga barangan keperluan hidup harian kita meningkat, saya ingin bertanya sama ada kerajaan ada hasrat untuk menambahkan lagi elaun yang diperolehi oleh JKK. Seterusnya, memandangkan pembangunan negara berlaku dengan begitu cepat dan pesat dan selaras dengan perkembangan ini, maka perancangan pembangunan kampung-kampung perlu juga diadakan secara terancang agar setiap peruntukan pembangunan yang disalurkan ke kampung-kampung dapat digunakan secara terancang bagi memaksimumkan manfaat kepada rakyat khususnya rakyat di luar bandar.

Di kalangan mereka yang mempunyai kelulusan, adakah kerajaan berhasrat untuk melantik Pengerusi JKK sekurang-kurangnya dari kalangan mereka yang mempunyai kelulusan dan kelayakan bagi membolehkan mereka berfungsi seperti yang dikehendaki. Hal ini biasa dikekalkan sebagai lantikan dari kalangan mereka yang ada potensi maju di kalangan penduduk tempatan. Negara kita mempunyai ramai graduan dari maktab dan universiti yang mempunyai ilmu serta kemahiran yang membolehkan mereka menjadi pemangkin pembangunan tempatan. Mereka boleh memimpin rakyat tempatan kepada kemajuan yang diinginkan oleh kerajaan. Saya percaya dengan cara ini, kemajuan serta keselamatan kampung akan lebih terjamin kerana setiap pengerusi akan bertanggungjawab secara terus kepada penghulu atau ketua kampung yang terdiri dari pegawai tetap kerajaan di negeri-negeri dan juga di daerah.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Azizah.

3.48 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut sama membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2001) (No. 2) 2001 bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain. Kali ini kita diminta untuk meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi RM1,537,800,000 yang telah dibelanjakan oleh enam institusi iaitu:-

- (i) Suruhanjaya Pilihan Raya;
- (ii) Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) Kementerian Pendidikan;
- (iv) Perbendaharaan;
- (v) Kementerian Kerja Raya; dan
- (vi) Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh maksud pertama-tamanya Maksud B. 4 - Suruhanjaya Pilihan Raya. Wang sejumlah RM22 juta telah pun dibelanjakan untuk khusus Pilihan Raya Umum di Sarawak yang telah berlangsung baru-baru ini. Saya turut bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain, mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana pada umumnya mereka telah berjaya mengendalikan pilihan raya tersebut dengan begitu baik sekali seperti apa yang kita dengar dan kita lihat juga melalui media massa laporannya. Demikian juga, saya ingin mengambil kesempatan ini jugalah untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional negeri Sarawak yang telah berjaya mengekalkan kerajaan di negeri tersebut.

Demikian juga dengan Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Likas di Sabah pada bulan Julai yang lalu yang telah juga berjalan dengan baik dan tenang walaupun ada juga usaha-usaha ataupun percubaan untuk melunaskannya, tetapi ia tetap Likas di negeri Sabah. Untuk makluman, kita di Sabah tidak inginlah dengan cara politik yang ganas dan menakutkan.

Cuma saya ingin komen sedikit tentang masalah yang sering kali kita hadapi bila kita berhadapan dengan pilihan raya, tidak kiralah sama ada di Sabah, tidak tahu pula di Sarawak tetapi juga di Semenanjung Malaysia ini yang terlibat, iaitu tentang nama-nama pengundi yang kadang kala hilang daripada daftar menyebabkan mereka..., kasihan, tidak dapat menjalankan tanggungjawab mereka iaitu untuk membuang undi.

Dan ada juga insiden semasa pilihan raya di mana nama-nama pengundi tidak ada di dalam daftar yang ada di pondok yang digunakan di luar. Tetapi kita kemudian dapat maklum bahawa nama-nama yang tidak ada di daftar undi di pondok tadi ini, nama yang sama sebenarnya ada di dalam buku daftar yang digunakan di tempat mengundi oleh pegawai-pegawai SPR. Oleh kerana nama tidak ada di dalam daftar yang digunakan di pondok, iaitu di luar maka si pengundi pun tidak dapat juga membuang undi dan mereka kecewa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dan meminta supaya pihak SPR mengambil tindakan positif untuk memastikan perkara-perkara seperti yang saya sebut tadi tidak lagi berlaku di masa-masa yang akan datang. Kita kini seperti mana yang kita semua maklum berada dalam era ICT maka tentulah tidak wajar perkara-perkara seperti ini masih lagi boleh berlaku. Saya yakin kerajaan akan memberikan peruntukan yang secukupnya bagi SPR menjalankan kerja-kerja untuk mengemas kini kedudukan pendaftaran undi agar para pengundi di masa yang akan datang tidak tercicir dan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pengundi yang berdaftar.

Yang kedua, saya ingin menyentuh Maksud B.7 iaitu Jabatan Perdana Menteri. Tambahan perbelanjaan sebanyak RM4,900,000 yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi perkhidmatan pakar perunding dan pengauditan swasta bagi pelaksanaan dan persijilan ISO MS9000 di agensi-agensi kerajaan.

Saya turut menyokong saranan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng agar sijil-sijil ini tidak hanya tinggal sebagai perhiasan di dinding-dinding pejabat sahaja untuk dibangga-banggakan oleh pegawai-pegawai ataupun ketua-ketua jabatan. Bukanlah saya mengatakan sijil ini tidak perlu kerana ini semua diperlukan untuk menunjukkan kecekapan dan kecemerlangan pegawai-pegawai kerajaan dan jabatan-jabatan mereka. Tetapi apa yang saya ingin tekankan di sini ialah sijil ini hendaklah diterjemahkan ke dalam mutu kerja yang efisien dan memuaskan pelanggan, pegawai-pegawai kerajaan ataupun jabatan-jabatan kerajaan iaitu rakyat dalam negara ini.

Saya teringat suatu kisah bagaimana pegawai-pegawai suatu agensi kerajaan di negeri saya, di negeri Sabah, mereka begitu sibuk dengan kursus-kursus dan sebagainya pada suatu ketika apabila persijilan MS ISO 9000 ini diperkenalkan. Mereka begitu sibuk – menghadiri kursus, seminar dan sebagainya, *consultation*, dengan izin, dengan tujuan untuk mendapatkan persijilan MS ISO 9000 dan memanglah mereka bertangga apabila mereka berjaya mendapatnya – luluslah mereka.

Tetapi apa yang saya ingin bertahu bila mana pada suatu hari ketika kita sedang bermesyuarat – saya menjadi ahli jawatankuasa, dalam satu komite, tiba-tiba kita dapati alat hawa dingin dalam bilik mesyuarat yang jabatannya telah pun diberi persijilan MS ISO9000 tidak berfungsi sehinggakan mengganggu perjalanan mesyuarat yang sedang kita jalankan. Jadi rasionalnya, sijil mestilah diterjemahkan pada kerja yang dilaksanakan oleh para pegawai dan kakitangan sesebuah jabatan itu. Barulah sijil itu bermakna dan bererti, dan ini termasuklah memastikan sistem hawa dingin, walaupun nampak remeh-temeh, berfungsi dengan baik kerana saya rasa ia penting. Dalam keadaan pada hari ini kita semua mementingkan ada hawa dingin supaya kita boleh selesa bekerja, tanpa itu tentunya kita tidak dapat menjalankan tugas kita dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan masalah untuk berjumpa dengan ketua jabatan ataupun pegawai-pegawai tinggi, pegawai-pegawai kananlah katakan.

Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi dan menyokong tindakan, kalau benar Jabatan Pendidikan yang telah memulaukan rumah ataupun hari terbuka.

Pengalaman saya sendiri memberi saya kesedaran betapa mereka rakyat biasa kita, sudah tentu mereka mengalami masalah yang lebih besar dan rumit lagi daripada kita-kita ini yang dipanggil Yang Berhormat untuk menemui pegawai-pegawai seperti yang saya sebutkan tadi kerana mereka tidak mempunyai *standing* untuk mendapatkan penghormatan menemui pegawai. Bukanlah saya marah dengan pegawai-pegawai. Ini bukan sahaja setakat kita di sini tetapi termasuk juga di negeri saya sendiri, di negeri Sabah.

Tetapi kadang kala ada perkara-perkara yang perlu mendapatkan keputusan daripada pegawai yang tinggi, rakyat biasa yang datang daripada jauh, yang susah, yang mungkin berbelanja besar untuk turun ke pekan ataupun ke bandar untuk menemui pegawai, tidak dapat menemui pegawai dan merasa amat kecewa. Jadi bagi mereka, inilah saya merayu agar sistem ataupun persijilan MS ISO9000 ini dapat merangkumi perkara-perkara yang saya rasa penting, seperti membolehkan pegawai-pegawai yang tinggi, berkedudukan yang tinggi, menemui pelanggan-pelanggan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sama-sama dengan Yang Berhormat yang lain Maksud B.26 – Kementerian Pendidikan. Bagi saya pendidikan ini amat dekat dengan jiwa saya kerana pendidikan adalah sesuatu yang penting untuk memastikan bagi orang-orang di luar bandar yang miskin dapat keluar daripada kepompong kemiskinan. Ramai kalau kita lihat hari ini yang dahulunya orang-orang miskin, ibu bapanya miskin, tinggal atau duduk di luar bandar tetapi hari ini anak-anaknya sudah menjadi cerdik-pandai, duduk di menara gading sebagai profesor, naib canselor, mungkin juga ada yang menteri di dalam Dewan yang mulia ini dan sebagainya. Semua ini kerana adanya pendidikan dan semua ini kerana adanya dasar kerajaan yang menitik-beratkan pendidikan di dalam negara kita Malaysia ini. Untuk itu saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpinnya yang mengambil berat tentang pendidikan.

Dalam peruntukan tambahan ini saya lihat peruntukan untuk Kementerian Pendidikan adalah jumlah yang kedua terbesar dalam perbelanjaan tambahan iaitu RM271,283,800. Bagi saya ini menunjukkan dengan jelas komitmen kerajaan kepada pendidikan dalam negara kita ini. Dan minggu lalu kerajaan mengumumkan pula tambahan tabung RM1 bilion untuk pinjaman kenderaan untuk guru-guru yang juga bertujuan untuk memastikan guru-guru, khususnya mereka yang berkhidmat di luar bandar yang belum lagi mempunyai kereta dapat pula untuk membeli kereta.

Saya lihatlah, semenjak kerajaan mengumumkan pertambahan jumlah pinjaman untuk membeli kereta, *Proton* pun laku dan ramai pegawai dan kakitangan kerajaan..

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, jemput teruskan.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun:yang sudah pun memandu *Proton Wira*.

Saya bersyukur dan saya gembira kerana saya ingin melihat semua orang dalam negara kita Malaysia ini menjadi orang-orang yang kalau tidak pun berada tetapi selesa hidupnya, mempunyai kenderaan dan sebagainya. Ini saya rasa sudah tentulah dapat bantuan kerajaan dalam tabung pusingan ini sudah tentu dapat membantu untuk memudahkan mereka iaitu para guru yang menjalankan tugas mereka dan dalam masa yang sama juga dapat memudahkan mereka melawat kaum keluarga mereka yang mungkin berada di bandar ataupun di pekan-pekan atau kampung yang lain, iaitu berjauhan daripada tempat mereka bertugas. Ini kerana sering menjadi keluhan mereka kerana bertugas jauh. Tadi Yang Berhormat Siti Zailah mengatakan ada guru yang ditukarkan keluar bandar, dia merasa kecewa mungkin.

Jadi, saya rasa dengan adanya bantuan kerajaan ini dia boleh dapat membeli kereta, bolehlah dia datang ke bandar ataupun ke pekan di mana keluarganya berada dan dalam masa yang sama dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk mendidik anak-anak bangsa. Sudah tentu dengan adanya kemudahan perhubungan, jarak yang jauh menjadi lebih dekat lagi dan adalah diharapkan dengan ini guru-guru

akan lebih tertarik lagi untuk berkhidmat di sekolah-sekolah di luar bandar yang sangat-sangat memerlukan perkhidmatan para guru.

Jadi, saya rasa janganlah dianggap apabila guru itu dihantar untuk mengajar di luar bandar, itu adalah satu perkara yang zalim kerana ramai anak-anak di luar bandar juga memerlukan pendidikan dan bukannya baik seorang guru yang sanggup berkorban untuk turun keluar bandar dan mengajar anak-anak yang berada di luar bandar yang memerlukan khidmat mereka ini. Saya rasa guru-guru yang melakukan demikian, yang sanggup dengan sendiri turun keluar bandar untuk bertugas membantu anak-anak kita di luar bandar merupakan pendidik yang benar-benar berwibawa dan akan disanjung tinggi jasa mereka sampai bila-bila masa.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah maksud yang sama ini juga saya nampak RM44.3 juta diperuntukkan untuk menampung perluasan program rancangan makanan tambahan kepada murid-murid sekolah rendah yang miskin iaitu menambah jumlah hari daripada 120 seperti sekarang ini kepada 200 hari. Saya sebagai mewakili orang luar bandar mengalu-alukan peruntukan ini yang bertujuan untuk memberikan makanan tambahan kepada anak-anak murid yang miskin untuk mendapat sedikit makanan yang berkhasiat setiap hari semasa persekolahan.

Ini saya yakin akan dapat membantu dalam pertumbuhan tubuh badan yang sihat bagi menghadapi dan menghayati pelajaran mereka setiap hari. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakan mungkin tinggal di bandar, murid-murid yang miskin di luar bandar sebenarnya bersemangat untuk belajar cuma keadaan yang serba kekurangan yang membantutkan kemajuan dalam pendidikan. Dalam satu lawatan saya ke sebuah sekolah yang menjadi anak angkat pergerakan wanita saya, sekolah ini sebuah sekolah yang baru, guru besarnya seorang kawan. Tidak ramai pelajar di sekolah itu tetapi sekolah ini sekolah luar bandar. Anak-anaknya kebanyakan terdiri daripada anak-anak orang miskin. Apabila kami datang melawat ke sekolah tersebut, kami telah ditemui dalam semangat yang berkobar-kobar. Mereka memberikan persembahan, ibu bapanya juga turut hadir bersama di dalam perjumpaan tersebut, walaupun masih tidak ada lagi *facilities* dengan izin, bekalan api/elektrik ke sekolah tersebut tetapi mereka dalam keadaan demikian pun mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bekalan komputer.

Bayangkan betapa mereka sudah maju ke hadapan dalam pemikiran, anak-anak yang miskin ini mahukan komputer walaupun tidak dapat digunakan kerana tidak ada elektrik yang disambungkan ke sekolah tersebut. Tetapi begitulah ceritanya anak-anak yang miskin di kampung ini. Sepatutnya mereka ini diberikan juga perhatian agar mereka dapat bersama-sama berjuang dalam arena yang sama, kalau pun tidak dalam satu *level playing field*, kata orang tetapi sekurang-kurangnya mereka telah mula menuju ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tekankan makanan yang berkhasiat. Jadi, saya mintalah agar Kementerian Pendidikan membuat pemantauan untuk memastikan makanan tambahan yang diberikan kepada anak-anak murid yang miskin ini adalah makanan yang berkhasiat sebenarnya agar ia dapat bukan setakat menjadi alas perut yang lapar di pagi hari, dari rumah tidak ada makanan, malah dalam masa yang sama dapat juga membantu dalam pertumbuhan otak yang bernas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu semasa saya di sekolah rendah, kita diberikan makanan tambahan dalam bentuk terigu dan susu. Waktu itu murid-murid Tahun Enam lah yang terpaksa bergilir-gilir untuk memasak terigu ini tetapi kini kerajaan telah menyediakan tukang masak. Maka sudah tentulah standard daripada segi makanan dan masakan jauh lebih baik lagi daripada apa yang saya dan kawan-kawan pada masa itu dalam tahun 60-an dahulu telah dilalui dan terima. Maka saya bagi pihak anak-anak murid miskin ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas keprihatinan untuk membantu mereka agar mereka juga dapat sama-sama berjaya di dalam pendidikan dan insya Allah dapat keluar daripada kepompong kemiskinan yang masih dirasai oleh keluarga mereka pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan perbelanjaan sebanyak RM26,937,500 yang dibelanjakan untuk menampung kenaikan kadar elaun latihan kursus Diploma Pengurusan Malaysia dan kursus Diploma Lulusan Ijazah. Ini saya agak adalah berkaitan dengan tujuan untuk melatih ramai lagi guru-guru yang terlatih dan juga yang mempunyai ijazah.

Dalam perbahasan ini saya ingin mengaitkan perkara ini dengan pembangunan ekonomi. Kerana saya melihat dan mendapat maklumat bahawa di negeri Sabah memang ramai lepasan ataupun graduan-graduan yang termasuklah graduan yang mempunyai Ijazah Undang-undang yang mengambil keputusan untuk masuk ke dalam bidang pendidikan ini dan bertujuan untuk membantu mengajar anak-anak kita dalam Bahasa Inggeris misalnya. Saya rasa tentulah penambahan eluan ini amat dialu-alukan oleh mereka semua dan saya rasa mereka cukup gembira dengan apa yang diberikan oleh kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penekanan ke atas ekonomi sekarang ini negara akan memerlukan pekerja-pekerja yang berpengetahuan. Di sinilah nanti terletak kekuatan negara kita Malaysia iaitu dengan mempunyai *knowledge workers* dengan izin. Oleh itu pendidikan ataupun sistem pendidikan sekarang ini hendaklah memfokuskan ke arah menjadikan kurikulum yang sedia ada yang lebih inovatif bagi membantu murid-murid sekolah untuk dapat berfikir secara kritis dan analitis dan dengan demikian akan melahirkan kumpulan pekerja yang bukan sahaja berpendidikan tinggi tetapi juga mempunyai kepakaran yang tinggi dan bermotivasi.

Ini yang dinyatakan oleh '*Malaysian Institute of Economic Research*'. Tuan Yang di-Pertua, maka saya lihat di sinilah terletak cabaran kepada para pendidik, guru-guru kita. Mereka juga perlu bersikap *versatile* dan *adaptable* dengan izin kepada keperluan dan gagasan yang baru ini.

Saya penuh yakin para pendidik kita yang majoritinya mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik anak-anak bangsa akan menyahut cabaran ini. Mereka akan berusaha dan berupaya melahirkan murid-murid yang akan menjadi pekerja seperti apa yang diperlukan oleh negara kita pada masa ini dan masa hadapan.

Bagi saya jasa yang besar dan tinggi yang ditinggalkan ataupun diberikan oleh pendidik, guru-guru kita ialah melahirkan pekerja-pekerja yang akan menempatkan kita di kalangan negara-negara yang mempunyai *knowledge workers* untuk menjadikan negara sebuah negara yang perkasa bukan dengan ketenteraan tetapi dengan anak-anak bangsa, warganegara yang berilmu tinggi, dihormati dan juga disegani di seluruh dunia.

Di samping guru-guru kita menjadi *versatile* dan *adaptable* saya juga ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan apakah pula langkah-langkah dan tindakan kementerian itu sendiri dalam usaha untuk membangunkan masyarakat pekerja yang berpengetahuan. Ini saya agak adalah satu cabaran yang besar dan memerlukan fokus yang baru di pihak Kementerian Pendidikan, yang saya lihat telah pun bermula sekarang ini dengan pembelajaran komputer dan juga pembinaan komputer-komputer lab di seluruh negara. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua kementerian akan memastikan pembinaan makmal komputer ini tidak akan terlewat lagi seperti apa yang berlaku sekarang ini.

Saya juga berharap guru-guru akan dilatih dengan kepakaran komputer agar ramai lagi akan menjadi celik komputer. Walaupun saya difahamkan memang sudah ada kursus-kursus IT dilaksanakan oleh kementerian untuk guru-guru. Ini juga saya lihat adalah selaras dengan philosophy yang disanjung ataupun yang selalu diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi iaitu *'life long learning'* dengan izin dan kita ingin melihat para guru kita bukan sahaja mendidik tetapi juga dalam mendidik mendapat pendidikan yang lebih tinggi lagi.

Lebih-lebih lagi sekarang ini kita lihat kerajaan begitu prihatin dengan kebajikan para pendidik dan baru-baru ini telah dinaikkan lagi gaji-gaji pengertua dan juga guru besar di sekolah-sekolah. Ini juga menunjukkan keprihatinan kerajaan kita.

Di samping itu juga saya ingin menggesa Kementerian Pendidikan supaya memastikan semoga tenaga pengajar pakar untuk mata pelajaran pengkomputeran sudah disediakan dengan mengambil para graduan dalam bidang komputer untuk menjadi guru-guru pelatih. Kerana dalam kita mengejar era ICT dan dalam kita mengejar ekonomi kita memerlukan tenaga pengajar, tenaga pendidik yang pakar dalam bidang komputer ini untuk mengajar mata pelajaran komputer ini di sekolah-sekolah agar makmal-makmal komputer yang kita bina di seluruh negara ini tidak akan sia-sia.

Tidak ada gunanya kita menggunakan tenaga pengajar yang separuh jalan sahaja. Yang tidak mempunyai cukup kepakaran untuk mengajar anak-anak kita. Jadinya anak-anak kita nanti separuh jalan juga. Tidak mempunyai pengetahuan komputer yang mencukupi dan yang sesuai untuk mengambil tempat di dalam 'work force' dengan izin yang diperlukan oleh negara kita pada masa ini.

Kerana saya melihat permasalahan yang sama ini berlaku di dalam bidang yang juga ada kena mengena dengan ICT dan k-ekonomi iaitu mata pelajaran Inggeris di mana masalah ini masih lagi berleluasa khususnya di sekolah-sekolah rendah di luar bandar dan saya rasa begitu juga di bandar-bandar.

Terdapat juga masalah pembelajaran bahasa Inggeris ini di mana kita tidak mempunyai guru-guru yang mencukupi di mana guru-guru yang terlatih yang benar-benar boleh mengajar Bahasa Inggeris ini dengan baik. Ini permasalahan. Saya harap tidak akan timbul dalam mata pelajaran pengkomputeran kerana ini ditekankan oleh kerajaan ditekankan oleh negara kita untuk memastikan kita mempunyai pekerja-pekerja yang berpengetahuan.

Tenaga pendidik itu penting dan tanpa mereka tentulah pendidikan komputer itu tidak dapat diajarkan kepada murid-murid walaupun sudah dibina makmal-makmal komputer yang canggih dengan komputer-komputer yang canggih.

Jadi sekali lagi saya berharap kepada Kementerian Pendidikan supaya jangan dilupakan untuk mendapatkan tenaga-tenaga pendidik yang akan mengajar dalam bidang komputer ini daripada mereka yang mempunyai kepakaran yang sesuai bukan setakat guru-guru yang kita ambil yang kita latih 3 bulan, 2 bulan dalam semasa cuti umpamanya. Mereka ini nanti juga kita hantar untuk mengajar anak-anak kita dan kita katakan kita sudah mempunyai tenaga yang cukup untuk mengajar dalam mata pelajaran komputer ini.

Jadi sekali lagi saya menekankan ini amat penting kerana kita tidak mahu dia berlaku dengan mata pelajaran Inggeris di mana guru yang mengajar Bahasa Inggeris juga tidak tahu macam mana bercakap dalam bahasa Inggeris tetapi oleh kerana dia dipaksa, dia bukan hendak tetapi dia dipaksa untuk mengajar Bahasa Inggeris maka dia terpaksa mengajar Bahasa Inggeris walaupun dia sendiri mungkin tidak tahu apakah ertinya perkataan Inggeris yang diajarkan kepada anak-anak muridnya.

Ini bukanlah satu benda yang saya buat-buat kerana saya bertanya sendiri dengan anak-anak dan merekalah memberitahu memang guru-guru mengajar Bahasa Inggeris menggunakan bahasa Malaysia kita.

Timbalan Yang di-Pertua, saya juga melihat perbelanjaan RM34 juta untuk biasiswa dan RM155.2 juta yang diperuntukkan untuk pertama menampung keperluan 4 buah kolej universiti yang baru, pembukaan semula kampus cawangan Universiti Putera Malaysia di Bintulu yang kita alu-alukan serta pembayaran emolumen berikutan pertukaran skim perkhidmatan pensyarah Universiti Teknologi Mara. Ini mungkin sesuai dengan ITM dinaikkan statusnya kepada universiti.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Barisan Nasional terhadap pendidikan dalam negara ini seperti saya katakan awal-awal tadi, khususnya pendidikan tinggi. Tetapi apa yang membimbangkan saya ialah penekanan pelajar-pelajar khususnya di peringkat universiti ke atas kewujudan 'student council' khususnya kepada apa yang dipanggil oleh mereka 'pilihan raya kampus'. SeHINGGAKAN perkara ini mendapat liputan yang begitu meluas oleh pihak media massa dan amat menyedihkan lagi bila timbullah panggilan-panggilan pelajar prokerajaan, yang tidak prokerajaan yang disiarkan juga di surat-surat khabar seolah-olah mengiktiraf bahawasanya 'student council' di IPTA itu adalah gelanggang politik. Untuk pelajar-pelajar kita yang masa depan mereka pun masih belum tahu lagi, kabur, iaitu banyak bergantung kepada prestasi pendidikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin meminta kepada semua pihak termasuk pihak media massa agar tidak terlalu memberikan tekanan ke atas perkara-perkara seperti itu seHINGGAKAN menimbulkan suatu pemikiran dan idea di kepala anak-anak kita yang sedang menuntut bahawasanya pemilihan 'student council' mereka itu seolah-olah satu peristiwa untuk memilih kerajaan kecil di dalam kampus-kampus.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Azizah, Dato' Ghazi minta laluan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti sejak awal tadi penyampaian Yang Berhormat Puan Hajah Azizah dan saya tertarik sekali dengan pendekatan, pengkhususan beliau mengenai proses pendidikan di negeri Sabah khususnya, dan bagaimana perkembangan penyesuaian masyarakat dalam membentuk k-ekonomi, *knowledge workers* dan sebagainya akhirnya sampai ke IPTA, mengenai masalah pelajar dan persepsi masyarakat tentang pemilihan baru-baru ini.

Dua soalan yang saya minta pandangan dari Yang Berhormat, bab pertama Yang Berhormat banyak bercakap tentang *knowledge economy*, *knowledge workers* dan masalah guru tak tepat, tak berkebolehan. Apakah senario sepintas lalu secara menyeluruh di negeri Sabah dari segi persekolahan dan jabatan kerajaan. Ambil dua sektor sahaja tak payah, yang swasta agaknya susah sebab kita tidak mempunyai tanggungjawab secara terang, secara terus, tentang kesediaan masyarakat ataupun kakitangan kerajaan dalam menghadapi benda-benda baru Yang Berhormat ceritakan tadi.

Sebagai contoh saya mengatakan terdapat cerita-cerita mengatakan, kadang-kadang dalam jabatan kerajaan, dibeli banyak alat komputer tetapi alat-alat komputer yang dibeli dengan harga yang begitu mahal sebenarnya tidak dipakai oleh kakitangan. Jadi permasalahan ini saya ingin tanya senarionya di Sabah. Itu satu.

Keduanya yang berkenaan dengan cerita pemilihan pemimpin-pemimpin pelajar dan bagaimana pihak media menaikkan, memberi imej persepsi yang salah itu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Hajah Azizah. Cuma saya ingin mengetahui dengan lebih panjang, mengapa perkara ini berlaku sedangkan apabila kita melihat masalah isu politik tidak hendak ada di IPTA, pihak media juga yang mengembar-gemburkan hal ini dan membawa cerita bahawa ini tidak patut berlaku.

Tetapi bila tiba masanya perkara ini, berlaku pemilihan untuk pertama kali diberi fokus dengan begitu hebat, seolah-olah mengadakan satu mini pilihan raya, macam Yang Berhormat sebut. Jadi di manakah rasional pihak media yang tidak menunjukkan *consistency* dalam usaha untuk memimpin pemikiran masyarakat sebab saya percaya, pada pendapat saya, saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat, media mempunyai peranan penting untuk memimpin masyarakat dalam membuat dan memikir sesuatu, *opinion leader* dengan izin. Tetapi kalau pada satu masa dia memimpin ke arah ini, tapi masa yang lain dia bercanggah, lain pula. Jadi di mana yang masyarakat yang orang kampung, macam saya umpamanya, baca dan saya melihat kontradiksi ini.

Apa pandangan Yang Berhormat dan apa jalan penyelesaiannya. Apa yang patut kita buat lagi kerana kalau tidak, perkara berlarutan. Percanggahan berlaku dari minggu ke minggu atau dari bulan ke bulan atau dari musim ke musim. Percanggahan ini tidak baik untuk masyarakat umum, masyarakat yang kita kata hendak didik, hendak pimpin untuk masyarakat berilmu. Kita masukkan ilmu songsang maka dia akan terbawa dengan ilmu songsang. Saya ingin mendapat komen dan pendapat Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi. Itu soalan yang memang berat. Dua soalan sebenarnya.

Yang pertama berkenaan dengan *knowledge workers* ini di negeri saya Sabahlah. Tadi saya sebenarnya komen Datuk bukan untuk Negeri Sabah sahaja tapi keseluruhan negara kita Malaysia, cuma bagi contoh Sabah.

Di Sabah memang sudah diwujudkan pun *electronic government* dan ertinya semua menggunakan peralatan yang canggih seperti komputer ini. Dan seperti yang saya sebut dari awal tadi, malahan anak-anak kita di kampung pun yang belum lagi nampak komputer pun begitu berminat untuk menggunakan alat tersebut dan saya yakin jika perkara seperti itu di datangkan kepada mereka, akan dapat digunakan sebaik mungkin dan untuk membantu mereka dalam pembelajaran mereka.

Saya melihat juga, malah di pekan asal saya sendiri terdapat juga *cyber net* misalnya dan saya melihat anak-anak ini yang memang di rumah mereka memang tidak mempunyai komputer lah, tapi mereka saya lihat begitu gemar sekali untuk mengunjungi tempat seperti ini dan melayari laman-laman *web*. Jadi tentunya penerimaan itu, walaupun di luar bandar agak baik dan cumanya perlu lagi di perhebatkan, apa namanya....., ICT ini diperhebatkan lagi kemudahannya ke luar

bandar seperti apa yang telah pun dijanjikan oleh kerajaan tetapi setakat ini masih lagi belum dapat dilaksanakan dengan baiklah.

Saya tidak tahu apa yang Yang Berhormat Datuk Ghazi katakan ada pegawai-pegawai yang membeli alat komputer yang canggih tetapi tidak menggunakan dan mungkin kerana dia tengok rakan yang lain ada alat yang canggih, maka dia pun ingin juga. Ini masalah tabiat orang Melayu yang saya kesal, kerana nampak orang lain ada benda yang canggih, dia pun nak juga dengki!. Tapi tidak belajar macam mana menggunakannya, maka dia tidak menggunakan dan mungkin di sini kita tekanlah cara, latihan untuk pegawai-pegawai ini supaya mereka mengikuti latihan dan menggunakan alat-alat yang canggih ini dan mungkin juga perlu dipantau oleh pihak yang berkenaan supaya janganlah beli benda yang baru tapi kita tidak tahu cara menggunakannya. Belajarlah dulu kemudian belilah.

Dan untuk kedua tadi itu berkenaan dengan tumpuan yang diberikan oleh media massa terhadap pemilihan yang berlangsung baru-baru ini di kampus-kampus universiti kita. Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi kerana media massa ini yang dapat sebenarnya mengolah ataupun memimpin kita, rakyat dalam sebuah negara itu membuat sesuatu persepsi.

Timbul pula percanggahan di mana mereka yang mula-mulanya meminta supaya politik kampus dihapuskan atau dikurangkan dan kini mereka juga yang memberikan liputan yang begitu meluas, apabila berlakunya pilihan raya..., yang mereka sebutkan pilihan raya. Ini yang mereka sebutkan, saya tidak bersetujulah, di kampus baru-baru ini. Saya melihat ini memanglah sesuatu yang kurang baik. Mungkin ini juga timbul oleh kerana kita difahamkan dahulu bahawa parti-parti pembangkang begitu giat menjalankan kerja-kerja mereka di kampus-kampus bersama-sama dengan pelajar-pelajar dan dengan ini juga maka berlakunya pertembungan idea politik antara parti pembangkang dengan parti kerajaan di dalam kampus.

Jadi dengan demikian, oleh kerana pihak media massa, dia ingin mendapatkan cerita-cerita yang sensasi untuk ditayangkan kepada para pembaca dan para pendengar maka mungkin mereka melihat oleh kerana kali ini ada pula cerita-cerita calon-calon pro-government dan calon-calon yang tidak pro-government, maka media mengambil kesempatan ini untuk memberikan liputan yang meluas.

Jadi, saya memang tidak setuju dengan cara ini, tapi apakah caranya untuk kita mengatasi, menangani masalah ini supaya tidak berlanjutan. Mungkin seperti apa yang saya sarankan tadi kita jauhkan politik itu daripada pelajar-pelajar kita agar mereka dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya untuk menjadi warganegara yang cemerlang. Itu yang perlu kita utamakan. Jangan anak-anak ini diajar awal-awal lagi berpolitik. Saya bimbang suatu ketika nanti orang Malaysia ini khususnya orang-orang Melayulah yang banyak, yang turut berpolitik ini di dalam kampus-kampus ini akan menjadi orang yang pintar berpolitik sahaja tetapi tidak cemerlang dalam pendidikan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang minta laluan. Jemput Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta pandangan Yang Berhormat bagaimana saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut supaya pelajar-pelajar dijauhi daripada politik. Tetapi fenomena yang berlaku maknanya apa yang sedang kita lihat, apabila kerajaan meletakkan Akta Universiti supaya mengharamkan parti-parti politik dalam kampus, tetapi apa yang berlaku menteri sendiri yang melakukan perkara ini. Apa komen Yang Berhormat tentang fenomena yang berlaku? Terima kasih.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat. Kadang-kadang menteri ini kerana dia menteri, dia dijemput oleh mana-mana badan pun termasuklah mungkin persatuan, untuk *officiate* dengan izin, satu-satu program dia. Bagi mereka ini satu kebanggaan. Tidak lah seorang pemimpin itu, apatah lagi dia seorang menteri jika dijemput dia tidak mahu datang. Jadi saya rasa itu pun satu penghargaan juga kepada pelajar-pelajar kita sebab mereka kadang-kadang marah kerana menteri tidak mahu datang bila dijemput. Sebenarnya itu untuk menjauhkan daripada membawa politik ke kampus tetapi bila sudah ada tuduhan seperti itu, maka baiklah untuk menteri itu datang apabila dijemput, bukannya untuk berpolitik.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, jemput.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya mahu penjelasan lebih lanjutlah. Jika menteri dijemput, maka tidak salahlah kalau Menteri Besar daripada pembangkang pun boleh dijemput. Sebab saya difahamkan bagaimana Menteri Besar, Tuan Guru Haji Nik Aziz dia dihalang daripada memasuki kampus padahal dia datang atas jemputan, atas nama Menteri Besar bukan atas nama parti politik. Jadi kenapa dua 'pandu' satu perkara yang berbeza. Jadi sekiranya kalau kita datang atas nama Ahli Dewan Negara, atas nama kerajaan bukan atas nama parti, tetapi apa yang sebenarnya berlaku bagaimana mereka mengaku maknanya ini adalah calon-calon yang prokerajaan, itu seolah-olah mempengaruhi pelajar. Jadi, ini satu perkara yang saya rasa tidak sihat dan sepatutnya diberi perhatian oleh semua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua: Untuk makluman Yang Berhormat, siapa yang jemput ini, yang jemput itu siapa? Sudah datang, tidak beri masuk, maknanya yang menjemput itu bukan *authority*.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Persatuan pelajar itu sendiri yang jemput.

Timbalan Yang di-Pertua: Yalah. Yang ini maksudnya ada *authority* dia. Kalau hendak kira jemput, semua orang boleh jemput. Jemput Yang Berhormat.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang menjemput mestilah mendapat kebenaran daripada pihak yang berkenaan di universiti kerana yang menentukan sama ada boleh datang atau tidak itu universitilahkan? Sebab itu adalah satu badannya sendiri jadi merekalah yang memutuskan siapa sahaja yang boleh dijemput tetapi terpulang kepada mereka sama ada memberikan kebenaran atau tidak.

Saya ingin meneruskan perbincangan saya. Tuan Yang di-Pertua, ini juga dengan sendiri menyebabkan mereka yang terpilih tadi berfikir mereka pun sudah cukup berkuasa untuk mengugut kerajaan dan pemimpin-pemimpin untuk mengikuti segala kehendak mereka. Ini adalah satu keadaan saya rasalah, perkembangan yang kurang baik. Saya faham orang-orang muda, saya pun pernah muda juga, banyak yang idealis. Ini pun juga ada *pro's* dan *con'snya*. *Pro'snya* orang-orang muda yang idealis ini dia bersemangat berkobar-kobar. Jika digunakan untuk mendapatkan ilmu dan mencapai kecemerlangan dalam pendidikan dan akhirnya keluar ke dunia sebenar di luar kampus sebagai seorang insan yang berjaya dan cemerlang tentulah baik.

Con'snya pula kerana yang muda itu idealis, maka kemungkinan juga ini menyebabkan mereka itu mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak yang tertentu yang mempunyai pandangan-pandangan yang tertentu yang juga ingin memperalatkan semangat yang berkobar-kobar ini untuk melakukan perkara-perkara yang saya bimbang akan merosakkan dan merugikan pelajar-pelajar itu sendiri. Kerana di bahu mereka ini ada tanggungjawab untuk membela kaum keluarga mereka khususnya kalau anak-anak pelajar yang datang dari kampung, luar bandar, keluarga yang miskin yang miskin, ada tanggungjawab. Seperti awal-awal yang saya katakan tadi untuk membawa keluarga mereka keluar dari kepompong kemiskinan itu.

Mungkin mempunyai adik-adik yang ramai lagi yang perlu belajar mendapat pendidikan yang tinggi kerana ibu bapa mereka tidak mempunyai kemampuan. Maka kepada pelajar yang sudah masuk ke menara gading itulah tadi tertumpunya segala tanggungjawab untuk masa depan bukan sahaja dirinya tetapi adik-adiknya yang memerlukan. Oleh itu, kerana itulah saya ingin menggesa semua pihak yang berkenaan supaya berilah peluang kepada anak-anak kita ini untuk mencapai kejayaan dalam melakar masa depan mereka yang pada masa ini masih belum tentu lagi dan masih kabur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan juga diberikan untuk emolument pensyarah-pensyarah UiTM. Mungkin juga tindakan ini adalah selaras dengan kenaikan status UiTM kepada Universiti seperti yang saya sebutkan tadi. Dan saya

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah, ada Datuk Ghazi minta laluan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Hajah Azizah kerana beri laluan. Saya masih terfikir-fikir lagi tentang masalah pelajar ini kerana Yang Berhormat Hajah Azizah menyebut analisis mengenai selera anak muda ini, amat tepat sekali. Analisisnya tepat tetapi jawapannya masih kita tidak mendapat yang agak meyakinkan. Oleh kerana itu, saya ingin berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat dan saya teringat melihat suasana dan keseluruhan situasi universiti ini sebagai satu dunia anak muda yang mempunyai aspirasi dan kehendak *taste* (selera) khas ini sebagai peluang untuk mereka menerima pengalaman. Kalau ada kekosongan mereka cari sesuatu yang boleh mengisi kekosongan itu.

Apa pendapat Yang Berhormat kalau saya katakan mungkin kekosongan ini adalah kerana pihak pentadbiran atau pengurusan universiti itu sendiri lebih khusus umpamanya Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal pelajar (HEP) sebagai contoh. Mungkin biar sahaja persatuan-persatuan ini bergerak macam mana pun, terdedah kepada siapa sahaja, tanpa mempunyai satu wawasan dan misi bagaimana hendak merangka parameters supaya persatuan-persatuan ini bergerak mengikut landasan. Bukan hanya sekadar menyebut ayat sahaja tetapi mempunyai program-program yang aktif, yang strategik yang memang menuntut pemimpin-pemimpin pelajar ini untuk memikir bersama-sama, *getting involve* dalam program-program A, B, C, D. Dan mereka terpaksa kena menunjukkan kecemerlangan mereka sebagai pemimpin-pemimpin untuk menonjol kehebatan mereka dalam program A, B, C, D, E ini.

Saya tidak boleh fikir lagi A,B,C,D,E ini apa. Saya hanya memikir secara bentuk yang luas dahulu. Rangka itu kena kita bagi di atas bahu. TNC, HEP umpamanya, bukanlah dia buat perkara-perkara hanya tanggungjawab yang biasa. Kalau dia yang biasa, siapa pun boleh buat. Letak kerani kanan pun sudah boleh buat. Ini minta maaf. Ini saya hendak *express*, kata berlainan. Bila ada jawatan kanan sebagai pada saya, penguruslah, *manager, to manage*, untuk mengurus hal ehwal pelajar, ia menghendakkan satu daya pemikiran dan daya kreativiti yang lain yang berbentuk lain yang dia boleh dia faham ke mana dia hendak bawa pelajar ini, dalam bentuk aktiviti.

Kalau tadi dalam bidang akademik, kita tahu ke mana hendak bawa pelajar. Jadi, dia adalah program-programnya yang langsung dan tidak langsung dan sebagainya. Jadi, saya agak lebih melihat kepada bentuk ruang ini, kalaulah semua universiti, Timbalan Naib Canselor HEP begitu hebat dan kuat. Kemudian selalu dia berunding sesama sendiri rangka program, buat *competition*, datang berhubung dengan Parlimen. Parlimen kita ada Commonwealth Parliamentary Association (CPA) umpamanya, ada program tentang mendekati dengan *parliamentary democracy*, demokrasi berparlimen umpamanya.

Kalau begini, saya rasa pemimpin-pemimpin pelajar pun dia syok. Dia kata, "Wah, aku ada peluang. Boleh berdekatan dengan pemimpin-pemimpin negara. Aku pergi Parlimen. Aku bermesyuarat dengan Ahli-ahli Dewan Negara, umpamanya. Aku makan bersama-sama mereka." Rupanya dia pun sama dengan kita juga. Bila dia makan, dia bergurau, Dato' Hamzah bukan calang-calang orang, kalau dekat dengan dia, baru tahu isi perut dia. Dan dia kata, "Wah, ini boleh jadi member". Saya kalau Dato' Hamzah boleh jadi member dengan pelajar, saya pun boleh jadi member juga sebab ada di antaranya yang kita boleh bersama-sama mereka.

Saya sedang mencari-cari program yang boleh sahabat-sahabat kita dalam Dewan yang mulia ini umpamanya, bersama-sama mereka sebagai *colleague on the same ground, on the same playing field*. Saya lebih menuju ke arah itu. Jawapannya, wallahu'alam. Sekurang-kurangnya terpancar niat untuk ada yang begini. Kalaulah di pihak TNC HEP pula memikirkan sesuatu, kita boleh *start* bercakap. Saya kebetulan berada dalam Commonwealth Parliamentary Association. Kita pun sedang fikirkan tetapi kalau di sana boleh *hold* dulu, kita kata ayuh, mari kita buat sesuatu.

Jadi, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat dalam hal ini supaya sama-sama kita cuba cari jalan penyelesaian ataupun program khusus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Hajah Azizah.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi. Satu cadangan yang menarik dan memang saya rasa wajarlah. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi.

Ini memerlukan, saya lihatlah, memerlukan anjakan paradigma di kalangan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Mereka ini bukan sahaja pandai mengajar orang lain mengadakan anjakan paradigma, mereka sendiri juga saya lihat perlu ada anjakan paradigma dan kita berharap mudah-mudahan Kementerian Pendidikan dapat mencatat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi dan dikemukakan kepada universiti-universiti supaya mereka dapat mengambil iktibar daripada apa yang diperkatakan oleh seorang Ahli Dewan Negara yang mempunyai pengalaman yang luas untuk dapat dikongsi bersama dengan universiti-universiti.

Mudah-mudahan dengan cara itu nanti, maka pelajar-pelajar kita akan menjadi pelajar-pelajar yang tidak lagi mencari jalan lain untuk mengisi kekosongan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi itu dengan melakukan perkara-perkara ataupun mengikuti aktiviti-aktiviti yang tidak akan memberikan keuntungan apa-apa pun kepada mereka dan masa hadapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional di atas keperluan para pendidik seperti apa yang telah kita lihat dengan tambahan tabung pinjaman kenderaan dan juga kenaikan gaji dan gred pengetua dan guru besar. Ini patutlah dilihat oleh semua pihak secara positif dan wajar diberikan sanjungan. Bukan kita setakat untuk memuji kerajaan kita tetapi saya rasa memanglah ini sesuatu yang wajar.

Sehubungan dengan itu juga, saya amat berharap dan saya amat yakin juga bahawa warga pendidik kita akan berusaha dengan lebih gigih lagi bagi menyahut cabaran yang dilontarkan sekarang ini kepada mereka iaitu meritokrasi untuk anak-anak didik mereka dan melahirkan pelajar-pelajar dan graduan-graduan yang bukan sahaja cemerlang tetapi juga mampu bersaing di pasaran, baik di dalam negara mahupun juga di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat situasi dunia hari ini selepas tragedi yang dikatakan Tragedi 11 September yang berlaku di Amerika, telah pun memberi satu peluang kepada institusi pengajian tinggi di negara kita ini untuk menambah *intake*, dengan izin, pelajar luar negara dan secara tidak langsung membawa pertukaran wang asing ke dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Di sinilah juga saya melihat pihak IPTA, IPTS, warga pendidik dan para pelajar negara dapat memainkan peranan masing-masing bagi meletakkan pendidikan tinggi di negara kita yang tercinta ini di persada yang tinggi. Melalui promosi-promosi yang positif, contoh-contoh kecemerlangan di kalangan pendidik dan juga pelajarnya dan *innovation* dengan izin, di kalangan warga pendidik dan pelajar IPTA dan IPTS itu sendiri.

Tidak ada ertinya kita menjadi pendidik yang *terror*lah, dengan izin, kata orang kampung dan pelajar-pelajar yang *terror* juga, dengan izin, supaya untuk

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa maksud "*terror*"itu?

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: *Terror* – menakutkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, menakutkan.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Ini perkataan yang digunakan oleh orang kampung. Kalau dia itu istimewa, dia itu *terror*lah. Tidak tahulah di sini tetapi di Sabah, di kampung selalu gunakan perkataan *terror*. Kalau macam Datuk Ghazi itu, *terror*lah. [Ketawa]

Yang berupaya untuk menggugat kerajaan, misalnyalah umpamanya. Tetapi tidak berupaya melahirkan warga yang cemerlang yang boleh membawa nama baik universiti itu sendiri dan negara kita. Dalam pandangan saya yang kerdil inilah, sepatutnya menjadi wadah perjuangan para pendidik dan pelajar.

Mungkin juga ada yang mengatakan bahawa pandangan ini terlalu idealistik tetapi bukankah anak-anak muda kita ini di universiti juga dikatakan idealistik. Jadi, mengapakah tidak semangat yang berkobar-kobar ini dibantu untuk disalurkan ke arah mencemerlangkan diri mereka dalam pendidikan mereka.

Maka dengan ini tentulah tidak sia-sia perbelanjaan besar yang dilakukan atau yang diperuntukkan oleh kerajaan dalam menimang pendidikan di negara kita Malaysia ini. Sekali lagi saya ingin menekankan supaya kita mengambil peluang yang sebaik mungkin ini selepas tragedi 11 September di Amerika Syarikat supaya kita dapat menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar khususnya daripada Timur Tengah dan negara-negara jiran yang lain untuk datang belajar di institusi pendidikan tinggi di negara kita Malaysia ini.

Kalau dahulunya kita semua berlumba-lumba untuk pergi belajar ke London, ke England, ke Australia, ada juga yang pergi ke Amerika tetapi saya tidak minatalah pergi ke Amerika. Kebanyakan kita yang ada di sini mungkin adalah graduan daripada luar negara kerana kita melihatkan bahawa pendidikan di situ amat tinggi prestasinya dan begitu menarik sekali bagi orang yang masih muda-muda lagilah. Kerajaan kita bercadang untuk menjadikan negara kita ini sebuah negara yang menjadi tempat yang cemerlang pendidikannya a....

Timbalan Yang di-Pertua: Pusat kecemerlangan pendidikan.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pusat kecemerlangan pendidikan, terima kasih.

Jadi, kita semua boleh membantu khususnya universiti-universiti tempatan kita sama ada yang awam dan juga swasta, begitu juga para pendidiknya, begitu juga para pelajarannya. Untuk memastikan nama universiti kita itu dipandang tinggi oleh orang-orang luar dan mereka berkeinginan untuk datang ke mar i. Kita tidak mahulah ditunjukkan di kaca televisyen itu *student* kita asyik mengadakan demonstrasi lebih-lebih lagi kalau media massa luar negara yang tidak berapa minat dengan negara kita dia sukalah tengok benda-benda itu kepada penonton di luar negara. Kita tidak mahu itu.

Yang kita mahu lihat supaya disiarkan berita atau akhbar yang mengatakan bahawa Universiti Malaya pusat pendidikan yang cemerlang dapat melahirkan graduan yang mempunyai keputusan yang baik, mempunyai tenaga pengajar yang telah dapat mengeluarkan atau menghasilkan pendidikan yang tinggi yang digunakan bukan sahaja oleh negara kita Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa. Bukan sahaja Universiti Malaya, malah mana-mana, semua universiti kita termasuklah Universiti Malaysia Sabah yang saya yakin mudah-mudahan minta kepada Allah *Subhanahuwataala* tidak akan dijangkiti oleh penyakit yang berlaku di kampus-kampus di sebelah sini. Mudah-mudahan saya berdoa. Inilah yang kita mahu dilihat oleh negara asing, agar ibu bapa daripada negara asing pun, negara lain ya, mahu menghantar anak-anak mereka belajar di pusat-pusat pendidikan dalam negara kita Malaysia ini.

Demikian juga anak-anak muda di sana mahu belajar di pusat-pusat pendidikan dalam negara kita dan dalam masa yang sama, anak-anak dalam negara ini yang mempunyai ibu bapa yang mempunyai wang yang banyak yang mempunyai kemampuan biasanya sampai ke saat ini pun masih lagi mahu menghantar anaknya ke luar negara. Kelmarin saya berbuka puasa dengan anak saudara saya yang baru sahaja tamat peperiksaan SPM, dia pun tengah mencari-cari kolej swasta untuk membuat matrikulasi pergi belajar ke Australia.

Jadi, nampaknya trend untuk mahu belajar ke luar negara ini masih lagi ada. Dan seorang lagi anak saudara saya juga sedang belajar di Australia. Jadi, saya melihat trend ini ibu bapanya kerana dia mempunyai kemampuan sedikit maka dia tidak minat untuk menghantar anaknya belajar di institusi pengajian tinggi di dalam negara kita. Dia lebih s uka, kata lebih baik pergi ke A ustralia, University of Melbourne, Monash University dan sebagainya untuk belajar *accountancy*. Ini umpamanya. Dia tidak mahu kata, oh!, hantar belajar ke Universiti Utara misalnya yang mewujudkan subjek yang ada kaitan dengan *business*....

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hajah Azizah, dijemput Datuk.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Azizah kerana memberi laluan kepada saya. Kalau tidak salah saya, Yang Berhormat cuba memberi senario yang agaknya tidak begitu menyenangkan sebab anak-anak

muda ini terfikir semuanya hendak pergi ke Australia kenapa tidak fikir UUM. Begitu ya Yang Berhormat? Itu yang saya faham.

Saya agak berbeza pendapat di sini. Kalau kanak-kanak ini datang dari golongan ibu bapa yang mampu, pada saya okay dia ke luar negeri dan belajar kerana belajar di luar negeri itu pun ada marfaatnya kerana pembelajaran daripada proses pendidikan adalah lebih luas lagi daripada setakat mendapat ijazah daripada University of Melbourne atau apa sahaja yang Yang Berhormat sebut. Itu pada pandangan saya. Sebab biarlah kita pelbagaikan, mana yang mampu boleh pergi, patut dia pergi ke sana. Sebab kebajikannya juga ialah kepada negara kita. Negara kita tidak hendak..... saya tidak nampak walaupun negara Malaysia menjadi pusat kecemerlangan Yang Berhormat Datuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Bakal.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Bakal, bakal insyaAllah menuju ke arah itu sekarang. Saya tidak bayangkan bahawa keseluruhan penduduk mesti belajar di sini sahaja. Kita tidak hendak wujudkan suasana apa yang dikatakan katak di bawah tempurung ala abad ke 21 atau katak di bawah tempurung K...

Tuan Haji Karim bin Salleh: [Menyampuk]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Apa dia? Lebih kurang macam itulah apa sahaja terminologi. Maksud saya ialah biarlah ada suasana di mana mutu pendidikan yang ditawarkan dalam negara baik untuk orang luar negara boleh datang sini kerana banyak sebab di antaranya kos dan sebagainya dan anak-anak kampung yang tidak mempunyai peluang ke luar negara, mendapat tahap pendidikan yang sama di sini, tiada kurangnya. Tetapi kepada mereka yang ada kemampuan, biar dia keluar. Saya ingin kalau jumpa anak saudara Yang Berhormat Hajah, saya kata bagus pergi. Apa you hendak belajar. Cuma kita hendak bagi nasihat, apa yang you hendak belajar.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekurang-kurangnya menghabiskan sikit duit bapa yang banyak itu.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Apa Datuk kata?

Timbalan Yang di-Pertua: Sekurang-kurangnya menghabiskan sikit duit bapa yang banyak itu.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ha, habis dengan benda-benda yang manfaat. Bapa pun kena jaga juga, sebab kalau tidak terancang bahan-bahan yang dia hendak belanja dia pergi belanja benda yang tidak baik. Tetapi bila kita sudah nampak bidang pendidikan yang memberi manfaat hendak kita tonjolkan kemanfaatan itu.

Saya sedar mungkin ibu bapa pada umumnya merasakan janggal untuk anak-anak belajar ke luar negara kerana banyak masalah negatif. Tetapi pada saya kalau ditonjolkan yang positif itu dengan lebih jelas dan nyata, yang positif itu akan melebihi yang negatif. Pada pendapat saya.

Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat dari segi ini kerana ini kita datang pada peringkat membina negara. Kita bercakap anak-anak muda paling hebat, baik sekali. Tetapi bila datang soal kritikal di mana pendedahan pendidikan mereka hendak kita kongkong di sini atau hendak kita perluaskan, walaupun terpaksa menghadapi risiko. Dan bila manusia mencapai melalui risiko ini, hasil dia itu lazat dan nikmatnya lebih. Itu dia punya falsafah.

Dan saya ingin kata Yang Berhormat dalam penyampaian tadi saya kata Yang Berhormat pun masuk di kalangan yang *terror*. Itu yang saya faham. Suara Yang Berhormat pun agak menarik dan *terror* [Tepuk] [Sorak].

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak betulkan istilah *terror* ini. Kalau tadi Yang Berhormat Puan Hajah Azizah kata Datuk Ghazi ini *terror* maksud di situ hebat bukan maksudnya *terror* yang menakutkan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Di kalangan kawan-kawan saya yang banyak *terror* ini selalu yang bukan yang menakutkan, *terror* bahasa Inggeris *terror* yang menakutkan, *terrorism*. Tapi *terror* ini erti kata kekuasaan bahasa ini. *Terror* ni, macam Dato' Hamzahlah sebagai contoh. Yang Berhormat Dato' Hamzah kalau kita bincang dan kenal dengan dia akhirnya kita kata, Wah, *terror* you ni! Itu maksudnya jadi di

antaranya begitulah dia punya intonasi dia. Kita dapat maklumat tahu sikit, itu yang jadi...jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput sambung Puan Hajah

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih. Betullah tu, hebatlah maksudnya. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ghazi, bukanlah saya mengatakan tentang ibu bapa yang menghantar anaknya belajar ke luar negara itu tidak baik, tapi apa yang saya ingin sampaikan di Dewan yang mulia ini bahwa a ibu bapa itu, oleh kerana dia mempunyai kemampuan dia melihat mengapa dia mahu menghantar anaknya ke luar negara dia melihat bahwa prestasi pendidikan yang ada di dalam negara kita masih lagi tidak ke tahap yang dia inginkan untuk anak-anaknya mendapatkan. Jadi itu sebab dia mengambil keputusan, tidak apalah dia belanja sedikit dia hantar anaknya ke luar negara dengan wangnya sendiri.

Jadi masalahnya di sini yang saya lihat bahwa perlunya institusi pengajian tinggi dalam negara kita ini melihat per kara ini, masalah ini supaya universiti-universiti kita ini menjadi satu universiti yang diminati dan dihormati kerana dapat melahirkan graduan yang nanti akan dapat bersaing di pasaran kerana pernah saya katakan dulu di Dewan yang mulia ini dulu kalau tidak salah. Ada satu cerita di mana seorang pelajar graduan yang lulus ijazah perakaunan dengan kelas 1 daripada institusi pengajian tempatanlah. Memang seorang pelajar yang cemerlang dan dia berusaha untuk mendapatkan pekerjaan dalam firma audit yang terkenal antarabangsa dalam negara ini juga. Memanglah firma itu berminat untuk mendapatkan akauntan daripada kalangan bumiputera kerana graduan itu seorang bumiputera dan dia ditemuduga, *interview* oleh panel penemuduga daripada firma tersebut. Pertama kali gagal, mereka tidak nampak ada peluang untuk mengambil beliau sebagai akauntan dalam firma tersebut. Dia cuba lagi, hantar lagi lain orang *partner* untuk mengadakan temuduga, begitu jugalah ceritanya, mereka masih juga tidak dapat mengambil graduan yang mendapat kelas 1 dalam bidang perakaunan. Sebabnya mengapa? Sebabnya beliau tidak boleh berbahasa dalam bahasa Inggeris.

Amat menyedihkan kita, pelajar yang telah memberikan tumpuan yang begitu mendalam pendidikannya sehingga dia cemerlang tetapi disebabkan dia tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris maka dia tidak dapat pekerjaan dalam firma antarabangsa, *auditing firm* antarabangsa ini. Bukankah itu satu perkara yang saya rasa mengecewakan sekalilah, bukan sahaja kepada graduan itu juga kepada ibu bapanya dan kita juga sebagai rakyat Malaysia yang mendengar cerita seperti itu memang kita bersedih dan kita berharap sangatlah perkara ini akan berubah, Insya Allah.

Seperti yang saya katakan tadi kalau boleh oleh kerana kerajaan telah, saya gunakan perkataan 'menimang' pendidikan di negara ini memberikan peruntukan begitu banyak sekali, tahun ini sahaja pun dalam RM9 billion peruntukan untuk pendidikan sahaja. Jadi saya berharap sangat supaya pihak IPTA dan IPTS juga, membantu sama untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan di dalam negara ini supaya ia lebih menarik pada semua pihak.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin mencadangkan di sini bukan setakat sahaja anak-anak orang yang berkemampuan yang dapat pergi belajar ke luar negara untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik lagi tetapi juga anak-anak bangsa yang kurang kemampuan juga perlu diberikan peluang yang sama ini, bukan setakat untuk belajar di institusi pengajian tinggi di dalam negara kita tetapi juga di luar negara.

Sehubungan dengan ini saya ingin memintalah kepada ibu bapa kerana anak-anak orang yang berada duduk di dalam bandar apabila dia belajar dia mempunyai segala kemudahan yang diberikan oleh sekolah dalam bandar yang boleh diberikan oleh ibu bapanya dengan cara menggunakan kemampuan kewangannya, tuisyen dan sebagainya. Maka dia menjadi lebih cemerlang daripada rakan-rakan sebayanya mungkin di sekolah luar bandar. Tetapi sekiranya kita bawa anak dari luar bandar tadi dalam keadaan yang sama seperti anak orang yang berada tadi kemungkinan besar juga dia juga boleh mendapat keputusan yang cemerlang kalau tidak pun lebih daripada anak orang yang berkemampuan tetapi sama dengan anak-anak orang yang berkemampuan tadi.

Jadi apa yang saya ingin kemukakan di sini supaya peluang diberikan kepada anak-anak di luar bandar tadi yang mungkin keputusannya kurang sedikit daripada

anak-anak di dalam bandar tadi untuk mendapat biasiswa supaya dia dapat belajar ke luar negara dan mendapat pendidikan yang sama baik dengan rakan-rakan sebayanya daripada anak-anak orang yang berada. Sekarang ini kita difahamkan bahawa biasiswa ini sama ada tajaan kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun Petronas, dia bagi kepada semua orang boleh memohon, anak-anak mana pun boleh memohon. Baru-baru ini saya melihat terbaca di surat khabar ada beberapa orang murid-murid di sebuah sekolah itu ibu bapanya mengeluh kerana permohonan dia tidak disampaikan kepada pihak Petronas. Jadi oleh kerana budak-budak yang cemerlang ini datang daripada bandar dan daripada keluarga yang mempunyai kemampuan untuk memberikan mereka tuisyen dan sebagainya, maka dia lebih cemerlang maka dialah yang layak untuk mendapat biasiswa yang ditawarkan oleh pihak-pihak tertentu ini seperti Petronas, Jabatan Perkhidmatan Awam dan sebagainya. Maka kawan-kawannya tadi yang kurang cemerlang itu tidak dapat ditawarkan, tidak mendapat peluang untuk mendapat biasiswa

Jadi saya meminta kepada ibu bapa, anak-anak yang cemerlang daripada keluarga yang berkemampuan ini kalau bolehlah kita bagi ihsan kepada anak-anak luar bandar yang kurang kemampuan, yang kurang cemerlang tetapi mungkin boleh sama cemerlang jika diberikan, jika dia mempunyai peluang yang sama seperti rakan sebayanya yang mempunyai ibu bapa yang mampu tadi, berikan dia peluang untuk mendapat biasiswa itu. Maka ibu bapa tadi yang anaknya lebih cemerlang itu bolehlah kalau boleh nasihatkan anak-anaknya, janganlah untuk memohon untuk mendapatkan biasiswa tapi, kamu memang cemerlang, memang baik oleh kerana bapa yang mempunyai wang yang lebih, yang banyak kita bagi jasa. Kita berbudi kepada anak-anak yang kurang kemampuan, bapalah yang bagi biasiswa sendiri, peribadi bapa yang berkemampuan seperti Yang Berhormat Dato' Ghazi dan Dato' Hamzah. Menghantar anak-anak ini gunakan wang sendiri, biasiswa sendiri dan biarlah biasiswa yang ditawarkan oleh kerajaan tadi dapat diberikan, diagih-agihkan kepada anak-anak yang kurang cemerlang tetapi saya kata mungkin sama cemerlang atau lebih cemerlang dalam keadaan *even playing field*.

Jadi inilah saya minta kepada ibu bapa, saya berharap di tahun hadapan ini mereka walaupun diberikan biasiswa, tolak bagi kepada anak-anak yang kurang cemerlang supaya mereka dapat peluang yang sama untuk belajar ke luar negara..

Dato' Dr. T. Marimuthu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan. Dijemput Dato' Dr. T. Marimuthu.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pemberian laluan kepada saya. Kerajaan akan menguatkuasakan satu skim meritokrasi dan kita harus *celebrate* kecemerlangan dan juga merit. Jika kita minta ibu bapa janganlah memohon untuk biasiswa-biasiswa, bukankah permohonan itu atau cadangan itu akan terjejas dengan promosi meritokrasi. Oleh kerana kita ada beberapa biasiswa yang diberi atas merit dan pencapaian akademik yang cemerlang saya tidak begitu bersetuju bahawa kita minta calon-calon ataupun ibu bapa janganlah memohon kepada biasiswa-biasiswa yang diadakan oleh kerajaan. Kita harus memberi motivasi dan juga menggalakkan murid-murid untuk mencapai tahap yang cemerlang.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput.

Puan Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu. Saya bersetuju dengan meritokrasi. Apa yang saya katakan tadi budak-budak yang kurang cemerlang dalam peperiksaan tadi daripada luar bandar, ibu bapa yang kurang berkemampuan dibandingkan dengan anak-anak yang belajar dalam bandar, sekolah yang canggih, dengan kemudahan ibu bapa yang berada, dengan kemudahan tuisyen yang diberikan kepada anak-anak itu tentulah dia akan lebih cemerlang dalam keputusan peperiksaannya berbanding dengan anak-anak di luar bandar. Jadi kita kena melihat dari segi perbezaan *playing field* tadi. Itu sebabnya saya mengatakan budak yang kurang cemerlang tadi mungkin juga dalam keadaan yang sama akan cemerlang sama sahaja atau lebih cemerlang dari anak-anak yang berada di bandar yang mempunyai ibu bapa yang berkemampuan dari segi kewangan.

Saya menyokong meritokrasi, saya yakin anak-anak di luar bandar itu juga dapat mencapai meritokrasi jika diberikan kemudahan yang sama, dalam kedudukan

yang sama, kewangan yang sama dan sebagainya. Jadi kita tidak memperkecil mereka. Saya meminta supaya jangan diperkecil anak-anak yang kurang dari segi bila mencapai keputusan peperiksaan, dia kurang cemerlang seperti kawannya di bandar. Tetapi apa yang saya minta ini supaya mereka diberikan peluang.....

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nampaknya ada yang minta laluan lagi, Datuk Ghazi sekali lagi, dijemput Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat mengenai hal itu dan jawapan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu. Saya ingat soalan ini amat baik dan kita cuba hendak cari *solution*, jalan penyelesaian.

Apa pendapat Yang Berhormat kalau sekiranya kita laksanakan pendapat Yang Berhormat itu, saya ingat baik dan soalan Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu pun kena juga. Bagaimana kalau begini, kita mempromosikan meritokrasi, merit mengikut yang terbaik kemudian kita raikan mereka yang sudah mencapai kecemerlangan pada tahap tinggi, berikutnya kita ada juga program, orang yang telah mencapai keputusan yang cemerlang dan mendapat biasiswa dan sebagainya, kita kenal pasti siapa yang hendak *volunteer* untuk *give up* melepaskan peluang ini, bagi peluang kepada *merit* yang kemudian, yang datang dari keluarga miskin umpamanya.

Jadi dengan proses ini kita dengan izin, *kills two birds with one stone*. Kita masih mempromosikan meritokrasi, kita raikan mereka yang berjaya dengan cemerlang tetapi kita kenal pasti juga siapa yang *come next* dan kita iktiraf juga bahawa mereka ini bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi cemerlang dari segi isi, budi, hati, naluri dan keprihatinan tentang membela nasib orang yang kurang berkemampuan.

Jadi pada saya, begini semuanya baik, yang tidak begitu dapat, dia dapat, dia lebih menghargai. Dia boleh jadi *mentor* pula, yang ibu bapa termasuk dengan anak yang cemerlang ini kita teruskan hubungan untuk maju ke hadapan lagi dalam bidang pendidikan. Kalau anak pergi ke universiti ini, anak ini pergi ke universiti itu, patut adakan hubungan, masa cuti buat program anak angkat. Dia ini datang duduk di bandar dengan ibu bapa yang mungkin berkemampuan ini. Bagaimana pendapat Yang Berhormat dari segi ini sebagai jawapan kepada soalan Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat.

Puan Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Datuk Ghazi. Memang hebat, saya boleh bersetuju dengan

Timbalan Yang di-Pertua: Memang *terror*.....

Puan Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Memang *terror*. Saya boleh bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Ghazi. Tetapi saya berkeyakinan memang ada ibu bapa yang mempunyai pemikiran yang jauh, yang sanggup membelanjakan wangnya sendiri walaupun dia tahu anaknya itu mempunyai kebolehan yang cemerlang, yang boleh melayakkan dia mendapat biasiswa daripada pihak kerajaan tetapi dia sengaja membelanjakan wangnya sendiri untuk menghantar anaknya ke luar negara supaya ada satu lagi peluang untuk anak-anak yang kurang berkemampuan untuk mendapat biasiswa ini.

Ini memang saya tahu secara peribadi. Saya mengetahui seorang bapa yang anaknya tahun lalu mendapat 8A dalam peperiksaan SPM, memang dia layak sepatutnya mendapat biasiswa kerajaan, anaknya bertanya, "Pak, kenapa saya tidak dibenarkan membuat permohonan untuk mendapat biasiswa sedangkan saya layak, saya dapat 8A," tetapi bapanya mengatakan, "Kita bagilah peluang ini untuk anak-anak orang yang kurang berkemampuan". Oleh kerana bapa mempunyai kemampuan, bukanlah bapa ini seorang *business man* yang berjaya cuma seorang yang mempunyai kelulusan *accountancy* dan bertugas di sektor swasta dan dia rasa dia berkemampuan untuk menghantar anaknya maka dia bagi laluan untuk seorang lagi anak orang lain yang mungkin kurang pencapaiannya tetapi boleh diberikan peluang dengan dia tidak membenarkan anaknya untuk membuat permohonan untuk mendapat biasiswa.

Saya percaya dan yakin ramai di kalangan orang-orang Malaysia yang sudah pun berjaya dalam hidup mereka yang akan sanggup memberikan peluang yang sama seperti cerita yang saya katakan tadi agar anak-anak khususnya daripada keluarga yang miskin, yang kurang berkemampuan dapat juga mencapai pendidikan yang baik dan tinggi dan juga dapat merasai nikmat belajar di luar negara seperti mana kita semua idamkan untuk anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, perbekalan tambahan ini juga telah memberikan peruntukan kepada sekolah rendah dan menengah untuk pusat pembelajaran bagi menyampaikan alat-alat bantuan pembelajaran dan lain-lain bagi dua mata pelajaran iaitu Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris. Saya pernah berkali-kali mengemukakan masalah kekurangan alat bantuan pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar, sekolah rendah di luar bandar yang mana telah membantutkan usaha para guru untuk membantu anak-anak murid mereka mencapai prestasi yang sewajarnya.

Di sinilah yang saya maksudkan, kurang alat-alat bantuan pembelajaran. Gurunya komited untuk membantu anak-anak didiknya mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tetapi oleh kerana kurang alat-alat bantuan pembelajaran ini maka mereka terpaksa menggunakan kewangan mereka sendiri untuk membantu anak-anak didik mereka untuk mencapai prestasi yang baik di sekolah-sekolah di luar bandar. Saya tabik guru-guru yang seperti ini.

Oleh itu, saya berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana telah mengambil tindakan yang tepat pada masanya untuk mengatasi masalah ini. Cuma, saya meminta agar Kementerian Pendidikan mengadakan pemantauan untuk memastikan peruntukan-peruntukan untuk alat-alat pembelajaran ini atau peralatan yang akan dihantar kepada sekolah-sekolah ini, yang perlu untuk membantu anak-anak luar bandar mencapai tahap prestasi yang tinggi supaya peralatan-peralatan ini sampai ke sasarannya iaitu ke sekolah-sekolah di luar bandar. Bukan setakat berada di Pejabat Pendidikan Bahagian ataupun Pejabat Pendidikan Daerah sahaja.

Tinjauan saya mendapati bahawa perkara inilah yang berlaku. Saya selalu memberitahu guru-guru di sekolah-sekolah yang saya kenal, bahawa kerajaan memberikan peruntukan yang besar untuk membantu pendidikan luar bandar. Mengapakah mereka masih lagi mengeluh, kurangnya peralatan bantuan untuk mengajar anak-anak didik mereka dan apa yang saya dengar daripada mereka bahawa mungkin benda ini tidak sampai ke sasaran. Ia hanya sampai ke Pejabat Pendidikan Bahagian ataupun Pejabat Pendidikan Daerah sahaja. Saya tidak mahu menuduh mana-mana pihak tetapi apa yang saya ingin sampaikan di sini adalah untuk membantu pelajar-pelajar kita di luar bandar, anak-anak di luar bandar untuk mencapai prestasi yang baik seperti mana yang kita harap-harapkan.

Jadi, cara ini sahajalah yang dapat menyampaikan masalah ini kepada pihak yang berkenaan. Kalau tidak, maka perkara yang sama akan berulang lagi. Walau macam mana besar pun peruntukan yang diberikan oleh kerajaan yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini, namun sekolah-sekolah di luar bandar masih lagi akan mengalami masalah yang sama iaitu tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk mendapatkan alat-alat bantu mengajar ataupun membantu pembelajaran bagi anak-anak di sekolah rendah.

Oleh kerana peruntukan adalah untuk menambah kemahiran murid sekolah rendah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup yang juga Bahasa Inggeris, maka adalah *imperative* dengan izin, peruntukan ini betul-betul sampai ke sasarannya. Kita dimaklumkan bahawa pencapaian Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah masih lagi terlalu rendah dan lemah. Maka, saya berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan, kepada kerajaan kerana telah mengambil tindakan yang amat bertepatan pada masanya ini. Harapan saya, prestasi pelajar kita dalam Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah di luar bandar khususnya di kampung-kampung akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B48 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ini akhirlah ya. Saya agak keputus untuk memindahkan Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) tentulah ada rasionalnya dan saya yakin tentulah tindakan ini diambil untuk kebajikan Orang-orang Asli itu sendiri. Saya berharap, sedikit masa lagi Orang-orang Asli seperti Yang Berhormat Datuk Long Jidin akan mengikuti dan terlibat sama dalam arus pembangunan perdana negara dan

dengan itu, maka tidak perlu lagilah diwujudkan Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli seperti yang ada sekarang ini.

Saya amat berkeyakinan seperti mana juga orang-orang luar bandar yang lain, orang-orang daripada kampung Orang-orang Asli juga mempunyai kebolehan untuk mengadaptasikan diri mereka kepada arus pembangunan perdana negara dan mereka juga berkebolehan untuk menjadi cerdik pandai yang boleh terlibat dalam arus pembangunan negara. Maka, tidak perlulah mereka berada dalam jabatan yang berasingan yang menjaga mereka. Sepatutnya mereka bersama-sama dengan kita semua dan tidak perlu lagi diadakan peruntukan yang khusus untuk menjaga Orang-orang Asli. Mereka adalah *part and parcel of* kita semua, warganegara Malaysia ini.

Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan ini dan saya menyokong akta yang dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) 2001. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan See Too Mee.

5.28 ptg.

Puan See Too Mee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan tentang Akta Bekalan Tambahan tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan kerajaan untuk meluluskan wang sejumlah RM1,537,800,000.00 untuk perbelanjaan mengurus Tambahan Ketiga tahun 2001 ini di mana telah melibatkan beberapa kementerian yang utama seperti Jabatan Perdana Menteri, Suruhanjaya Pilihan Raya, Kementerian Pendidikan, Perkhidmatan Am, Perbendaharaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya amat bersetuju dan menganggap bahawa perlu tambahan kepada perbelanjaan mengurus beberapa kementerian yang berkaitan. Walau bagaimanapun, di antaranya terdapat beberapa cadangan yang ingin saya kemukakan kepada kementerian yang berikut. Dalam Maksud B.4, pihak Suruhanjaya Pilihanraya memperuntukkan tambahan sebanyak RM22 juta sejak diadakan pilihan raya umum yang pertama dalam negara kita sehingga hari ini. Suruhanjaya Pilihanraya telah terbukti keupayaannya dalam menjalankan pilihan raya Dewan Rakyat dan semua Dewan Undangan Negeri seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan supaya prinsip demokrasi berparlimen dipelihara.

Walaupun sering mendapat sungutan daripada orang awam, khasnya parti pembangkang, namun keputusan selama ini diperakui serta diterima oleh semua parti-parti politik dalam negara kita. Pilihan raya yang diadakan sepanjang masa ini telah dijalankan dengan adil dan saksama tanpa memihak kepada mana-mana pihak sama ada kerajaan yang memerintah ataupun parti pembangkang. Adalah jelas menunjukkan bahawa terdapat kawasan yang dimenangi oleh parti pemerintah dan juga terdapat kawasan yang dimenangi oleh parti pembangkang dalam dua penggal.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan See Too Mee, oleh kerana masa sudah cukup, perbahasan Yang Berhormat boleh disambung pada hari esok.

Puan See Too Mee: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini ke hari Rabu 5 Disember 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.